

MAJALAH KORPORAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

QIADAH

KELANTAN MAJU, NIKMAT BERSAMA

FOKUS

**ECRL: LANDASAN EMAS
NEGERI PANTAI TIMUR**


VARIASI

**PROJEK WARISAN KAMPUNG LAUT:
PEMANGKIN INDUSTRI IKS BERKEMBANG**

MAKANAN

KERABU SARE

ISSN 2289-5418



9 772289 541000

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

UNTUK DIJUAL

RIYADUL KEBUN RAJA

RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK)

MERANTI, PASIR MAS

Lokasi

700 Meter daripada Klinik Kesihatan Meranti, Pasir Mas

Bersebelahan projek 59 unit Rumah Mampu Milik

Jenis	Harga Jualan	Unit	Baki Unit
Rumah Teres 1 Tingkat	RM85K	16	0
Rumah Teres 1 Tingkat	RM130K	43	26
Rumah Kedai 1 Tingkat	RM210K-RM340K	6	6

No. Lesen Pemaju: 13797-2/11-2022/03365 (L)

No. Permit Iklan & Jualan: 13797-2/11-2022/03365 (P)



1 Km Dari
Pekan Melor



3 Bilik Tidur
2 Bilik Air

RAUDHAH SOLIHIN

MELOR

RUMAH TERES SATU TINGKAT

16 UNIT
RM199,000 (MIN) - RM227,000 (MAX)
LUAS TANAH DARI 1399kp
LUAS BINAAN 854kp

RUMAH BERKEMBAR SATU TINGKAT

4 UNIT
RM288,000 (MIN) - RM305,000 (MAX)
LUAS TANAH DARI 3455kp
LUAS BINAAN 1200kp



Hubungi:

09-747 7227 / 019-217 4649

PMBK Development Sdn Bhd

KERANGKA **كأكسن وانيتا صالحة** GAGASAN WANITA SOLEHAH KELANTAN



• **KEBERKATAN** • **KEMAKMURAN** • **KEBAJIKAN** •

GAGASAN WANITA
KELANTAN (SOLEHAH)
2016-2030

MATLAMAT

- 1 Wanita Mukminah
- 2 Wanita Bijaksana
- 3 Wanita Dinamik
- 4 Wanita Cakna
- 5 Wanita Sakinah

KAEDAH

 1 Memperkasa Amalan Sosio-taqwa	 2 Memperkukuh Ilmu & Kemahiran	 3 Merangsang Potensi Diri & Kerajinan	 4 Menggerakkan Kecaknaan & Kebajikan	 5 Menyeimbangkan SOFIES (Spiritual, Fizikal, Intelektual, Emosi, Sosial)
---	--	---	--	--

BIDANG FOKUS

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> 1 Polisi & Urustadbir 2 Modal Insan 3 Dana & Pelaburan 4 Pengisian Spiritual 5 Keunikan Kelantan 6 Penyelarasan Negeri & Pusat | <ul style="list-style-type: none"> 7 Data Bersepadu 8 Sistem Penyampaian & Agihan 9 Sistem Sokongan 10 Jaringan Sosial & NGO 11 Media & Komunikasi 12 Prasarana Mesra Wanita |
|---|--|

DASAR & FALSAFAH

MBI & DASAR WANITA KELANTAN

DEFINISI

Gagasan Wanita Solehah merupakan satu agenda khas untuk membangun serta memperkasa wanita Kelantan yang bertindak sebagai satu garis panduan kepada pembuat dasar dan pemegang taruh dalam merangka pembangunan bagi melahirkan wanita Kelantan yang mampu memenuhi aspirasi, agenda, mendepani cabaran dan tuntutan wanita semasa pada peringkat tempatan dan antarabangsa.



MUKMINAH

Wanita yang menjunjung rukun Islam dan Iman serta berusaha mencapai tahap ihsan dalam semua aspek kehidupan (Muhsinah). Bagi wanita bukan Islam, mereka boleh mengamalkan ajaran agama masing-masing secara harmoni.



BIJAKSANA

Wanita yang unggul dari aspek intelektual dan keilmuan, mengenal kebenaran serta mengamalkannya dan mampu meletakkan segala urusan sesuai pada tempatnya.



CAKNA

Wanita yang prihatin serta terkehadapan dengan aktiviti filantropi dan kemasyarakatan.



DINAMIK

Wanita yang memiliki ciri keterampilan dan berkemahiran tinggi dalam konteks kehidupan, masyarakat dan profesion di peringkat lokal dan global serta mampu menghasilkan pembaharuan dan kemajuan.



SAKINAH

Wanita yang mencapai keseimbangan spiritual, fizikal, intelektual, emosional dan sosial (SOFIES) memperoleh ketenangan.

IMBAS QR CODE



MPW

011.3310 3454



Kebajikan

013.984 6916



Bencana

019.988 2999



Kaunseling

013.983 5912



Jahitan & Sulaman

013.984 5917



Taska Keluarga Mawaddah

010.837 9487



Pusat Sumber Sayyidatina Hafshah

019.981 3918



Daftar Sukarelawan

013.984 6913

AHLI JAWATANKUASA EDITORIAL QIADAH EDISI KE-26

KETUA EDITOR

Hj. Abdul Rashid Mohd Yusoff
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

SETIAUSAHA JAWATANKUASA EDITORIAL

Wan Mohd Husni Wan Osman
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JAWATANKUASA EDITORIAL

Dr. Wan Nik Wan Yusoff
Pengarah
Pusat Kajian Strategik

Mohd Asri Mat Daud
Setiausaha Politik
Menteri Besar Kelantan

Mohd Khairul Padli Baduldin
Setiausaha Akhbar
Menteri Besar Kelantan

Hj. Mahadi Mokhtar
Pengurus Kanan Pembangunan Korporat
Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings
Sdn. Bhd.

Mohd Haikal Rozaini
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Muhammad Najid Abdullah
Penolong Pengurus Latihan Modal Insan
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PENYELARAS EDITORIAL

Shariah Derahman
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PEMBANTU PENYELARAS EDITORIAL

Siti Norazami Mohamed Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

PENGARANG

Norzana Razaly (Zanazanzaly)

PENULIS BERSAMA

A. Ubaidillah Alias
Dr. Wan Adi Wan Yusoff
Dr. Abdullah Yusuf
Dr. Iskandar Tan
Dr. Lina Malini Mat Nafi
Nor Zainah Nordin
Nik Fauziah Nik Hussin
Nik Bahrum Nik Abdullah
Ezani Hj Daud
Tuan Siti Mastazameatun Long Tuan
Kechik
Tun Gemawan
Ade Irma Suryani Che Leh
Alin Alauddin
Zainal Abidin Muhamad
Shariah Derahman
Muhammad Najid Abdullah
Noorleyne Hamzah
Siti Norazami Mohamed Anuar
Yusri Yaakub
Nur Emy Syahira Mat Sulaiman

PEREKA GRAFIK & LAYOUT

Mohd Haikal Rozaini
Penolong Pengurus Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Shariah Derahman

Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Mustaqim Isa

Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JURUGAMBAR

Ahmad Nai'me Muhammad
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

JURUGAMBAR BERSAMA Unit Komunikasi Menteri Besar (UKMB)

Shahril Long
Perbadanan Muzium Kelantan
Ruzely Abdullah
Shasliza Samsuddin

PENGIKLANAN, PEMASARAN & PROMOSI

Jabatan Pemasaran
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

DITERBITKAN OLEH Perbadanan Menteri Besar Kelantan

Tingkat 6, Bangunan PMBK
Jalan Kuala Krai, 15150
Kota Bharu, Kelantan
Malaysia
Tel: 09-747 4082
Faks: 09-747 7815
Portal: www.pmbk.gov.my

DICETAK OLEH

Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
4200-A Simpang Tiga Telipot
Jalan Sultan Yahya Petra, P.O Box 67
15700 Kota Bharu
Kelantan.
No. Tel: 09-7481849
No. Faks: 09-7487064

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.

Hak cipta majalah korporat PMBK (Qiadah) dan kandungannya yang termasuk maklumat, teks, imej, grafik, logo, dan susunan-nya serta bahan-bahannya adalah hak milik PMBK. Tiada mana-mana bahagian paparan ini boleh diubah, disalin, diedar, disiarkan, dipamerkan, diterbitkan semula, dilesenkan, dipindah, disimpan, dijual atau mencipta karya terbitan daripada mana-mana maklumat atau bahagian paparan papan iklan, serta diuruskan bagi tujuan komersial dalam apa bentuk sekali pun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis yang jelas terlebih dahulu daripada PMBK.



**KEKAL
DI RUMAH
KEKAL
SELAMAT**

myAKSB

SEMAK • BAYAR • ADUAN • MAKLUMAN GANGGUAN

Muat turun aplikasi myAKSB dari Play Store (Android) & App Store (IOS) untuk semakan akaun, bayaran bil, aduan pelanggan dan makluman gangguan dengan cepat & mudah. Sebarang pertanyaan hubungi 15777.



iOS

Available on the
App Store

SCAN QR CODE
FOR IOS



ANDROID

ANDROID APP ON
Google play

SCAN QR CODE
FOR ANDROID



Anda kini boleh memuat turun aplikasi mudah alih version baru MyAKSB bagi pengguna Android dan juga pengguna telefon pintar Apple iPhone.



iOS

Langkah 1:
Buka App Store



Langkah 2:
Cari : myAKSB



Langkah 3:
Tekan : Install




ANDROID

Langkah 1:
Buka Google Play




Google Play

Langkah 2:
Cari : myAKSB



Langkah 3:
Tekan : Install



@airkelantan



Air Kelantan Official



pintas@airkelantan.com.my



019-575 5777
(Whatsapp Sahaja)


Terbitan : Unit Komunikasi Korporat

QIADAH



LAMAN HADAPAN:
**KELANTAN MAJU
NIKMAT
BERSAMA**

Pelan Strategik Kelantan Melangkah Kehadapan (KMK, 2016 – 2025) dalam menzahirkan tekad kita untuk mengharungi suatu perjalanan secara bersama, menerajui dan membawa Kelantan ke hadapan berlandaskan agenda Merakyat Membangun Bersama Islam. Seandainya projek mega berimpak tinggi berjalan mengikut jadual, ia akan menjadi pemangkin utama perkembangan ekonomi pantai Timur atas kapasiti meringkaskan masa logistik, mengurangkan kos, perkhidmatan lebih berkualiti dan efisien dalam aspek pengangkutan berimpak maksimum kepada seluruh penduduk pantai Timur.



PERISTIWA

8

AMANAT
BAHARU
2022



FOKUS

12

LANDASAN
EMAS NEGERI
PANTAI TIMUR



FOCUS

18

KELANTAN
GROWTH
EXPERIENCE



VARIASI

24

PELAKSANAAN
KELANTAN
DIGITAL



VARIASI

28

SASTERA-
BUDAYA
PENYATU KAUM



VARIASI

32

NGO BANTU
KERAJAAN
NEGERI



VARIASI

36

YIK LAHIRKAN
ALUMNI
CEMERLANG



VARIASI

40

KELESTARIAN
PEMBANGUNAN
MODAL INSAN



VARIASI

43

PROJEK WARISAN
KAMPUNG LAUT



VARIASI

46

PEKA & ILDAN



VARIASI

50

PLATFORM
DIGITAL BELIA



PEMINMPIN

54

DR. IZANI
& HILMI

LELUHUR



58

TIGA DESA BERSEJARAH

MAKANAN



61

KERABU SARE


DESTINASI



64

LATA KEDING

TOKOH



68

KARTUNIS ROSSEM

KELANTAN JENAMA



72

KELANTAN LUBUK MINERAL

SANA SINI KELANTAN



76

MI CELUP TELUR GEDIK

KELANTAN INSPIRASI



80

DR. UMMI ABDULLAH

PMBK FOKUS



84

MISI BANTUAN PASCA BANJIR

PMBK AKTIVITI



86

KUM MEMBAWA PEMBANGUNAN MAMPAN NEGERI KELANTAN

PMBK AKTIVITI



88

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

PMBK AKTIVITI



89

PENYERAHAN KUNCI RUMAH


PMBK AKTIVITI



90

BIO TAJMEEL & FUNNEL EVO

MASA TEROWONG



92

TEPI SUNGAI

KELANTAN DIALEK



94

KATA-KATA PENGUAT



AMANAT TAHUN BAHARU 2022 SEMPENA MAJLIS BERSAMA PENJAWAT AWAM NEGERI KELANTAN 2022

Al-Tabarani dan al-Bayhaqi meriwayatkan, daripada Aisyah r.a, bahawa Nabi SAW bersabda yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah mencintai seseorang mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia mengerjakannya secara profesional.*

الطبراني دان البيهقي مرويابتكن، درفد عائشة رضي الله عنها بهوا نبى صلى الله عليه وسلم برسبدا يغ
برمقصود: سسوغكوهن الله منچينتاءي سسأورغ مفرجاكن سسوات فكرجاءن، اي مفرجاكنن سچارا
فروفيسيونل.



Dalam Amanat Menteri Besar Kelantan 2022 sempena Majlis Bersama Penjawat Awam Negeri Kelantan 2022 yang telah diadakan pada 03 Jamadil Akhir 1443 bersamaan 06 Januari 2022 di Kota Darulnaim, Menteri Besar Kelantan mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam meningkatkan prestasi kewangan negeri yang mencatatkan lebihan (surplus) dalam tempoh lima tahun berturut-turut sejak tahun 2017. Menurutnya, lebihan hasil tersebut akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk program-program kebajikan rakyat dan pembangunan insan bagi pemulihan pasca COVID-19.

“Kita perlu memahami dan menyedari pandemik COVID-19 telah banyak mengubah sosioekonomi rakyat. Rakyat perlu dibantu dan disantuni supaya dapat keluar daripada belenggu kesan COVID-19 yang mungkin mengambil masa untuk pulih sepenuhnya lebih-lebih lagi rakyat juga terkesan dengan musibah banjir. Semoga kedatangan tahun 2022 akan memberikan kepada kita semua satu keazaman dan motivasi untuk menggalas amanah dan tanggungjawab dengan lebih berdedikasi dan meningkatkan pencapaian kerajaan negeri.”



دام أمانات منتري بسر كلنتن 2022 سمفنا مجلس برسام فنجاوت عوام نكري كلنتن 2022 يڠ تله داداكن فُد 03 جماد الآخر 1443 برسماين 06 جانواري 2022 دكوت دار النعيم، منتري بسر كلنتن مغوچشكن تهننه كُفد سماوا يڠ ترلييت دام منيغكتكن فريستاسي كاواغن نكري يڠ منچاتكن لبينهن (surplus) دام تيمفوه ليما تاهون برتوروت-توروت سچق تاهون 2017. منوروتن، لبينهن حاصل ترسوت اكن دنمفكتن سبايک موغكين اونتوق فُروكرم-فُروكرم كباچيكن رعيت دان فمباغونن إنسان باكي فموليهن فسچا COVID-19.

"كيت فُرو مهمامي دان مپداري فيندميک COVID-19 تله بايق مغوبه سوسيوايكونومي رعيت. رعيت فُرو دبتو دان دستوني سڤاي دافت كلوار درفد بلغكو كسن COVID-19 يڠ موغكين مغمبيل ماس اونتوق فُوليه سفنوهن لبينه-لبينه لائي رعيت جوگا ترکسن دغن مصيبه بنچير. سماوا كداتغن تاهون 2022 اكن ممبريكن كُفد كيت سماوا ساتو كعزمن دان موتواسي اونتوق مڠكالس امانه دان تفكوغجواب دغن لبينه برديكاسي دان منيغكتكن فنجافاين كراجان نكري." 



**YAB DATO' BENTARA KANAN
USTAZ DATO' HJ. AHMAD HJ. YAKOB**

((S.J.M.K.), (D.J.M.K.), (J.P.), (S.M.K.))

MENTERI BESAR KELANTAN merangkap
PENGERUSI PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Alhamdulillah, kita sembahkan setinggi langit pujian dan kesyukuran kepada Allah SWT pencipta dan pemilik seluruh alam. Selawat dan salam ke atas junjungan baginda SAW dan semua kaum muslimin dan muslimat yang berjuang di atas jalan yang sama.

Mutakhir ini, Kelantan menerima banyak pemberian projek mega daripada kerajaan Persekutuan, antaranya pembangunan infra yang melibatkan pembinaan jalan darat. Semestinya projek ini amat penting dan berimpak tinggi buat rakyat Kelantan kerana jalan darat ialah medium pengangkutan utama bagi warga tempatan. Ada dua projek mega yang dimaksudkan iaitu Projek Lebuh Raya Central Spine Road (CSR) dan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL).

Projek CSR dari Bentong, Pahang ke Kuala Krai, Kelantan dan Lebuh Raya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025. Kerja pembinaan lebuh raya sedang giat dijalankan dari Bentong ke Kuala Krai sejauh 295.7 kilometer (km) dan KBKK sejauh 67.6 km membabitkan beberapa pakej dengan jumlah keseluruhan kos RM9.5 bilion.

Kita tahu laluan CSR atau lebuh raya ini pasti menjadi pilihan utama anak Kelantan di perantauan sewaktu pulang ke kampung pada musim perayaan, cuti umum dan hari-hari keraian.

Projek ECRL melalui jajaran asal melibatkan anggaran kos pembinaan berjumlah RM50 bilion merupakan salah satu projek berimpak tinggi Rancangan Malaysia Ke-11. Projek ECRL bakal merubah landskap ekonomi tiga negeri itu iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang yang menjadi hab perdagangan, destinasi pelancongan,

KELANTAN MAJU, NIKMÁT BERSAMA

perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta tumpuan pelaburan baharu.

Projek ini sangat penting untuk mengurangkan jurang pembangunan antara pantai Timur dan pantai Barat. Saya berharap ECRL mampu menjadi pengubah strategi yang boleh memacu kadar pertumbuhan yang lebih tinggi untuk negeri-negeri pantai Timur.

Saya sangat teruja untuk melihat impak langsung kepada rakyat tempatan menerusi projek yang bakal membuka puluhan ribu peluang pekerjaan dalam tempoh puncak pembinaan ECRL pada tahun 2022-2023 nanti.

Kos barangan setempat juga dapat dikurangkan kerana kos pengangkutan kargo menerusi kereta api adalah lebih murah berbanding pengangkutan lain. Ia juga dapat menyumbang kepada penjagaan alam sekitar menerusi konsep logistik hijau. Seterusnya bagi pengguna motokar, mereka mampu mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian yang secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Seandainya dua antara 24 projek mega berimpak tinggi ini berjalan mengikut jadual, bererti Projek CSR akan siap pada tahun 2025 dan Projek ECRL pada tahun 2026. Kedua-duanya akan menjadi pemangkin utama perkembangan ekonomi pantai Timur atas kapasiti meringkaskan masa logistik, mengurangkan kos, perkhidmatan lebih berkualiti dan efisien dalam aspek pengangkutan berimpak maksimum kepada seluruh penduduk pantai Timur.

Saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kerajaan Persekutuan di atas semua pemberian projek mega yang berimpak besar ini. Kita mendoakan agar semua projek yang sedang berjalan akan siap pada masanya. Sekali gus mampu membawa kemajuan dan limpahan ekonomi kepada penduduk Kelantan serta seluruh warga Malaysia untuk dinikmati bersama. InsyaAllah. 



HJ. ABDUL RASHID MOHD YUSOFF

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

Alhamdulillah. Puji dan syukur hanya layak buat All`ah SWT. Selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda dan umatnya hingga hari kiamat.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Qasas, ayat 77 yang bermaksud: "Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmat-Nya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan".

Signifikan ayat ini memberikan pengajaran bahawa kemajuan dan kekayaan dunia perlu direbut oleh umat Islam selagi mana ia tidak membelakangkan akhirat. Keperluan hidup rakyat dalam masyarakat yang saksama, kemajuan ekonomi negeri yang mampan dan pembangunan sosial dan akhlak terpuji masyarakat menjadi sebahagian daripada kewajipan yang perlu diberi perhatian oleh pihak berkuasa negeri. Ia melengkapi keperluan yang perlu dilunasi oleh kerajaan kepada rakyat.

PMBK juga sebahagian daripada kerajaan yang bertanggungjawab membangunkan ekonomi negeri dengan tadbir urus yang baik dan berintegriti demi rakyat negeri Kelantan. Projek perumahan rakyat, pembangunan bandar-bandar baharu, perladangan, pertanian, dinar dirham dan kosmetik adalah projek ekonomi dan pelaburan Kumpulan PMBK termasuk Bazar Tok Guru (BTG).

KELANTAN MAJU, P M B K MELANGKAH KE HADAPAN

Membangunkan sebuah negeri adalah kerja berpahala, inilah yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan termasuk PMBK. Melalui pendekatan pentadbiran di bawah fasa Merakyat Membangun Bersama Islam dengan Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan; Kerberkatan, Kemakmuran dan Kebajikan memberikan suatu nilai tambah terpadu dalam pengurusan kerajaan. Gerak kerja yang disusun meluruskan jalan sejahtera membawa rakyat untuk hidup harmoni.

Dalam melunasi tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat, tugas membangunkan negeri adalah bersambung pahala demi kesejahteraan akhirat sebagaimana yang dimaksudkan dengan ayat di atas iaitu merebut pahala akhirat dengan kerja-kerja membangun negeri tanpa melupakan keperluan dan bahagian yang selayaknya di dunia.

Justeru Qiadah kali ini menfokuskan kemajuan yang dibuat di negeri Kelantan termasuk kerja-kerja memajukan negeri demi kemakmuran rakyat oleh Kumpulan PMBK adalah dokumentasi berekod yang perlu didedahkan. Di samping mengharap pahala akhirat, kerja-kerja ini perlu disenaraikan sebagai sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat sebagai pentadbir.

Semestinya dalam mengumpulkan semua bahan ini, penulis-penulis berhadapan dengan pelbagai kepayahan dalam mendapat dan mengumpulkan data. Saya doakan agar segala kepayahan dan kesukaran yang dihadapi akan diganjari pahala oleh Allah SWT.

Tidak dilupakan juga semua sidang editorial, pereka bentuk dan grafik serta jurugambar yang bertungkus lumus menyiapkan Qiadah kali ini. Mereka inilah tulang belakang yang memastikan Qiadah dapat disiapkan dan diberikan penghargaan atas keberhasilan mempersembahkan bahan bercetak ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan dan semoga Allah jua membalas segala komitmen yang diberikan.

Sekian, terima kasih. 



FOKUS

Oleh A. Ubaidillah Atlas

LANDASAN EMAS NEGERI PANTAI TIMUR

Projek East Coast Rail Link (ECRL) atau Laluan Rel Pantai Timur ialah projek yang dicadangkan untuk menghubungkan landasan kereta api antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu, Kelantan melalui Wilayah Ekonomi Pantai Timur iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Pada tahun 2016, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), telah melakukan penginderaan pasaran (market sensing) untuk mengukur faedah pasaran, mendapatkan pandangan dan idea untuk ECRL melalui beberapa kajian. Hasil ukurannya memperlihatkan begitu besar impak positif terhadap ekonomi negara dan negeri di sepanjang jajaran ECRL khususnya negeri-negeri pantai Timur.



YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan hadir di Majlis Pecah Tanah Projek Rel Laluan Pantai Timur (ECRL) di Kuantan.

PENYELESAI MASALAH KESESAKAN

Pelaksanaan ECRL melalui jajaran asal melibatkan anggaran kos pembinaan sejumlah RM50 bilion. Kos tersebut membabitkan rangkaian rel sepanjang 665 kilometer (km) dari Kota Bharu, Kelantan hingga Pelabuhan Klang, Selangor serta pembinaan 20 buah stesen dan empat laluan pertukaran meliputi pembinaan Pintasan Serendah di antara Serendah dan Pelabuhan Klang yang dapat menyelesaikan masalah kesesakan khidmat kargo yang dihadapi Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB) semasa melintasi pusat bandar Kuala Lumpur.

Anggaran kos pembinaan RM50 bilion adalah lebih rendah berbanding dengan anggaran kos pembinaan jajaran asal semasa ECRL dilancarkan pada 9 Ogos 2017. Kos pembinaan ini juga lebih murah daripada pembinaan ECRL melalui jajaran selatan dan ditambah dengan projek baru pintasan Serendah ke Pelabuhan Klang.

PENCETUS PERUBAHAN

Kerajaan Malaysia memberi perhatian berat dalam memastikan kejayaan projek ECRL yang merupakan salah satu projek berimpak tinggi Rancangan Malaysia

Ke-11 yang berperanan sebagai pencetus perubahan dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, dijangka meningkatkan pendapatan industri dan perniagaan di sepanjang laluan berkenaan.

UNIT KECIL KTMB

ECRL yang bakal dilancarkan ini adalah medium pengangkutan baharu dan hampir sepenuhnya menggunakan jajaran baharu yang berbeza daripada laluan KTMB. Kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama sebagai medium pengangkutan penting untuk negara. KTMB ialah pengendali kereta api utama di Semenanjung Malaysia. Asas perkhidmatan KTMB adalah melalui kereta api tolok yang berkhidmat di lebih 100 stesen di 10 negeri Semenanjung Malaysia termasuk Kelantan dan Singapura. Landasan kereta api tolok KTMB memiliki kepanjangan landasan sepanjang 1,677 km dan kira-kira 700km landasan tersebut adalah dielektrikkan.

KTMB juga mempunyai beberapa unit kecil yang membantu proses pengangkutan menjadi lebih mudah dan fleksibel berdasarkan lokaliti setempat;

1) KTM Antara Bandar (**KTM Intercity**) iaitu perkhidmatan antara bandar yang dioperasikan oleh

KTMB dalam rantau Semenanjung Malaysia dan Singapura.

2) **KTM ETS** atau juga dikenali sebagai **Electric Train Service** (Perkhidmatan Kereta Api Elektrik) yakni perkhidmatan kereta api tolok meter terpantas di Malaysia dan di dunia.



3) **KTM Komuter** ialah perkhidmatan kereta api komuter elektrik yang dilancarkan pada 1995, memfokuskan kepada penumpang yang bekerja atau tinggal di Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan sekitarnya. Ianya bertujuan khusus untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas. KTMB menyediakan hampir 300 perkhidmatan komuter setiap hari yang berkhidmat di 45 stesen di sepanjang 178km laluan komuter. Perkhidmatan ini dibahagikan kepada dua laluan iaitu Laluan Seremban dan Laluan Pelabuhan Klang.

KELANTAN DAN KTMB

Kesemua unit kecil KTMB tidak beroperasi di Kelantan, ini bermakna rakyat Kelantan tidak menikmati sebahagian besar kemudahan KTMB. Begitu juga dengan beberapa negeri lain. Di Kelantan, yang ada hanyalah perkhidmatan kereta api tolok sahaja. Rangkaian landasan kereta api tolok yang diselia oleh KTMB terdiri daripada dua laluan utama dan beberapa laluan cawangan iaitu :

1) **Laluan Pantai Barat:** Laluan Pantai Barat bermula dari stesen kereta api Padang Besar berdekatan Sempadan Malaysia-Thailand di Perlis (yang bersambung dengan landasan negara Thailand) sehingga stesen kereta api Woodlands di Singapura. Laluan ini dipanggil "Laluan Pantai Barat" kerana laluan ini melalui negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung. Laluan ini melalui hampir semua stesen kereta api utama di pantai barat terutamanya stesen kereta api Butterworth, stesen Kereta api Ipoh dan KL Sentral.

2) **Laluan Pantai Timur:** Laluan Pantai Timur bermula dari stesen kereta api Gemas di Negeri Sembilan dan stesen kereta api Tumpat di Kelantan. Gemas adalah tempat pertemuan Laluan Pantai Barat dan Laluan Pantai Timur. Seperti di pantai barat, ia juga dikenali dengan Laluan Pantai Timur kerana ia melalui dua negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang dan Kelantan.

LALUAN KTMB DI KELANTAN

Jika dilihat secara kasar, sekitar 12 hentian kecil dan 6 hentian utama yang menjadi laluan KTMB dalam Negeri Kelantan berbanding puluhan hentian lain di seluruh Malaysia. Dengan erti kata lain, KTMB hanya mampu menempatkan perkhidmatan kereta api tolok kurang daripada 30% untuk rakyat Negeri Kelantan. Ini adalah satu fakta yang kita fahami semenjak puluhan tahun dan kerana itu kereta api bukan medium pengangkutan yang popular di Kelantan.

Untuk perjalanan KTMB di Kelantan sahaja, KTMB melalui Ekspres Rakyat Timuran telah menyediakan pakej perjalanan sekitar lebih 230 kilometer bermula dari perhentian Wakaf Bharu, Tumpat sehingga perhentian Gua Musang. Terdapat enam hentian utama sepanjang perjalanan tersebut dan juga beberapa hentian kecil. Antara hentian utama tersebut ialah:

- 1) Wakaf Bharu (Kota Bharu)
- 2) Pasir Mas
- 3) Tanah Merah
- 4) Kuala Krai
- 5) Dabong
- 6) Gua Musang

KERETA API KE DABONG



Namun, kita tidak boleh menafikan kereta api mampu menjadi penggerak dan pemangkin ekonomi berkesan jika disinergikan dengan baik. Sebagai contoh, hentian Dabong telah menjadi salah satu hentian destinasi pelancongan domestik apabila penularan pandemik COVID-19 pada Mac tahun lalu.

Ini kerana pintu sempadan negara ditutup sekali gus menghidupkan semula Dabong sebagai lokasi eko-pelancongan yang sebelum ini digemari orang ramai. Pengunjung menggunakan kemudahan perkhidmatan Kereta api Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang mengambil masa selama tiga jam dari Wakaf Bharu, Tumpat sehingga tercetusnya fenomena 'Train to Dabong'.

Disebabkan sambutan luar biasa itu, pihak KTMB telah menambah sebanyak lima gerabak tambahan pada hari Jumaat dan Sabtu berbanding sebanyak empat gerabak pada hari biasa bagi menampung jumlah pengguna

yang menaiki kereta api. Hampir setiap minggu gerabak kereta api dipenuhi dengan penumpang bukan sahaja dari Kota Bharu, malah ada juga dari daerah lain yang mengambil peluang mahu merasai sendiri pengalaman menaiki kereta api.

Waktu perjalanan adalah pada pukul 4.20 pagi dan 10.30 pagi serta orang ramai boleh memilih berada selama sejam di sini sebelum menaiki kereta api yang sama untuk pulang atau menaiki kereta api terakhir pada jam 6 petang. Pengunjung juga dapat menikmati keseronokan menaiki kereta api sambil melihat keindahan alam semula jadi, seperti melawat Gua Ikan, Air Terjun Jelawang dan Gunung Stong.

Itu hanya sebahagian kecil impak yang dibawa oleh KTMB kepada ekonomi dan juga eko-pelancongan di negeri Kelantan. Semestinya dari dahulu hingga sekarang ia menjadi akomodasi pengangkutan untuk penumpang dan kargo di sepanjang laluan berkenaan.

ECRL PEMANGKIN EKONOMI KELANTAN

Kita dapat melihat secara ringkas fungsi dan impak KTMB kepada rakyat Kelantan agak terbatas. Sebagai medium pengangkutan, KTMB turut memainkan peranan sebagai penggerak ekonomi untuk lokaliti setempat di sepanjang laluan. Namun, hampir sebahagian besar laluan KTMB di Kelantan melalui


kawasan pedalaman dan bukan bandar utama yang penduduk padat sertamempunyai akses yang sukar dan keterbatasan untuk fasiliti setempat.

Berbeza sama sekali jajaran ECRL, ia diselaraskan melalui kawasan tumpuan padat penduduk, memiliki infra serta kemudahan fasiliti yang akan meng-optimumkan kapasiti pengangkutan ECRL. Kemudahan akses kepada penumpang mahupun kargo ini akan menggandakan produktiviti dan melonjakkan aktiviti ekonomi setempat.

JAJARAN BAHARU

Jajaran ECRL telah dimuktamadkan setelah melepasi beberapa siri rundingan dan perbincangan dalam menentukan impak maksimum kepada rakyat dan negara. Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) ditambah baik dan dijangka semula ke laluan asalnya, iaitu Jajaran Utara dengan kos anggaran pembinaan sebanyak RM50 bilion.

Kementerian Pengangkutan (MOT) membuat keputusan untuk mengubah semula jajaran Seksyen C ECRL ke jajaran asal yang dicadangkan pada 2016-2017. Ini kerana jajaran asal Seksyen C ini, akan membabitkan laluan ECRL dari Mentakab ke Pelabuhan Klang melalui Bentong, Gombak dan Serendah berbanding ECRL 2.0 iaitu Jajaran Selatan yang melalui



Negeri Sembilan. Ini juga kerana Jajaran Asal akan meningkatkan kebolehmbampuan projek ECRL dan seterusnya memberi lebih manfaat kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial.

Mesyuarat jemaah menteri pada 2 September 2020 sudah meluluskan jajaran terbabit dan pada 31 Mac lalu, status kemajuan projek ECRL dimaklumkan kepada jemaah menteri dan Kabinet mahu pelaksanaan seksyen C ECRL dilaksanakan serta-merta. Ia menjadikan keseluruhan jajaran dari Kota Bharu ke Pelabuhan Klang dengan perubahan terkini adalah sepanjang 665 kilometer.

TINGKAT KECEKAPAN PERKHIDMATAN KARGO

Keputusan untuk kembali ke jajaran asal Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sekali gus meminda keseluruhan panjang jajaran ECRL daripada 640 kilometer ke 665 kilometer dan ia adalah langkah penting kerana ia akan dihubungkan ke Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat. Satu kajian oleh pakar penyelidik pengangkutan awam berpendapat, tanpa melanjutkankan jajaran itu ke pelabuhan, ECRL tidak mempunyai sambungan langsung ke pelabuhan.

Oleh itu katanya, semua kargo harus berhenti di Jalan Kastam, kemudian dibawa dengan trak ke pelabuhan atau diangkut dengan kereta api KTM. Hal ini akan merugikan kos semua yang terlibat dalam industri kargo. Justeru, kewujudan ECRL amat diperlukan untuk melanjutkan jajaran ECRL itu dari Jalan Kastam ke pelabuhan.

Hal demikian adalah sebab utama yang membuatkan kerajaan bertindak membina sebuah jajaran darat dan mengoptimalkan penggunaan kereta api kerana tujuan utama pembinaan ECRL adalah sebagai laluan kargo yang menasarkankan 70 peratus pengangkutan kargo dan 30 peratus penumpang. Inilah usaha kerajaan untuk memastikan apabila beroperasi kelak, ECRL mendapat keuntungan.

JIMAT MASA, PACU EKONOMI

Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) menyatakan bahawa dengan pemilihan semula jajaran asal akan membolehkan pembinaan laluan pintas tolak meter dari Serendah ke Pelabuhan Klang untuk Kereta api Tanah Melayu Bhd (KTMB) dimasukkan ke dalam penjajaran ECRL yang baharu.

Laluan pintas itu akan menjadikan perkhidmatan kereta api KTMB lebih cekap kerana berfungsi sebagai saluran bantuan pengangkutan yang signifikan kepada KTMB yang ketika ini menghadapi kesukaran ketika melalui pusat perniagaan Kuala Lumpur (CBD). Tuntasnya, penjajaran baharu itu akan meningkatkan kecekapan perkhidmatan kargo ECRL.

Laluan darat menjadi perkara yang paling penting kerana ia akan mengurangkan masa perjalanan untuk perdagangan antarabangsa. Memandangkan Malaysia

adalah sebuah negara perdagangan, ia akan memudahkan industri berorientasikan eksport yang akan bermanfaat bagi sektor ekonomi seperti pembuatan dan perkhidmatan. Selain itu, ia memberi kesan kepada pasaran hartanah terutama di sektor yang berkaitan dengan ECRL.

Sektor pembinaan juga akan mendapat manfaat yang mana semakin cepat projek itu dilaksanakan, semakin baik untuk ekonomi. Sudah tentu, mematuhi garis masa dan anggaran kos ditetapkan juga penting untuk mengelakkan kemungkinan berlaku lebih kos. Menerusi jajaran ECRL baharu itu yang kini membabitkan jarak lebih jauh di Selangor iaitu landasan kereta api sepanjang 94 kilometer akan meningkatkan hubungan di negeri itu, justeru memacu pertumbuhan sektor pembuatan dan perkhidmatan seterusnya menyumbang kesan ekonomi positif ke kawasan seperti Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor, dan Pelabuhan Klang.

Jajaran baharu juga akan mendorong kedatangan pelancong dan pertumbuhan pusat perniagaan di Bentong yang bakal menjadi bandar kedua di Pahang. Ia dijangka dapat meningkatkan pembangunan baharu dan perbandaran, serta memacu kegiatan komersial di daerah yang secara relatifnya baharu seperti Puncak Alam dan Kapar kerana kedua-duanya telah ditetapkan sebagai stesen ECRL pada masa depan.



ECRL DAN EKONOMI NEGERI PANTAI TIMUR

Projek ECRL bakal merubah landskap ekonomi tiga negeri iaitu Terengganu, Kelantan dan Pahang yang menjadi hab perdagangan, destinasi pelancongan, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan tumpuan pelaburan baharu. Projek ECRL penting untuk mengurangkan jurang pembangunan antara Pantai Timur dan Pantai Barat. Ia akan menjadi "pengubah strategi" yang boleh memacu kadar pertumbuhan yang lebih tinggi untuk negeri-negeri Pantai Timur.

Pantai Timur berpotensi besar untuk pengembangan sektor seperti pertanian, komersial, industri, PKS dan pelancongan, dan ia menuntut mod pengangkutan yang lebih efisien seperti ECRL. Selain sebagai mod pengangkutan yang mesra alam, ECRL bakal memudah perjalanan rakyat sewaktu musim perayaan dengan potensi tempoh perjalanan dari Kuala Lumpur (Gombak) ke Wakaf Bharu, Kelantan sekitar empat jam.

PEMBINAAN JAJARAN ECRL DI KELANTAN

Kerajaan Negeri Kelantan sendiri tetap mencadangkan supaya bahagian kargo di Tok Bali Pasir Puteh dapat diteruskan begitu juga stesen penumpang. Jika usaha ini berjaya dan ditambah dengan kehadiran stesen kargo ECRL, ia akan merancakkan lagi pembangunan khususnya di Tok Bali dan Pasir Puteh secara amnya yang membawa kepada pertumbuhan pembangunan dan perumahan dan memberi kesan positif kepada penduduk.



Setakat ini, jajaran ECRL di Kelantan berada di bawah ECRL Seksyen A iaitu dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dengan jajaran sejauh 210.4km. Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) telah menerima kelulusan Skim Kereta Api ECRL untuk Seksyen A pada 14 Mei 2020 daripada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr. Wee Ka Siong.

Jajaran tersebut merangkumi 43.86km panjang dan terdapat dua buah stesen ECRL iaitu Stesen Kota Bharu dan Stesen Pasir Puteh dengan jajaran sisipan masa hadapan yang akan menghubungkan jajaran utama ECRL dengan pelabuhan Tok Bali.

Stesen Kota Bharu memberi perkhidmatan kereta api jenis penumpang manakala Stesen Pasir Puteh pula menyediakan kereta api jenis penumpang dan kargo. Projek ECRL di Kelantan mempunyai sebuah terowong

yang melibatkan jajanan Pasir Puteh dan Machang dengan jumlah panjang terowong 0.46km.

Kerja-kerja infrastruktur projek ECRL melibatkan negeri Kelantan sehingga 31 Oktober 2021 merekodkan sedikit kelewatan iaitu pada 13.99% berbanding jadual asal sepatutnya 15.09%. Kelewatan tahap pembinaan ECRL ini bukan sahaja berlaku di Kelantan malahan di keseluruhan pembinaan projek ECRL iaitu sebanyak 25.09% berbanding jadual asal 27.55%. Kelewatan ini secara amnya berlaku akibat kekangan waktu kerja serta tenaga kerja yang terhad unjuran dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sebelum ini bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

Antara kerja infrastruktur yang giat dijalankan di Negeri Kelantan termasuk kerja-kerja tanah, penambahbaikan tanah (Prefabricated Vertical Drains), struktur dan jambatan. Pelaksanaan projek ECRL di Negeri Kelantan pada masa kini membabitkan lebih 1,600 tenaga kerja (termasuk pihak pengurusan dan perunding) yang merangkumi warga tempatan dan warga asing.

BUKA PELUANG PEKERJAAN

ECRL membuka peluang pekerjaan kerana kira-kira 23,000 pekerja akan diperlukan dalam tempoh puncak pembinaan ECRL pada tahun 2022-2023. Projek ECRL juga memberikan peluang penyertaan kepada 40 peratus kontraktor tempatan dalam kerja-kerja sivil (tidak termasuk terowong) semasa pembinaannya.

Di samping itu, pembangunan ECRL bakal membuka peluang dan ruang untuk pemain industri pelancongan kerana orang ramai mempunyai pilihan pengangkutan yang lebih pantas dan mudah untuk sampai ke destinasi pelancongan di pantai timur termasuklah Kelantan. Ini juga boleh mencipta peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat terutamanya dalam konteks pembangunan keusahawanan eko pelancongan.

KESIMPULAN

Projek ECRL dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2026 dan beroperasi pada tahun 2027 ini bakal menjadi pemangkin kesetaraan ekonomi antara Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung Malaysia kerana ECRL akan merangsang pelaburan baharu, memacu aktiviti komersil, dan meningkatkan pelancongan termasuk meningkatkan kesejahteraan sosio-ekonomi di kawasan luar bandar dan pinggir bandar di Pantai Timur.

Peningkatan penggunaan ECRL untuk orang awam pula akan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian yang secara tidak langsung akan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Sekali gus, menyumbang kepada penjagaan alam sekitar menerusi konsep 'logistik hijau' termasuklah kos pengangkutan kargo menerusi kereta api lebih murah berbanding pengangkutan darat membawa limpahan kemakmuran ekonomi kepada seluruh negeri Pantai Timur khususnya dan seluruh rakyat Malaysia amnya. 



KEELATAN GROWTH EXPERIENCE




ETHICAL APPLICATIONS OF TECHNOLOGY

FROM THE VIEWPOINT OF IBN KHALDUN

In the history of Islamic knowledge, the term technology in Arabic is "sina'ah" which can be easily translated as applied knowledge. In explaining the term, al-Jurjani in his Book of Definition defined sina'ah as a knowledge that branches out of particular practices and activities, in short, technology is a practical knowledge or science that enables man to transform nature.

The word technology, on the other hand, traces its origin to the Greek "technologia". According to the Greek-English Lexicon, technology is a study of techne, the term referring to the handiwork of man known as art, skill, or craft.

Ibn Khaldun introduced the concept of sina'ah in his magnum opus al-Muqaddimah (the introduction of his complete work history Kitab al-'Ibar wa-diwan al-mubtada' wa al-khabar fi ayyam al-'Arab wa al-'Ajam wa al-Barbar) by utilizing the crafts and tools, as well as specialization of skills, to aid labors to achieve economic productivity that later on leads to the prosperity of the state and nation.



TECHNOLOGY IN THE RISE AND FALL OF NATION

In his paper, *The Economic Theory of Ibn Khaldun and the Rise and Fall of Nations*, economist SC Karatas said, Ibn Khaldun was the first to thoroughly examine how an economy works, the role of technology, specialization, and international commerce in economic surplus, and the role of government and its stabilization policies in increasing output and employment.

According to him, Ibn Khaldun is also the first economist, with economic surplus at hand, who has given a biological interpretation of the rise and fall of the nations. His coherent general economic theory constitutes the framework for his history. He studied the growth and decline of North African and Andalusian civilizations in the 15th century, observed in *al-Muqaddimah* that *sina'ah* as the art of making things or crafts and tools or more commonly known as industrial technology, is the result of man's intellectual ability to understand, organize and master the sciences.

SPECIALIZATION OF CRAFTS

In *Al-Muqaddimah*, Ibn Khaldun described specialisation as an essential condition for survival, illustrating this concept with a full accounting of the numerous talents (or trades) and tools required to generate bare subsistence amounts of food. Ibn Khaldun proposed that individuals cannot survive without the help of others, and then went on to say that such cooperation would result in more than enough production to meet the needs of the collaborating group.

The advantages of specialization and commerce led to the economy's essential role in population expansion. In general, Ibn Khaldun talks about the growth and

collapse of empires, and he regularly draws parallels between rural and urban settings.

He analyzes the influence of population growth throughout the rise of a city in particular, noting that as civilization or population grows, so does work. As a result of the rising profit, luxury rises and the demand with it.

Crafts (or technology) are developed in order to obtain high-end goods. As a result, the value realised from them rises, and profits in the community multiply once more. Production is booming even more than it was previously. With the second and third increases, the cycle continues. In contrast to the original effort, which serviced the basics of existence, all of the new labour serves pleasure and prosperity.

Ibn Khaldun's theory has the ability to explain not just the impacts of government policies on economic growth, investment, and specialisation, but also to predict a state's survival.

THE ROLE OF STATE ACCORDING TO IBN KHALDUN

The role of the state, according to Ibn Khaldun, is to establish law and order that is conducive to economic activity. Furthermore, any civilized society that engages in trade and industry requires the enforcement of property rights, the protection of trade routes, and the security of peace.

In a situation where government policies promote



The government must take responsibility for changing the expectations of its stakeholders by undertaking public works projects that create jobs and confidence. The state should create highways, business centres, public services and other activities that promote economic growth.

Ibn Khaldun



economic activities, the economic surplus would rise. In exchange, the government should be able to use the excess to fund services and vital public works projects.

According to Ibn Khaldun, the government must take responsibility for changing the expectations of its stakeholders by undertaking public works projects that create jobs and confidence. The state should create highways, business centres, public services and other activities that promote economic growth as part of its stability programme.

He stated that specialization is the most important source of economic surplus. A favourable atmosphere for specialisation, according to Ibn Khaldun, allows firms to expand their output and trade. Specialization, in his opinion, occurs when a person can realize the benefits and rewards of his work.

INTERRELATION OF TECHNOLOGY AND ECONOMY

SC Karatas emphasizes in his paper that Ibn Khaldun considers employees and businesses as respected members of society who try to maximize the return on their activities in the form of wages and profits. For him, profit is the primary motive of economic endeavor, since the expectation of profit leads to the expansion of commerce and production.

In his opinion, the collaboration, coordination, and direction of factors of production in increasing economic surplus is a productive and costly process that is undertaken by profitable businesses in making surplus on their economic activities. They spend efforts, time, and money in searching for goods and services at a low price then sell them higher to make a profit.

Ibn Khaldun praised the initiative of these businesses and entrepreneurs for their productive activities in trade and production; they rightly deserved profit from their risky undertakings. By this, he places craft or technology as an important aspect of a civilization while the losses indicates the first signs of its downfall.

ETHICAL APPLICATION OF TECHNOLOGY

The technology used to be industry-related to ease the workers to carry out their designated jobs – from manual labor to machinery to computerized automation to digital, nowadays technology has directly arrived at the fingertip of consumers. While it was easier to regulate technological issues in ancient times, current regulators find it extremely hard to impose restrictions on public use of technology.

The possible keys to maintaining balanced interconnectivity of modern days technology are personal ethics because the nature of the technology nowadays gives ways for laws and regulations to be compromised undetected.

Taking an ethical approach can help government,

businesses, institutions, organizations, and individuals increase confidence that they are doing the right things with technology. Ethics translate moral philosophy into practical principles so it can help society and stakeholders to focus on the good they can do with technology, as well as avoid potential harms or unintended consequences.

Taking into account the best-known example of ethical principles in the Hippocratic Oath grounded in ancient Greek philosophy, four core principles at the heart of any decision or action must be of beneficence – promoting the wellbeing of others; non-maleficence – doing no harm to others; respecting human autonomy – respecting the right of individuals to make their own choices; and respecting justice – distributing scarce resources in the best or fairest way.

These principles capture core moral values and reflect the highly personal decisions that ones have to make and they are also common to many areas of ethical codes. While grounded in moral values, these ethical codes often operate in practice as regulatory instruments. Yes, technology can be a double-edged sword that cuts both ways, it can be bad and it can be good. To ensure technology is applied in the right way, strong ethical codes must be placed and practiced both by the practitioners as well as users.

Today's digital technology is the epitome of ethical waywardness. It is intended for good use by its respective innovators and developers, however at the

Launching Ceremony of the Islamic City Development Project: Mukim Tiong, Kota Bharu, Kelantan



users or general public, the application can be disastrous – illegal hacking, widespread falsehood over viral marketing, possible start of wars, defaming, and bullying, etc.

THE KELANTAN EXPERIENCE

Taking into accounts the scenario illustrated from the viewpoints of Ibn Khaldun's civilization theory, the government of Kelantan has been seriously putting huge efforts to ensure the wellbeing of its people, economic growth, and industrial scapes are taken care of. In his new year speech earlier this year, the State Secretary, Dato' Kaya Setia Nazran Muhammad emphasized the importance of embracing new technology and ways to administer the State.

While pleased with accolades and awards for five-star ratings received by state agencies recently, he stressed that they are still not enough unless the public sector can harness the wonders of technology to better serve the people.

In his speech, he said, as public servants, the State Government and all its agencies must be sensitive and creative in serving the public during the difficult period of the Covid-19 pandemic, that they shouldn't compromise the quality of the service to the people who are facing challenging time.

"The success that we received is the manifestation of our strategic planning and the execution of our forward-

thinking – blessings, prosperity, and wellbeing of the people in line with celebrating our policy of prospering with Islam. These successes in 2020 must not stop here but we must work harder and strive together to do better in 2021 due to the challenges that we are facing today. This year, it is our commitment to upscale our efforts in implementing the state policies so that we can achieve optimum results," he stressed.

To ensure the growth of the state is optimized, Nazran announced a long list of infrastructure and physical developments projects to be commenced, including:

1. Proposed development of Islamic City (Madinah as-Salam) on a 116.45 acre of land in Mukim Tjong, Kota Bharu. This holistic development of the city is planned to generate economic activities, create new jobs, and provide a modern and systematic infrastructure. This new city will be the new iconic development of new towns and areas in Kelantan. It will make use of the mosque as the nucleus of the town development activities while putting on the map the concept of comfortable living for the residents. This new town is also aiming to integrate business activities focusing on halal hubs and Islamic market (suq), center for community, orphans and Muslim reverts, museums and cultural spaces, etc. The buildings in this new town will be designed in the style of Kelantanese Malay-Islamic architecture and at the same time, efforts will be made to incorporate green lungs and urban forest gardens. In short, the overall concept of this new Islamic City is to incorporate the principles of a smart, safe, healthy, green, and sustainable city.


2. Proposed development of transit-oriented development (TOD) in Tunjong, on an area of 221.83 acres to stimulate the long-term economy in the State of Kelantan. The proposed project will be integrated with the construction of Kota Bharu's East Coast Rail Link (ECRL) station.

3. Proposed development of International Modern Islamic School (Pondok) on 246.77 acre of land in Mukim Kelaweh, Pangkal Meleret, Machang.



Islamic City Development Project.

4. Proposed masterplan Bukit Merbau Sport City in Bukit Jawa, Pasir Puteh.



Bukit Merbau: KelantanRiadah.City

5. Proposed Madinah Ramadan Masjid Sultan Muhammad Ke-V in Bandar Baru Tunjong, Mukim Kota, Pendek, Kota Bharu.

6. Proposed development of 1,000 acres of Rafflesia Conservation Park in Mukim Sigar, Lojing, Gua Musang. This project is currently progressing well with a two-kilometer access road paved from Lojing-Gua Musang main road. The next phase of development includes the glamping site (42 acres), Deer Park and Herbarium (68.45 acres), jungle canopy (389.5 acres), and Rafflesia Conservation Centre (500 acres).



Rafflesia Conservation Park

Not forgetting the prospect of growing rural areas and possibly turning them into urbanization, the State Government is looking to develop two Special Area Plans (RKK) to boost the economic activities in those places. The RKKs are in Bandar Baru Tunjong, Kota Bharu and Bandar Dato' Bentara, near Panggung Lalat, Gua Musang. Five other RKKs to be developed in 2021 are RKK Danau To' Uban, Pasir Mas; RKK Warisan Kampung Laut; RKK Pesisir Pantai Bachok; RKK Jeram Mengaji dan RKK Lojing.

As Ibn Khaldun's stress on specialization, the State Government is planning to focus on four tourism spots,

namely:

- 1. Proposed development plan of Danau To' Uban Tourism Area, Pasir Mas,**
- 2. Jeram Mengaji Zoo development plan in Pasir Puteh and an animal Park in Kuala Krai**
- 3. State Landscape Masterplan**
- 4. Heritage Tourism Masterplan for Kampung Laut and Tumpat Waterfront.**

Putting a stabilization policy such as suggested by Ibn Khaldun, the state government of Kelantan has set up a monitoring committee to plan and coordinate activities related to the progress of development projects in Kelantan known as JKMPPP.

Established in 2019, JKMPPP has successfully approved 56 projects in 2020 despite the Coronavirus pandemic. Among important infrastructure and public works projects approved by JKMPPP are:

- 1. Proposed development of Nenggiri Hydroelectric Project in Ulu Nenggiri, Bertam, Gua Musang;**
- 2. Proposed development of multipurpose Federal Building in Tunjong, Kota Bharu;**
- 3. Proposed mixed development of Kota Hartamas new town in Wakaf Bharu, Tumpat;**
- 4. Proposed development of Section A, East Coast Rail Link (ECRL) infrastructure for Kota Bharu, Bachok, Pasir Puteh, and Machang;**
- 5. Design and build Phase 1 of Integrated Kelantan River Basin Project in Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Tanah Merah, Machang and Kuala Krai;**
- 6. Installing a floating solar system at Tok Uban Lake in Pasir Mas.**



Concept of mixed development of the new town, Kota Hartamas in Wakaf Bharu.



YB Dato' Kaya Setia Dato' Haji Nazran bin Muhammad

According to Dato' Nazran, the most important part is to ensure the development of new towns will adhere to the principle of Islamic administration in obtaining divine blessings, prosperity, and wellbeing of the society and economy, in particular, to solve the housing needs of the poor and at the same time, creating healthy and wholesome city through the construction of recreation parks, green infrastructures, and utilities.



It is hoped to ease the livelihood and elevate the living standard of orphans and destitute in Kelantan through affordable shophouses and the creation of new job opportunities.

However, he said, the goals cannot be achieved if the public administration is not properly strengthened and empowered, therefore the state government will establish a set of solutions for organizational reinforcement and renewal of laws, including setting up an enforcement guideline for utilization of natural resources such as water, land, mineral, and forestry to reap more acquisition for the state coffers through minimizing wastage.

The state government will also move with the flow of technological trends by putting a safe and reliable system online to lessen public concerns in settling their affairs with the state, including various online land applications, etc.

CONCLUSION

In conclusion, if one scrutinizes through the eyes of Ibn Khaldun, they would see the efforts made by Kelantan government to implement various development projects; following the technological flow by putting systematic Internet-based public administration in place; while simultaneously adhering to the principles of Islam, to provide societal wellbeing and economic surplus.

Kelantanese is surely in the right path to rise significantly, unless they forget to be ethical in implementing all the plans, as in the thought of Ibn Khaldun, "the state was a necessity of human society to restrain injustice within the society, but when the state means is force, thus itself an injustice." 



The most important part is to ensure the development of new towns will adhere to the principle of Islamic administration in obtaining divine blessings, prosperity, and well-being.

YB Dato' Kaya Setia
Dato' Haji Nazran
bin Muhammad





PELAKSANAAN KELANTAN DIGITAL MANFAAT JENDELA KEPADA RAKYAT



Presentation Schedule	
3 September 2024 (Friday)	
TIME	TOPIC/PRODUCT
12:15pm	JARING e-Mall
12:45pm	JARING Secure IDC
2:45pm	JARING Voice Over Broadband
1:5pm	JARING Network Box

Pendahuluan

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi di Malaysia bermula dengan perkembangan Internet pada tahun 1983 apabila netizen pertama Malaysia kelahiran Kelantan, Dr. Mohamed Awang Lah memulakan idea untuk menghubungkan Malaysia dengan dunia menerusi Internet di makmal Universiti Malaya. Usaha yang dirintis oleh Bapa Internet Malaysia tersebut menyaksikan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terus berkembang pesat.

Seiring perkembangan tersebut, Kerajaan Negeri tidak ketinggalan mengambil langkah proaktif menubuhkan Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd. (KIGSB) pada 25 Julai 2011. Syarikat milik penuh kerajaan negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) ini mula beroperasi sepenuhnya pada 14 Oktober 2015.

Menurut Pengurus Besar KIGSB, Mohd Roslan Mohd Zain, KIGSB merupakan Agensi Sehenti (OSA) dan rakan strategik kerajaan negeri bagi pembangunan ICT negeri yang berperanan dan bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, melaksana, mengkoordinasi serta memantau semua projek pembangunan ICT dan program digital di Kelantan.

Pembangunan Digital

Perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) telah menyebabkan pembangunan infrastruktur dan pembangunan ekonomi digital menjadi suatu keperluan yang mendesak. Galakan untuk menerima dan menggunakan teknologi digital ini telah pun bermula pada tahun 2013 melalui Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara.

Kerajaan telah mengambil langkah signifikan dalam menyediakan infrastruktur digital melalui pelaksanaan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara 2019-2023 (NFCEP) yang bertujuan menetapkan hala tuju bagi mencapai pendigitalan sepenuhnya. Pelan ini dinamakan semula sebagai Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pada tahun 2020.

JENDELA diumumkan mantan Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin (Muhyidin) Md. Yasin, pada akhir Ogos 2020 lalu adalah pelan tindakan bagi mempersiapkan negara untuk peralihan ke arah teknologi 5G menjelang 2022. Fasa 1 pelan JENDELA ini bertujuan memastikan liputan rangkaian jalur lebar mudah alih 4G dipertingkatkan daripada 91.8 peratus kepada 96.9 peratus bagi kawasan berpenduduk di negara ini.

Oleh itu, pengiktirafan perkhidmatan komunikasi sebagai utiliti awam ketiga selepas air dan elektrik, dilihat sebagai suatu langkah positif yang akan mempercepatkan lagi pelaksanaan JENDELA.

RM1 Bilion Peruntukan JENDELA di Kelantan

Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda negara, penggunaan internet menjadi keperluan asas telah meningkat dengan ketara khususnya untuk tujuan pendidikan secara atas talian di rumah (PDPR) dan juga sektor ekonomi lain.

Namun begitu, jurang penggunaan internet ternyata sangat ketara terutama antara penduduk di bandar dan luar bandar. Menurut statistik 2018 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Kelantan adalah antara lima buah negeri terendah capaian internet selain Kedah, Sarawak, Perak dan Sabah. Oleh itu, pelaksanaan program JENDELA diharapkan dapat memperbaiki perkhidmatan jalur lebar dan capaian internet di negeri-negeri terbabit.

Bagi menjayakan program JENDELA, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa mengumumkan melalui ciapan di Twiternya pada 20 Oktober lalu, Kerajaan Malaysia memperuntukkan RM9.4 billion bagi tempoh lima tahun. Daripada jumlah tersebut, Kelantan turut menerima peruntukan RM740 juta, kemudian dinaikkan RM1 bilion.

Menurut Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob, kerajaan negeri menyambut baik penambahan peruntukan tersebut dan berharap projek pembinaan menara telekomunikasi dipercepatkan dan sedia beroperasi pada tahun 2023 berbanding pelan asal

pada tahun 2025. Hal ini disebabkan kemudahan internet amat penting kepada rakyat Kelantan baik di bandar mahupun luar bandar, termasuk kawasan Orang Asli bagi tujuan pendidikan, usahawan digital dan pentadbiran kerajaan.

Pelan pelaksanaan

Program JENDELA Fasa 1 (2020-2022) mensasarkan capaian Internet kepada 7.5 juta premis (83 peratus) dengan 96.9 peratus liputan 4G berpurata kelajuan internet 35Mbps.

Selepas 2022, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengunjurkan 9 juta premis (100 peratus) di negeri ini boleh menikmati liputan 4G sepenuhnya dengan purata kelajuan internet 100Mbps serta pelaksanaan 5G sepenuhnya.

Perancangan JENDELA Kelantan

Berdasarkan rungutan dan aduan dalam kalangan rakyat Kelantan sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan akibat penularan COVID-19, kerajaan negeri amat berharap langkah efektif diambil Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) bagi mengatasi masalah tersebut.

Antara langkahnya, kerajaan negeri mencadangkan kepada kerajaan Persekutuan;

1. Bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi mempercepatkan pelaksanaan program JENDELA dengan memberi fokus bagi mempercepatkan penyediaan dan penambahbaikan infrastruktur komunikasi di beberapa kawasan pedalaman yang agak ketinggalan demi kebaikan dan manfaat rakyat negeri Kelantan seluruhnya. Dengan itu, tahap sosioekonomi dapat ditingkatkan manakala jurang digital antara kawasan bandar dan luar bandar di negeri Kelantan dapat dirapatkan.

2. Kerajaan Persekutuan membuka peluang kepada GLC Negeri untuk turut sama terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek JENDELA negeri Kelantan. Pendekatan ini akan dapat mempercepatkan kelulusan dan pelaksanaan serta memudahkan proses terutama isu-isu berkaitan dengan peraturan, dasar dan undang-undang berkaitan di peringkat negeri.

3. Menambah Pusat Internet Komuniti di negeri Kelantan terutama di kawasan pedalaman yang telah dikenal pasti untuk pembinaan struktur komunikasi baru melalui program JENDELA. Ia bertujuan menyokong usaha mempersiapkan rakyat mendepani cabaran dan era ekonomi masa depan terutama perkembangan ekonomi digital yang pantas berkembang. Pusat internet ini juga akan menjadi hab kepada kegiatan atau aktiviti literasi asas digital kepada rakyat Kelantan di pedalaman yang sebelum ini ketinggalan. Ia juga dapat membantu kelancaran program PDPR bagi pendidikan anak-anak Kelantan serta menjadi pe-

mangkin kepada pertumbuhan ekonomi digital yang seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar di negeri ini.

4. Mempercepatkan proses menaik taraf peralatan daripada 3G kepada 4G sepenuhnya menjelang 2022 oleh Syarikat Penyedia Infrastruktur Komunikasi atau TELCO yang disasarkan. Ini penting bagi memastikan mutu dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh TELCO adalah benar-benar menyeluruh dan berkualiti sebagaimana yang dijanjikan dalam tawaran kepada pengguna. KKMM melalui agensi SKMM mestilah bertindak tegas kepada mana-mana TELCO yang gagal memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat sebagaimana yang ditawarkan.

Pembangunan Digital: Projek RMK-12 Ke arah Kelantan Digital

Seiring pengumuman Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), kerajaan negeri melalui Pelan Strategik Kelantan Melangkah Ke Hadapan 2016-2025 menggariskan beberapa perancangan pembangunan infrastruktur dan inisiatif digital bagi memacu ke arah Kelantan Digital menjelang 2025.

Antaranya, mewujudkan Lembah Silikon Mini di Tunjong, Kota Bharu yang merangkumi komponen pembangunan bagi menggalakkan dan menyokong perkembangan ekonomi digital.

Selain itu, kerajaan negeri juga menyasarkan untuk menaik taraf Tunjong dan Bandar Kota Bharu sebagai bandar pintar (smart city), di samping dua lokasi lain iaitu Tok Bali, Pasir Puteh dan Lojing, Gua Musang.

Untuk itu, kerajaan negeri telah mengemukakan tiga cadangan berkaitan bagi menyokong usaha pembangunan infrastruktur digital dan ekonomi digital iaitu:

1. Pembinaan infrastruktur asas bagi Lembah Silikon Mini di Tunjong, Kota Bharu dengan kos RM10 juta.
2. Pewujudan Hab Inovasi – iaitu Makmal Inovasi Digital dan Pusat Keusahawan Digital bernilai RM3.8 juta.
3. Pemasangan wi-fi percuma di sekolah, masjid dan tempat strategik di Kelantan berharga RM5 juta.

Kerajaan negeri turut memperincikan beberapa komponen yang wajar diberikan pertimbangan dalam pembinaan Lembah Silikon Mini menerusi cadangan pembinaan Bandar Digital di Tunjong yang memerlukan peruntukan sekitar RM50 juta.

Peruntukan tersebut bertujuan mewujudkan Taman Teknologi Kelantan berkomponen seperti Pusat Teknologi IR 4.0, Pusat Pembangunan Teknologi Dron pertama di Pantai Timur, Makmal Siber, Pusat Data (Data Centre) dan kemudahan lain seperti Co-Working Space, Studio dan Pusat Sukan Elektronik (e-Sport).

Bandar ini bakal menjadi tumpuan kebanyakan aktiviti pelaksanaan Pelan Induk Pembangunan Mampan Negeri Kelantan dan menyokong pembangunan Projek Lembah Silikon Mini serta sebahagian program di bawah Inisiatif Digital Kelantan.

Rasional penubuhan bandar digital yang lengkap dengan komponen yang dinyatakan ialah:

1. Pusat pertumbuhan baharu dan pusat digital yang disokong oleh fasiliti infrastruktur telekomunikasi, kemudahan wi-fi serta Internet berkelajuan tinggi akan dapat menarik minat pelabur dalam dan luar negeri untuk melabur di negeri Kelantan terutama syarikat-syarikat bumiputera berstatus MSC dan juga syarikat luar negara yang berhasrat ingin berkolaborasi dan melabur dalam industri berteknologi tinggi. Ini sejajar dengan pelaksanaan Dasar Industri 4.0 Nasional (Industry4WRD) yang akan mengangkat sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan.

Menurut Kementerian Perdagangan dan Industri (MITI), menerusi Industry4WRD, Malaysia dilihat memiliki potensi menjadi rakan strategik bagi pembuatan pintar serta perkhidmatan berkaitan di Asia Pasifik. MITI menjangkakan Industry4WRD mampu meningkatkan sumbangan sektor pembuatan kepada ekonomi negara mencecah RM392 bilion menjelang 2025, berbanding RM254 bilion pada 2018.

2. Melancarkan pembangunan ekonomi digital dan menyokong perkembangan Revolusi Industri 4.0 yang mampu menjana nilai tambah, dan seterusnya memangkinkan pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan menjelang 2025.

Sementara itu, cadangan pembinaan Makmal Inovasi dan Usahawan Digital yang melibatkan kos RM3.8 juta, telah dibincangkan pada peringkat awal bersama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan pihak MDEC telah meluluskan cadangan untuk menubuhkan Pusat Peningkatan Digital Seheniti di Kelantan (DEC). Pihak KIGSB selaku GLC Negeri, diberi tanggungjawab sebagai urusetia kepada DEC Kelantan. Namun, MDEC melalui surat bertarikh 6 Ogos 2020 kepada Menteri Besar Kelantan telah mengemukakan pembatalan inisiatif ini susulan surat daripada Kementerian Kewangan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang memberi fokus kepada program PENJANA.

Kerajaan negeri berpendirian pembangunan bandar digital serta komponen-komponen yang dinyatakan wajar dan perlu diteruskan kerana ia menjadi Pusat Pembangunan Digital dan Inovasi pertama yang akan memberi fokus kepada khidmat sokongan, latihan, bimbingan, pembedayaan ICT serta pembangunan industri kreatif dan inovasi. Ia menghubungkan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan agensi swasta dan kerajaan, juga saluran kepada pembiayaan serta khidmat nasihat dan penyelesaian digital untuk rakyat terutama usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS), pelajar dan golongan belia.

Selain itu, pembangunannya penting sebagai Pusat Aktiviti Keusahawan Digital untuk program-program berkaitan terutama Program Pendigitalan Perniagaan, Digital Maker Space, Pusat Inovasi dan Industri Kreatif dan aktiviti lain yang bertindak sebagai pusat untuk melahirkan modal insan berkemahiran yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi digital negeri.

Penutup

Kerajaan negeri Kelantan melalui KIGSB terus mengatur pelbagai program sebagai persediaan ke arah Kelantan Digital seperti program pendidikan dan latihan melalui program celik IT di semua daerah di Kelantan. Selain itu, KIGSB turut mengadakan program Latihan e-Commerce seperti Online Business, Digital Marketing, Google Seo, Grafik Digital bagi memberi pengetahuan dan kemahiran kepada rakyat untuk bersedia secara intelektual, fizikal dan emosi, beralih kepada era digital sepenuhnya menjelang tahun 2023.


Senario ini memerlukan satu rangka tindakan teratur bagi membolehkan pembangunan keusahawanan di Kelantan terus berdaya saing kerana Kelantan terkenal dengan negeri yang mempunyai ramai usahawan industri kraf dan domestik lain yang berpotensi dikembangkan ke pasaran dunia. 



Projek Jendela. Dr. Mohamed Fadzli Hassan melawat menara telekomunikasi di Kampung Jakar yang turut disertai oleh Pengarah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) Kelantan, Abdul Mubin Mohd Zain



اڦليڳسي ڦمبايرن ايليڳٽرونيڪا



Platform Sistem
pembayaran bagi
perkhidmatan
kerajaan dan
pelbagai jenis bil



KELANTAN PAY

BAYARAN BIL UTILITI / ZAKAT / DLL



AKSB



MAIK



PKINK



PMBK

astro



HASIL TANAH

BAYARAN BIL TELCO



BAYARAN PBT



MPKB



MDPM



JomParking

BAYARAN PARKIR

BAYARAN PINJAMAN PELAJARAN / YURAN



PPTN



YAKIN



YIK



KIAS

Transaksi Lebih Cepat & Selamat
Ke Arah Komuniti Tanpa Tunai

DIGITAL

Sila imbas kod ini
untuk dapatkan
aplikasi
Kelantan Pay



019 - 985 7072 | 017 - 914 0036 | 09 - 747 4370

kelantanpay

www.kelantanpay.gov.my



AKTIVITI SASTERA BUDAYA PENYATU KAUM DI KELANTAN



Kepelbagaian dan keunikan seni budaya di negeri Kelantan telah memperkukuhkan perpaduan masyarakat di negeri ini. Apabila kita menganalisis kepelbagaian dan keunikan seni budaya dan menilai amalannya dalam masyarakat negeri ini jelas menunjukkan negeri Kelantan merupakan sebuah negeri di Malaysia yang didiami oleh majoriti komuniti Melayu, Cina, India dan Siam. Kehidupan masyarakat pelbagai kaum di negeri Cik Siti Wan Kembang ini menjadikan ia sebuah negeri mempunyai adatnya yang pelbagai.

Menyedari hakikat itu portfolio khusus telah dibentuk oleh kerajaan negeri menggabungkan perpaduan kaum dan kebudayaan iaitu Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan yang dipimpin oleh Mejar (B) Dato' Haji Md Anizam Ab Rahman. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, pihak yang bertanggungjawab khususnya kerajaan negeri Kelantan dan Majlis Kebudayaan Negeri Kelantan (MKNK) telah menjalankan pelbagai kegiatan kebudayaan yang berlandaskan gagasan "seni untuk masyarakat".

Budaya kecek Kelate

Nilai bahasa Melayu penting dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat, apatah lagi fungsinya berkait rapat dengan unsur keutuhan perpaduan. Per-kara 152 Perlembagaan Persekutuan telah memainkan

peranan penting untuk menjamin nilai bahasa Melayu sebagai pengukuh perpaduan antara kaum dengan mengiktiraf dan mengisytiharkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta bahasa rasmi negara kita.

Di Kelantan, tiada yang pelik jika melihat masyarakat pelbagai kaum di sini berbual dalam loghat yang sama yang mana "kecek Kelate" memudahkan mereka sama ada kaum Melayu, Cina, India dan Siam berkomunikasi dengan lebih baik dalam urusan seharian. Loghat Kelantan dilihat memainkan peranan besar dalam mengekalkan keharmonian sesama mereka walaupun berbeza agama.

Etnik pelbagai kaum di Kelantan beranggapan apabila bercakap dalam loghat Kelantan, mereka seolah bersaudara. Ia telah sebatik dalam kehidupan mereka sejak sekian lama, malah telah menjadi medium utama yang menyatukan pelbagai kaum di negeri ini.

Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan loghat Kelantan sebagai bahasa penyatuan kaum di negeri ini, kerajaan negeri Kelantan bersama dengan MKNK telah menganjurkan Seminar Loghat Kelantan yang dihadiri oleh 300 orang peserta terdiri daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat seperti pendidik, pegawai kerajaan, penggiat seni dan penulis.



Seminar Loghat Kelantan 2017 telah diadakan di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu.

Aktiviti sastera penyatu kaum

Apabila menyebut tentang bahasa, ia berkait rapat dengan sastera. Sastera boleh dilihat sebagai satu cerminan kepada dunia kehidupan sesebuah masyarakat. Kerajaan negeri bekerjasama dengan MKNK dan Gabungan Penulis Muda Negeri Kelantan (GEMA) telah menjayakan Pengucapan Puisi: Satukan Kami (PPSK).

Program yang telah dijadikan acara tahunan mulai November 2019 ini merupakan acara perpaduan kaum melalui sastera dan budaya yang julung kali dianjurkan dengan menggabungkan acara kesenian dan sastera berasaskan perpaduan masyarakat di Kelantan.

Dato' Md Anizam dalam ucapan perasmian menegaskan bahawa etnik pelbagai kaum adalah tonggak kekuatan negeri Kelantan yang mana kepelbagaian kaum inilah yang menggamit pelancong ke negeri Kelantan.

Kumpulan kesenian yang mempamerkan persembahan ialah kumpulan rebana ubi Kampung Budi, Kumpulan Kertok Kampung Sering, persembahan silat dari Pertubuhan Gabungan Seni Silat Tari Jatu Kelantan (SETANJAK), lagu puisi dendangan KB Buskers, dikir barat alunan Gerbang Ranjuna, tidak ketinggalan Gendang Cina dari SMJK Chung Cheng, Gedombak Siam dari Kubang Golok, Bachok, Gendang India dari Kuala Krai dan nyanyian lagu hindustan oleh Oi Guan Im atau dikenali dengan Pak Chu seorang artis berbangsa Cina. Pemuisi bukan Melayu yang mengambil bahagian ialah Sujata Wee, Dr. Nanthini A/P Ganapathi, Rubendraku-mar A/L Pandian dan Bernai Andrew.

Seterusnya program sastera dan budaya yang telah menggabungkan pelbagai etnik di negeri ini ialah acara Santai Puisi dan Budaya. Ia merupakan acara bulanan kerajaan negeri, MKNK dan GEMA yang berlangsung sejak tahun 2019 hingga sekarang pada setiap hari Jumaat pertama setiap bulan di Dataran Bandar Raya Kota Bharu.



Program Pengucapan: Puisi Satukan Kami diadakan pada 16 November 2019 di Gelanggang Seni, Kota Bharu.

Antara acara kesenian yang telah dipersembahkan ialah Kumpulan Gedombak Panjang Siam dari Wakaf Bharu, dikir barat, wayang kulit, silat, tarian singa dan cahaya, demonstrasi lukisan serta pakaian tradisional.

Demi mengeratkan lagi perpaduan antara kaum menerusi lapangan sastera-budaya, kerajaan negeri bersama MKNK dan GEMA juga menganjurkan acara baca puisi sempena Tahun Baharu Cina pada 13 Februari 2021 secara dalam talian yang dijayakan kumpulan kesenian Melayu, Cina dan Siam serta persembahan dikir barat, tarian naga, persembahan gedombak panjang Siam dan Kabadi.

Hobi baharu

Budaya negeri Kelantan sememangnya unik. Hobi rakyat Kelantan sentiasa berubah. Jika dahulu musim ikan laga, ikan "Flower Hon", burung ketitir, burung candik, belalang, ayam serama dan ayam kapan. Semuanya menjadi hobi kepada pengamal seni di negeri ini daripada pelbagai kaum.

Mengambil kira hobi terbaharu rakyat Kelantan, MKNK dengan kerjasama Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan telah menganjurkan Karnival Ayam Sorak Negeri Kelantan bertempat di Taman Orkid, Pengkalan Chepa, pada 20 April 2019.

Karnival tersebut mendapat lebih seribu penyertaan dan telah memecahkan rekod penganjuran kerana bukan sahaja disertai oleh masyarakat pelbagai kaum tetapi pihak penganjur juga berjaya menarik minat peserta dari seluruh negara termasuk peserta antarabangsa seperti Thailand.

Asimilasi budaya

Sambutan Hari Malaysia di Kelantan disambut dengan penuh aktiviti seni dan budaya dalam usaha menonjolkan kepelbagaian kaum di negeri ini. Sambutan Hari Malaysia pada 16 September 2019 juga telah dijadikan acara untuk memupuk perpaduan antara kaum di Kelantan. Melalui Persatuan Peranakan Cina Kelantan (PPCK) dan Pertubuhan Penggiat Seni Sri Campuran, acara Program Tautan Budaya diadakan dengan meriah di Bangsal Semar, Kampung Pasir Parit setiap tahun.

Kerencaman acara yang dipersembahkan ialah gendang Cina dari SJKC Poy Hwa Kampung Pasir Parit, Gendang Siam dari Bukit Panau, kertuk dan rebana ubi dari Tumpat, kumpulan dikir barat Seri Budi Jati Bachok, tarian inai dan deklamasi puisi oleh Wee Soo Lian.

Dalam usaha mencungkil bakat baharu dalam genre deklamasi puisi, GEMA telah menganjurkan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Bahasa Kebangsaan (sekarang Deklamasi Puisi Dekad Bahasa Kebangsaan) sejak tahun 2001 lagi. Sayembara ini juga secara tidak langsung telah memupuk perpaduan kaum di negeri Kelantan kerana sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil turut menyertainya. Hasilnya telah lahir beberapa deklamator bukan Melayu antaranya Wee Vii Vian, Vee Vee Ni, Wee Meng Hock dan Mohamad Kumar.



Kumpulan Kertok Kampung Sering

Bengkel Penulisan Kreatif anjuran kerajaan negeri, MKNK, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (DBPWT) dan GEMA juga dapat menjadi pemangkin kepada masyarakat bukan Melayu mencintai sastera Melayu. Atas kecaknaan terhadap sastera, kerajaan negeri melalui portfolio kebudayaan telah memperuntukkan dana kepada penganjur agar mewujudkan Sayembara Penulisan Kreatif setiap tahun. Hasil bengkel dan sayembara yang diadakan maka lahirlah penulis bukan Melayu mutakhir iaitu Wee Soo Lian, Sujata Wee, Lim Peng Geok dan Oui Bin Sal.



Kesimpulan

Banyak persamaan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Cina di sini, terutama dari segi makanan dan juga cara berpakaian. Di rumah mereka biasanya berkain pelikat dan yang wanitanya pula berkain batik sarung.

Kehormonian masyarakat adalah kunci kepada semangat kerjasama dan muafakat penduduk pelbagai kaum di negeri Kelantan. Malahan masyarakat pelbagai kaum di negeri ini adalah aset pelancongan negeri Kelantan yang selari dengan dasar Merakyat Membangun Bersama Islam kerajaan negeri Kelantan.

Oleh itu, sewajarnya semua rakyat Kelantan sentiasa cakna terhadap aktiviti sastera dan budaya dengan menyokong kegiatan kemasyarakatan yang melibatkan kaum bukan Islam di negeri ini. Sokongan kerajaan negeri tentunya akan menyubur dan menjamin perpaduan serta keharmonian masyarakat pelbagai kaum yang dapat dijalinkan melalui program di pentas sastera dan budaya. 

Program
TAUTAN BUDAYA 2020

Tarikh : 16 September 2020 (Rabu)
Masa : Bermula 9.30 Pg - 11.00 Mlm
Tempat : Bangsal Semar, Kampung Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan.

Perasmian Oleh : YB Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam Bin Abdul Rahman
Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, dan Pelancongan Negeri

Anjuran : Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, dan Pelancongan Negeri Kelantan
Bersama Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, dan Pelancongan Negeri Kelantan



VARIASI

Oleh: Ade Irma Suryani Che Leh

NGO KELANTAN

MEMBANTU KERAJAAN NEGERI AKTIFKAN AKTIVITI KEMASYARAKATAN

Kerajaan negeri Kelantan berkeyakinan tinggi terhadap keupayaan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu melaksanakan pembangunan sosioekonomi, kebajikan dan spiritual serta mewujudkan peluang pekerjaan dalam industri utama mahupun hiran di negeri ini.

Aspirasi tersebut jelas termaktub dalam Amanat Khas Menteri Besar Kelantan pada 13 September 2018 yang memberi ruang dan peluang kepada NGO untuk menjadi pihak yang terlibat di belakang tabir. Begitu juga di barisan hadapan, NGO menyediakan pelbagai insentif bagi memperkasakan NGO untuk berperanan dalam berbuat kebajikan (fastabiqul khairat) dalam aktiviti libat urus berkaitan program kebajikan, spiritual, sosioekonomi dan hubungan antarabangsa.

Konfederasi NGO selaraskan aktiviti kebajikan

Bagi menyelaraskan aktiviti kebajikan, NGO dan belia di Kelantan, sebuah konfederasi di bawah Exco Belia, Sukan dan NGO Negeri Kelantan ditubuhkan. Ia bertujuan untuk memudahkan kerajaan memantau dan menyelaraskan aktiviti mereka di samping mendekatkan masyarakat dengan program yang dianjurkan oleh kerajaan negeri.

Naib Pengerusi Konfederasi NGO Negeri Kelantan, YB Senator Dr Wan Martina Wan Yusoff menjelaskan, pengurus NGO didedahkan dengan program-program dan kursus seperti Sidang NGO yang mengumpulkan NGO di seluruh Kelantan (yang berdaftar) untuk berbincang dan mendapatkan pandangan dalam pelbagai perkara termasuk isu semasa, ekonomi dan lain-lain.

Penghubung

Sejak ditubuhkan enam tahun lalu, ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat. Jelasnya, "NGO berperanan sebagai penghubung antara kerajaan dengan masyarakat. Kami mengalukan penglibatan mereka agar rakyat tahu hasrat kerajaan. Melalui cara ini, mereka boleh mendapatkan informasi terkini tentang apa yang sedang dan bakal diusahakan, kemudian disampaikan kepada rakyat hingga ke akar umbi."

Melalui Sidang NGO, selain perbincangan antara dua hala, kerajaan dan NGO boleh saling menyalurkan informasi agar pelaksanaan dapat dilakukan secara menyeluruh dan holistik. Sementara mereka dapat meluaskan rangkaian kerjasama dengan NGO lain. Namun, sejak pandemik COVID-19, aktiviti kebajikan telah diubah suai kepada usaha membantu dan menghulurkan bantuan berupa khidmat kebajikan dan kemanusiaan yang bersesuaian dengan penerima mengikut keperluan semasa.

Contohnya, aktiviti Misi Kembara Dakwah (MKD), kata Dr Wan Martina yang juga Timbalan Pengerusi persatuan itu, sering mendedahkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan kepada belia dalam menyantuni masyarakat Orang Asli. Sukarelawan dibawa ke pedalaman untuk melihat sendiri cara hidup mereka sambil berdakwah.

Pada era pandemik pula, MKD menukar kaedah bantuan kepada menghulurkan bantuan keperluan asas kepada petugas barisan hadapan dengan menyediakan 100 telekung solat secara percuma kepada pesakit

COVID-19 di Pusat Kuarantin Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), Dewan Jubli Perak Majlis Perbandaran Kota Bharu dan di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (PUTIK).

"Kerja amal ini bukan sahaja membantu pesakit COVID-19 dan barisan hadapan, bahkan secara tidak langsung menolong ibu tunggal yang menjadi tukang jahit untuk menyiapkan PPE, telekung solat serta menyiapkan pelindung muka," katanya.

MPPOK perkasakan elemen spiritual OKU

Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan (MPPOK) yang ditubuhkan pada tahun 2012 pula berperanan membantu menjalinkan kerjasama erat antara kerajaan Pusat, negeri dan agensi yang berkaitan dengan Orang Kurang Upaya (OKU).

Pengerusinya, Mohd Ramli Abd Rahman memaklumkan antara usaha MPPOK menyokong pendekatan Twin-Track oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ke arah mengupaya masyarakat dan memperkasa komuniti OKU dengan menyertai Kempen Sejuta Istighfar @ OKU Beristighfar bermula 10 hingga 20 Jun 2021.

"Sebagai tanda sokongan inisiatif Sekretariat Sahabat FAQEH Universiti Sains Islam Malaysia (SaF USIM), Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah bersama Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), USIM dengan kerjasama Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH). MPPOK menyambut baik misi yang membawa kesedaran masyarakat khususnya OKU dalam usaha menjaga hubungan insan dengan Tuhan melalui pendekatan spiritual", jelasnya.

Tujuh persatuan bernaung di bawah MPPOK, antaranya, Persatuan Insani (Insan Istimewa Kelantan), Persatuan OKU Cacat Penglihatan Islam Kelantan (PERPIS), Persatuan OKU Berkerusi Roda (OKUSIDA) dan Persatuan Orang Pekak Kelantan (POPK) serta selebihnya mewakili pelbagai golongan OKU lain bersama 485 peserta di seluruh negara melafazkan 1,309,000 istighfar selepas solat fardu lima waktu selama 10 hari dengan niat semoga Allah mengampunkan segala dosa hamba-Nya dan mengangkat wabak COVID-19 serta mengembalikan tahap kesihatan awam seperti sedia kala.

Teladan

MPPOK juga berperanan menjaga kebajikan ahli gabungan melalui pendekatan modul OKU Muqorobun yang disediakan oleh Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan. Modul tersebut telah menterjemahkan aspirasi kerajaan negeri dalam menjaga kesejahteraan hidup OKU menurut teladan Rasulullah SAW dan para sahabat yang dijadikan panduan dan saranan untuk membina jati diri mereka.

Di samping itu, modul tersebut juga mendidik OKU dan masyarakat berusaha menangani pelbagai masalah melibatkan golongan istimewa tersebut berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.

Bagi mencapai sasaran dan meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap 45 ribu OKU yang berdaftar, pelbagai pendekatan telah digunakan. Misalnya melalui kuliah Maghrib, penerangan di masjid seluruh Kelantan dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dan Skwad UPAYA di seluruh Kelantan.

KITABINA Peneraju Pertanian Berteknologi Tinggi

Kelab Komuniti Tani Ternak Pasir Mas (KITABINA) merupakan sebuah NGO yang aktif dalam bidang pertanian dan penternakan telah ditubuhkan pada Januari 2021 oleh komuniti setempat dalam kalangan golongan B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19.



Pengerusinya, Mohd Fadly Zakaria berkata, "Pengeraknya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat merangkumi pelbagai bidang. Aktiviti meningkatkan taraf sosioekonomi yang kami usahakan berkonsepkan pertanian bersepadu dan berteknologi tinggi sejajar dengan aspirasi kerajaan Kelantan yang sudah bersedia membangunkan konsep pertanian digital dalam usaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran sumber makanan di negeri ini pada masa akan datang."

Hal ini disahkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail yang menerangkan konsep tersebut merangkumi pengembangan pertanian dengan menggunakan kaedah terkini iaitu fertigasi dan menambah baik aspek pemasaran yang dilihat mampu memberi pulangan lebih baik kepada golongan petani.

"Kepantasan KITABINA bertindak setelah menyedari potensi dalam bidang pertanian yang terus mendapat sambutan walau apa pun keadaan melanda dunia sangat dipuji. Kesepakatan mereka berkongsi modal membina rumah cendawan pintar dan membuka peluang agro niaga kepada warga kejiiran dengan menguar-uarkan konsep pertanian moden yang patuh syariah kepada masyarakat di sekitar jajahan Pasir Mas amat bertepatan dengan slogan Bertani Satu Ibadah", ulasnya ketika membuat lawatan kerja ke tapak pertanian tersebut di Kampung Beta, Jalan Meranti pada 21 September 2021.

Seterusnya, Fadly menerangkan 10 plot pertanian bersepadu menjadi teras konsep yang diterap dengan nilai berkeadilan, berhikmah dan berkasih sayang sesama ahli. Fasa pertama dimulakan dengan penanaman cendawan menggunakan sistem Internet Kebendaan (IoT).

Berikutan potensi pasaran semasa, mereka meneruskan projek berkenaan pada fasa kedua. Sebuah bangunan khusus dibina mampu memuatkan 10 hingga 12 ribu bongkah cendawan dan melibatkan 30 peserta. Di samping itu, penanaman 600 polibeg cili padi secara fertigasi turut diusahakan melalui Program Kebuniti Kelolaan Pejabat Pertanian Jajahan Pasir Mas.



Bongkah cendawan siap disusun di rumah cendawan.



Lawatan Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ke kawasan penanaman cili padi secara fertigasi.

Lipat ganda

Plot ketiga ialah penanaman jagung hibrid teknik landskap yang membolehkan petani melipatgandakan hasil pertanian dalam kawasan terhad. Kini, mereka dalam proses menggabungkan aktiviti tani dan ternak serentak menggunakan kaedah akuaponik. Melalui kaedah ini, bahagian atas tangki ikan akan ditanam sayur-sayuran. Kitaran air akan melalui proses aliran dan tapisan untuk ke tangki ikan dan petak sayur yang menerima kitaran air bersih dan berbaja organik.

"Kami merancang untuk memperluaskan projek ini. Untuk itu, kami berusaha memperkenalkan kepada lebih ramai mereka yang berminat untuk menyertainya. Untuk jangka masa panjang, kami merancang untuk menjadi konsultan yang memasarkan teknologi yang dibangunkan ini kepada petani moden di Kelantan dan Malaysia," hurnainya.



Penanaman jagung hibrid.



Penanaman cili padi secara fertigasi.

Cakna Palestin perjuangan sejagat

"Palestin, perjuangan tanpa noktah." Ungkapan itu tampak ringkas tetapi amat mendalam maknanya untuk dihayati. Berbekalkan semangat itulah Pertubuhan Cakna Palestin yang berpangkalan di Kelantan terus aktif memperjuangkan solidariti rakyat Palestin sehingga hari ini.

Penubuhannya diinspirasi daripada rasa simpati dan sikap prihatin masyarakat dan kerajaan Kelantan bersama warga antarabangsa terhadap rakyat Palestin yang menjadi mangsa kekejaman rejim Zionis.

Menurut Presiden Cakna Palestin, Wan Sharafi Wan Mustafa, dana yang diperoleh hasil sumbangan masyarakat dan kerajaan Kelantan bukan sahaja disalurkan terus ke Gaza. Bahkan dana tersebut digunakan untuk membiayai kos sara hidup dan yuran pengajian pelajar Palestin.

"Mereka melanjutkan pengajian di negara ini terdiri daripada pelajar lepasan ijazah dalam bidang profesional dan kritikal seperti kedoktoran di beberapa buah universiti di negara ini termasuk Universiti Sains Malaysia (USM). Setelah tamat pengajian dalam kepakaran tertentu, mereka kembali ke Palestin sebagai tenaga pakar dan golongan profesional untuk berbakti. Ada yang menyandang jawatan penting seperti ketua pengarah kesihatan, pakar bedah dan pelbagai bidang lain", jelasnya.

Pelbagai bantuan keperluan harian seperti makanan dan keperluan asas bagi meneruskan kesinambungan hidup pada musim sejuk turut diberikan selain membantu membaik pulih dan membina semula rumah dan bangunan rosak akibat dibom tentera Zionis.



Penyaluran dana

Pada 20 Mei 2021, Cakna Palestin berjaya menguruskan penyaluran dana #Aid4Palestine melalui program lelongan amal tiga keris milik Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah.

Hasil jualan Keris Melela dan dua bilah Keris Bugis miliknya meraih RM32,500 manakala selebihnya adalah sumbangan daripada beberapa individu melengkapkan sumbangan RM60,000 kepada rakyat Palestin.

Selain itu, Cakna Palestin juga menganjurkan ibadah korban di tiga buah negara secara serentak pada hari kedua Hari Raya Aidiladha lalu di Arakan; Myanmar, Kem al-Tal Abyad, Syria dan Gaza serta membantu mangsa banjir di Kem Cox Bazar; Bangladesh.

Kesimpulannya, empat NGO ini menginterpretasi penghayatan tonggak kebajikan yang menjadi dasar kerajaan Kelantan itu dengan cara tersendiri. Sekali pandang, tampak berbeza namun matlamatnya sama iaitu membantu kerajaan Kelantan dan agensinya menyantuni rakyat melalui aktiviti kemasyarakatan yang bermanfaat dan menguntungkan banyak pihak. ¹



VARIASI

Oleh: Dr Lina Malini Mat Nafi



SUKATAN PELAJARAN YIK LAHIRKAN ALUMNI CEMERLANG

Pengenalan

Pendidikan Islam bagi Yayasan Islam Kelantan (YIK) diterjemahkan sebagai satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu Muslim sebagai hamba Allah. Sebagai khalifah-Nya di bumi, taklif secara menyeluruh dan bersepadu diamanahkan kepada setiap manusia berilmu untuk melahirkan pula generasi pelapis yang seimbang dari segi rohani, aqliah, emosi, akidah dan jasmani berdasarkan ajaran Islam.

Inti pati sukatan pelajaran yang berkonsepkan pendidikan Rabbani yang dipelopori oleh YIK bertujuan melahirkan Muslim yang beriman, berakhlak mulia, berilmu pengetahuan, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negara dan ummah. Tulisan ini mengupas sukatan pelajaran YIK yang berjaya melahirkan alumni cemerlang dan dapat berkhidmat bakti semula kepada negeri dan negara.

Penubuhan YIK

YIK ditubuhkan pada tahun 1973 hasil cadangan yang telah dikemukakan kepada pihak kerajaan negeri Kelantan agar ditubuhkan satu jabatan khas untuk mengendalikan sekolah-sekolah agama di Kelantan. Pada 1 Julai 1974, kerajaan telah bersetuju menubuhkan Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA)

dan jabatan ini diletakkan di bawah Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan, Nilam Puri melalui Enakmen No. 9 tahun 1969. Enakmen ini kemudiannya dipinda dan diletakkan di bawah Enakmen baru No. 3 tahun 1977.

Pada 29 Julai 1976, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju mengambil alih enam buah sekolah agama di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) iaitu:

- i) Madrasah Muhammadiyah (Kota Bharu)
- ii) Madrasah Falahiah (Pasir Pekan, Tumpat)
- iii) Madrasah Amir Indera Putera (Beris Kubor Besar, Bachok)
- iv) Madrasah Yaakubiah (Nipah, Bachok)
- v) Madrasah Arabiah (Pasir Mas)
- vi) Madrasah Syamsul Maarif (Pulau Chondong, Machang)

Sehingga kini YIK bertanggungjawab mentadbir dan mengurus hal-hal seperti berikut:

- i) Sekolah-sekolah Menengah Agama/Arab seluruh negeri Kelantan
- ii) Pusat Bahasa Arab, Nilam Puri
- iii) Pusat Pengajian Pondok, Telong, Kandis, Bachok
- iv) Tadika Tengku Anis, Kampung Sireh, Kota Bharu dan Pasir Mas
- v) Kewangan untuk pengurusan dan pembangunan

Diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan antarabangsa

Selaku peneraju kecemerlangan pendidikan Islam dan bahasa Arab, Kementerian Pendidikan Malaysia mengiktiraf kemampuan YIK menyediakan kurikulum pendidikan agamanya apabila pegawai dan guru-guru YIK turut terbabit menyediakan sukatan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Para pelajar sekolah menengah kebangsaan agama diwajibkan lulus dalam peperiksaan STAM bagi melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar. Kurikulum kendalian YIK diiktiraf oleh Universiti al-Azhar sejak tahun 1994 kerana menggunakan sukatan Maahad Bu'uth Islamiah Al-Azhar. Universiti al-Azhar sudah mengiktiraf lulusan Sijil Tinggi Ugama (STU) kelolaan YIK melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tersebut sejak sekian lama. Selain itu, kurikulum YIK turut menjadi sukatan kepada sebahagian sekolah agama rakyat di Malaysia.

Institusi Pendidikan Kelolaan YIK

Sejak penubuhannya, YIK telah mengendalikan keseluruhan pelajar melebihi 36,800 dan 2,903 guru berdasarkan jumlah sekolah dalam jadual di bawah.

147 pelajar YIK peroleh Mumtaz

Kolej Tahfiz Sains Nural Aman, Kerteh duduki tempoh terpanjang di kalangan sekolah



147 pelajar YIK (Yayasan Islam Kelantan) di Kolej Tahfiz Sains Nural Aman, Kerteh, Kelantan, telah menerima sijil penghargaan Mumtaz (Cemerlang) dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2017. Jumlah ini merupakan terpanjang tempoh di kalangan sekolah di negeri ini.

Keputusan mumtaz SMU 2018 Kelantan meningkat



Keputusan lulus terbaharu bagi Peperiksaan Sijil Menengah Ugama (SMU) 2018 Kelantan menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Jumlah pelajar yang menduduki peperiksaan ini meningkat kepada 36,800 orang, manakala jumlah guru yang terlibat adalah 2,903 orang.

Diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan antarabangsa

Selaku peneraju kecemerlangan pendidikan Islam dan bahasa Arab, Kementerian Pendidikan Malaysia mengiktiraf kemampuan YIK menyediakan kurikulum pendidikan agamanya apabila pegawai dan guru-guru YIK turut terbabit menyediakan sukatan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM).

Para pelajar sekolah menengah kebangsaan agama diwajibkan lulus dalam peperiksaan STAM bagi melanjutkan mereka melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar. Kurikulum kendalian YIK diiktiraf oleh Universiti al-Azhar sejak tahun 1994 kerana menggunakan sukatan Maahad Bu'uth Islamiah Al-Azhar. Universiti al-Azhar sudah mengiktiraf lulusan Sijil Tinggi Agama (STU) kelolaan YIK melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tersebut sejak sekian lama. Selain itu, kurikulum YIK turut menjadi sukatan kepada sebahagian sekolah agama rakyat di Malaysia.

Institusi Pendidikan Kelolaan YIK

Sejak penubuhannya, YIK telah mengendalikan keseluruhan pelajar melebihi 36,800 dan 2,903 guru berdasarkan jumlah sekolah dalam jadual di bawah.

Kategori Sekolah	Jumlah Sekolah
Maahad Kawalan	11
Maahad Pilihan	10
Maahad Kerajaan	7
Sekolah Menengah Ugama (Arab)	40
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	20
Sekolah Rendah Ugama	2
Tadika	2
Pondok	1
Jumlah Keseluruhan	93

Kurikulum YIK

Pendidikan YIK mengamalkan dua kurikulum serentak iaitu kurikulum al-Azhar dan kebangsaan. Kurikulum al-Azhar membolehkan para pelajar menduduki peperiksaan Penilaian Standard Kurikulum I'dadi (PSKI), Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dalam bahasa Arab yang mana peperiksaan SMU dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan YIK.

Manakala, kurikulum kebangsaan membolehkan para pelajar YIK menduduki peperiksaan SPM, STAM dan STPM. Pendekatan pelajaran YIK bermula sejak pra sekolah, pendidikan rendah dan pendidikan menengah.

Tadika YIK

Dalam meningkatkan dan memantapkan lagi pendidikan agama Islam, YIK telah mengorak langkah mengadakan pendidikan prasekolah bercorak agama Islam dan seimbang dengan kurikulum yang lain.

Hal tersebut turut menjadi rujukan sidang Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun



Kurikulum



meneliti keadaan sedemikian, YIK membuat keputusan untuk menubuhkan sebuah tadika yang dapat memberikan contoh dari segi pengurusan kurikulum dan pembelajarannya.

Bahkan diharap akan menjadi sebuah pusat perkembangan tadika Islam di negeri ini di samping berperanan sebagai sebuah tadika Islam. Di samping belajar di dalam kelas dan latihan jasmani di halaman tadika, murid-murid ini akan diberi latihan tatacara mengambil wuduk, sembahyang dan adab semasa berada di dalam masjid.

Tadika Tengku Anis telah beroperasi pada 1 Januari 1989, dan telah dirasmikan oleh Raja Perempuan pada 3 Ogos 1990. Antara pelajar terawal di TTA ialah Yang Teramat Mulia Tengku Amalin A'isyah Petri (puteri bongsu baginda) bersama-sama 135 pelajar lagi di dalam empat kelas yang dididik oleh sembilan orang guru termasuk seorang guru besar sebagai perintis TTA. Pertambahan murid meningkat sekali ganda pada tahun berikutnya apabila pembangunan fasa kedua siap. Sejak awal pengajian, Raja Perempuan mengurniakan komputer sebagai asas untuk pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan makanan kepada para pelajar TTA pada setiap hari Khamis.

Alumni YIK cemerlang berbakti

Dari tahun 1990 hingga 2020, YIK berjaya melahirkan purata 150 ribu alumni. Manakala dari tahun 1992 hingga 2019 pula, YIK berbangga dengan kelahiran 4,082 huffaznya. Kehebatan sukatan pelajaran YIK melahirkan masyarakat yang menitikberatkan agama dalam setiap aspek kehidupan yang seterusnya memandu kepada kecemerlangan yang memberi sumbangan besar kepada negara dalam pelbagai bidang pekerjaan sama ada sektor kerajaan mahupun swasta termasuk bidang akademik, korporat, pengurusan tertinggi dan arena politik.



Antara alumni YIK yang cemerlang berbakti ialah Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad Yakob; Menteri Besar Kelantan, Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Abdul Aziz; Penyandang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu (Universiti teknologi MARA), Dr. Mohd Bokhari Ismail; Timbalan Pengarah MAMPU (Jabatan Perdana Menteri) serta Ahmad Fazrin Yahya; Pegawai Penyelidik di Kedutaan Arab Saudi di Kuala Lumpur.

Seterusnya, Mohd Muazzam Mohamed, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Bank Islam Malaysia, Kapten Muhd Hazwan Muhd Rasidi, Ketua Jurulatih dan Supervisor Pusat Kawalan Lalulintas Udara Pangkalan Udara (TUDM) Labuan, Hanif Yusabra Yusuf, Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Kelantan, Laila Nazura Nawi, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Kelantan dan ramai lagi membuktikan sukatan pelajaran YIK ternyata berjaya mendidik alumninya cemerlang dalam bidang akademik dan sedia berbakti kepada negeri dan negara dengan kompetensi yang membanggakan. 

Rujukan:

<http://www.YIK.edu.my>

<https://paskelate.tripod.com/stam.html>

<https://harakahdaily.net> 5 April 2021.



كلية السناطان انما عينا فترا للجامعة الاسلامية العالمية

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)
Sultan Ismail Petra International Islamic University College

SENARAI PROGRAM YANG DITAWARKAN

- 1. SARJANA MUDA USULUDDIN DENGAN PENGURUSAN (KEPUJIAN)**
[KP/JPS (MQA/PA 15070) (N/221/6/0244)11/28]
- 2. DIPLOMA USULLUDDIN**
[KP/JPS (A 9178) (R2/221/4/0095)07/23]
- 3. DIPLOMA AL-SYARIAH**
[KP/JPS (A 9179) (R2/221/4/0097)07/23]
- 4. DIPLOMA BAHASA ARAB**
[KP/JPS (A 6798) (R3/224/4/0113)03/26]
- 5. DIPLOMA TARANNUM AL-QURAN**
[KP/JPS (A 9599) (R2/221/4/0170)02/25]
- 6. DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN**
[KP/JPS (A 10090) (R2/221/4/0169)02/27]
- 7. DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN WAL QIRAAT**
[KP/JPS (MQA/FA 9379)(N/221/4/0237)09/23]
- 8. DIPLOMA PENGURUSAN HALAL**
[KP/JPS (MQA/FA 8534)(N/345/4/1070)10/22]
- 9. DIPLOMA PENGAJIAN ISLAM**
[KP/JPS (MQA/FA 0931)(R2/221/4/0155)01/27]
- 10. DIPLOMA DAKWAH DENGAN MEDIA**
[KP/JPS (MQA/FA 2705)(R/221/4/0088)10/23]
- 11. DIPLOMA KAUNSELING**
[KP/JPS (MQA/FA 2704)(R2/762/4/0014)10/24]
- 12. DIPLOMA PENGAJIAN TURATH**
[KP/JPS (MQA/FA 9378)(N/221/4/0236)09/23]
- 13. DIPLOMA KEWANGAN ISLAM**
[KP/JPS (A 10175) (R2/343/4/0169)12/24]
- 14. DIPLOMA PENGURUSAN LOGISTIK DAN RANTAIAN BEKALAN**
[KP/JPS (MQA/FA 2706)(R/345/4/1539) 03/24]
- 15. DIPLOMA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK**
[KP/JPS (MQA/FA 3021)(R/143/4/0071)10/23]
- 16. ASASI PENGAJIAN ISLAM**
[KP/JPS (MQA/PA 15039)(N/221/3/0208)09/26]

**DAFTAR
SEKARANG!!**

VISI

Sebuah Institusi Pendidikan
Tinggi Rabbani

MISI

Bertekad untuk melahirkan graduan
yang progresif, berilmu,
bertaqwa dan berakhlak mulia
yang dapat memberi
khidmat kepada ummah dengan
penuh dedikasi dan berkesan

**KEMASUKAN
SESI JUN & NOV**

*TERBUKA KEPADA SEMUA TERMASUK
LEPASAN SEKOLAH BUKAN ALIRAN
AGAMA/ ARAB

* BAGI YANG TIDAK ADA ASAS BAHASA ARAB,
ANDA JUGA LAYAK MEMOHON BEBERAPA
PROGRAM PENGAJIAN DI KIAS.

Dapatkan borang di Pejabat KIAS
dan hantar kepada:

**PENDAFTAR,
KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA
SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS),
Peti Surat 68, Nilam Puri,
15730 Kota Bharu, Kelantan.**

PERTANYAAN

Tel : 09-7129 386 / 09-7129 387
Faks : 09-7129 444
Laman Web : www.kias.edu.my
Emel : admin@kias.edu.my



Permohonan Secara
Online Dibuka Sekarang
www.kias.edu.my



VARIASI

Oleh: Dr. Iskandar Tan

KELESTARIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN KELANTAN

Pengenalan

Nilai kelebihan yang digunakan untuk mencapai sesuatu yang lain dipanggil modal. Elemen ini menjadi asas penting untuk mengembangkan harta. Manakala insan pula ialah makhluk ciptaan Allah SWT. Maknanya, pembinaan sahsiah dan jati diri aset negeri Kelantan yang tepat akan membantu Kelantan melahirkan masyarakat yang berpotensi mencipta kejayaan gemilang.

Lantaran itu, meninjau 32 tahun pentadbiran gabungan kepimpinan ulama dan teknokrat di Kelantan, memerlukan kita mengupas jasa bakti anak-anak negeri Kelantan dalam pembangunan modal insan di negeri ini yang dikira mapan. Menarik untuk dikaji, penulis mengambil lima tokoh daripada dua kluster iaitu kluster politik dan sosial untuk berkongsi pengalaman yang memantapkan kehidupan dalam lapangan kerjaya masing-masing.

Perkongsi tentang potensi lima tokoh yang dipilih diharap dapat memberi motivasi kepada generasi semasa dan akan datang terutamanya anak muda Kelantan yang bakal menjadi pelapis untuk terus menabur bakti dalam menjayakan pembangunan negeri. Lima sampel modal insan Kelantan dipilih untuk diketengahkan sebagai rujukan bagi kategori keusahawan, kepimpinan, keagamaan, pentabiran awam dan kepengarangan.



Kategori Keusahawanan

Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh ialah anak Kelantan kelahiran Gong Kala, Pasir Puteh berjaya mempamerkan sifat keusahawan semasa di sekolah menengah apabila melibatkan diri dalam

menjual makanan dan minuman di Stadium Sultan Muhammad IV semasa perlawanan bola sepak.

Meneruskan bakat tersebut, beliau terus memasarkan produk Kelantan ketika belajar di Mesir dan Jordan untuk menampung kehidupannya. Sekembali ke

Malaysia, beliau mengusahakan perniagaan barang kemas yang berjaya di pantai Timur di samping aktif berpolitik.

Antara pembangunan modal insan dalam bidang keusahawanan yang dibimbing sepanjang kerjaya beliau ialah:

a) Motivator kepada para petani Kelantan berdasarkan pengalaman beliau menjadi Pengerusi Petubuhan Peladang Kebangsaan dan kini Timbalan Menteri Industri Asas Tani dan Makanan II.

b) Panel perunding yang menyelesaikan masalah yang berlaku dan sentiasa cakna terhadap isu semasa yang dihadapi para petani yang ingin menceburi bidang pertanian dan industri makanan terutama ketika pandemik COVID-19.

c) Penggubal modul kursus dan bengkel berkonsepkan dakwah untuk mentarbiah golongan belia B40 yang terlibat dalam keusahawanan sehingga menjadi jutawan.

Pesan beliau kepada usahawan tani ialah sentiasa berdisiplin, tekun berkerja dan meletakkan indikator prestasi diri untuk diperbaiki. Matlamat beliau adalah untuk membimbing masyarakat menjadi petani berteknologi, berpandangan jauh dan berjaya dalam aspek keusahawanan termasuk bidang perniagaan terutama pertanian.



Kategori Kepimpinan

Enam tahun menjadi Ahli Dewan Negara dan 12 tahun di Dewan Rakyat mewakili Parlimen Rantau Panjang sehingga sekarang, Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff diamanahkan pula menggalas tugas

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Malaysia.

Keperibadiannya terserlah menjadi modal insan Kelantan yang amat menitikberatkan pembangunan modal insan. Beliau amat tegas mengangkat martabat wanita khususnya posisi penggalas jawatan utama sektor swasta yang belum mencapai sasaran 30 peratus lagi.

"Sehingga kini hanya 25.8 peratus, berdasarkan keanggotaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat teratas dalam sektor awam", katanya yang serius memperjuangkan kebajikan masyarakat termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

"Pelaksanaan ini tertakluk mengikut jumlah keseluruhan bantuan kepada isi rumah yang sekiranya dilaksanakan, satu keluarga ada yang mendapat lebih RM1,900 sebulan berbanding RM200 hingga RM300 sahaja sebelumnya," katanya ketika membentangkan bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM1,000 untuk golongan OKU yang akan dilaksanakan melalui kementerianya.



Kategori Kegamaan

Dato' Dr Johari Mat, Pengarah Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) memulakan kerjaya pertama sebagai tutor di Yayasan Pengajian Tinggi Islam

Kelantan dari tahun 1976 hingga 1981. Seterusnya mendapat tawaran menjadi tutor di Universiti Malaya dari tahun 1981 sebelum dinaikkan pangkat sebagai Pensyarah Akademi Islam Universiti Malaya pada tahun 1983.

Bermula dari tahun 1983 hingga 2003, beliau pernah menjawat Timbalan Dekan Fakulti Usuluddin, Penyelaras Program Pendidikan Islam, Dekan Fakulti Usuluddin, Pemangku Ketua Akademik Pengajian Islam dan akhir sekali sebagai Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam. Kemudian beliau ditawarkan menjadi Ketua Eksekutif Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) sebelum dilantik menjadi Pengarah IPTG dari tahun 2017 hingga kini.

Dr Johari juga pernah bergelar Senator Dewan Negara dan beliau gigih berusaha untuk memartabatkan kepentingan hal ehwal Islam terutamanya berkaitan perundangan Islam. Khidmat bakti beliau diteruskan sebagai Pengerusi Eksekutif di KIAS.

Antara jasanya ialah memartabatkan pembangunan KIAS apabila berjaya membuat beberapa perjanjian persefahaman dengan beberapa buah universiti di Indonesia dan Brunei bagi meningkatkan pengiktirafan pensijilan diploma KIAS. Kemudian, semasa beliau menjawat sebagai Pengarah IPTG, usahanya lebih tertumpu kepada soal mengimplementasi dasar Membangun Bersama Islam (MBI) ke dalam konsep pentadbiran awam negeri dan rakyat Kelantan secara am.

Pelaksanaan konsep Ubudiyah, Masuliyah dan Itqan (UMI) pula diperkemas dengan pendekatan

kelestarian rububiyah dan uluhiyyah ke atas setiap penjawat awam negeri Kelantan bagi menjayakan dan merakyatkan dasar MBI. Sempena sambutan 31 tahun MBI, hasrat Menteri Besar Kelantan ialah semua warga Kelantan memahami, mengamal dan menyebarkan luas dasar MBI dan merakryatkannya.



Kategori Pentadbiran Awam

Berasal dari Kampung Tanjung, Bachok, Kelantan, Laila Nazura Nawi memulakan kerjaya sebagai Penolong Pengarah (Pentadbiran Latihan) Bahagian

Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan pada 18 Mac 2002.

Bermula 1 Oktober 2019 sehingga kini, beliau menyandang jawatan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (JBS). Tugas utama beliau adalah memastikan tadbir urus dan penyampaian fungsi organisasi belia. Di samping itu, beliau bertanggung jawab memastikan pembangunan sukan memberi impak besar kepada masyarakat Kelantan. Prinsip beliau ialah memastikan tadbir urus jabatan sentiasa di atas landasan yang betul dan mengikut etika penjawat awam.

"Amanah yang saya pikul bukan sahaja memastikan pembangunan sosiobudaya dan sosioekonomi belia ataupun infrastruktur sukan di negeri Kelantan setara dengan negeri lain, tetapi perlu merangka dan melaksanakan program belia dan sukan bersama kerajaan negeri bagi memastikan setiap pelaksanaan program dapat dilaksanakan secara holistik dan memberi impak besar kepada belia dan masyarakat Kelantan", katanya.

Di samping itu, beliau merancang, merangka dan memanjangkan cadangan penambahan infra sukan di setiap daerah di seluruh negeri Kelantan demi kelangsungan pembangunan dan pembudayaan sukan di negeri Kelantan.

Ini amat penting dalam memastikan penggunaan fasiliti sukan di bawah seliaan JBS negeri Kelantan dimanfaatkan oleh rakyat negeri Kelantan secara optimum dan menyeluruh. Seterusnya dapat menjadikan aktiviti sukan dan pembangunan belia sebagai satu gaya hidup dan amalan dalam kehidupan seharian rakyat Kelantan.

Kesimpulan

Kelantan berjaya melahirkan modal insan yang berperanan sebagai aset kelestarian kemajuan negeri secara holistik. Buktinya, 32 tahun Kelantan cemerlang dalam mengekalkan keseimbangan pembangunan fizikal, emosi dan spiritual.

Modal insan Kelantan amat memahami konsep UMI yang mendasari sukatan pelajaran di kampus "universiti politik terbuka Kelantan" dan dengan izin Allah, mereka mewakili modal insan lain yang sedang berbakti kepada negeri dan negara. Semoga iltizam mereka terus istiqamah memelihara reputasi Kelantan yang beracuan Merakyat Membangun Bersama Islam. 🇲🇾



PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

DIMILIKI OLEH HOSTCARE SDN. BHD.

HOSPITAL BERSALIN SWASTA KELANTAN

KLINIK PAKAR

PAKAR SAKIT PUAN & PERBIDANAN (O&G)

PAKAR PEMBEDAHAN AM

PAKAR KANAK-KANAK

PANTANG DE AN-NISA'

PENJAGAAN IBU & BAYI SELEPAS BERSALIN



PROJEK WARISAN KAMPUNG LAUT

PEMANGKIN IKS BERKEMBANG

Laman Warisan Kampung Laut ialah penjenamaan semula Kampung Laut sebagai pusat warisan berusia 672 tahun (1349-2021) yang menjadi simbol keakraban agama Islam dengan budaya niaga orang Kelantan.

Cadangan nama tersebut adalah mewakili keseluruhan Projek Pembangunan Semula Kampung Laut yang menjadi salah satu inisiatif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) untuk mengekalkan tradisi kebudayaan di samping meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk setempat melalui peluang keusahawanan.

Gabungan dua komponen

Pengurus Besar ECERDC, Dato' Wan Mohd Hasnan Abdullah berkata komponen menarik Projek Kampung Warisan Kampung Laut yang dibangunkan untuk tarikan pelancong melibatkan pembinaan dua kompleks komersil meliputi Laman Warisan dan Laman Seni.

"Laman Warisan di Fasa 1 berkeluasan 1.8 ekar sudah siap sepenuhnya akan diserahkan kepada pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan bakal dirasmikan pada Oktober nanti bakal menempatkan pusat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) makanan tradisional dengan aktiviti pembuatan dan penjualan serondeng oleh sebelas usahawan tempatan selaku pengusaha serondeng terkenal di situ termasuk jenama Suzara dan RS yang popular sejak dulu hingga sohor kini", katanya ketika dihubungi, Ogos lalu.

Tambah beliau, Fasa 2 ialah Laman Seni yang memartabatkan seni batik cop, tenunan songket dan kraftangan tempatan termasuk wayang kulit, wau sobek, serunai dan tongkat serta pertukangan perak di tapak seluas 1.3 ekar dan untuk menempatkan semula Masjid Kampung Laut di tapak asalnya.

"Proses pembinaan semula masjid tersebut berdekatan tapak asal (di dalam sungai) sudah 65 peratus siap. Manakala laman seni yang menelan kos RM11.8 juta pula hanya tinggal 40 peratus sahaja lagi untuk diselesaikan. Fasa ini dijangka siap sepenuhnya pada 31 Januari 2022", jelasnya yang turut memaklumkan pemindahan dan pembinaan semula Masjid Kampung Laut memakan belanja RM2 juta merangkumi kos pemuliharaan dan bina semula tersebut dikendalikan oleh ECERDC melibatkan kerjasama Kerajaan Negeri, Jabatan Warisan Negara, Arkib Negara Malaysia dan Muzium Kelantan.

"Seramai 100 tenaga pekerja tempatan termasuk lapan pakar tukang kayu yang telah meleraikan struktur masjid berkenaan dengan mengambil kira aspek struktur dan komponen yang akan dipasang semula sebagaimana asal oleh kontraktor", tambahnya.



Tapak asal Masjid Kampung Laut

Fasa 1 Laman Warisan

Timbalan Menteri Kewangan I, YB Mohd Shahar Abdulah berkunjung Laman Warisan Serunding Kampung Laut sempena Program Jelajah Belanjawan 2022, pada 15 Oktober lalu. Menurutnya, projek tersebut bakal menjadikan Kampung Laut, Tumpat sebagai sebuah pusat pelancongan warisan ikonik dan destinasi 'mesti lawat' di Kelantan.



Timbalan Menteri Kewangan I, YB Mohd Shahar Abdullah mengunjungi Laman Warisan Serunding Kampung Laut

"Kerajaan Persekutuan sentiasa menitikberatkan pembangunan yang bermanfaat jangka panjang untuk rakyat yang mampu memperkukuh dan melengkapkan tarikan pelancongan di negeri ini, sekali gus meningkatkan ekonomi tempatan pada masa depan," katanya.

Laman Warisan Serunding Kampung Laut menyediakan 11 ruang niaga. Sembilan daripadanya khas untuk menjual makanan tradisional tempatan seperti serunding Kampung Laut. Antara jenama terkenal ialah Serunding Ramlah Salleh atau popular dengan label RS Serunding yang diasaskan sejak tahun 1985 di sebuah bangunan di tepi Sungai Kelantan dekat Kampung Laut.

Menurut pengusaha, Zulhimidatuldaiah Mohd Shahimi, RS Serunding diasaskan oleh ibu mentuanya, Allahyarhamah Ramlah Salleh tetapi kini diteruskan oleh beliau dan suaminya, Mohd Farhan Ramli dan dibantu sanak saudara.

"Di tempat baharu sebenarnya memberi rahmat lebih besar kepada RS Serunding kerana pusat tumpuan pelancong dan selesa", jelasnya yang turut berkongsi resipi RS Serunding yang mementingkan kualiti dan cita rasa asli serunding melalui penghasilan produk berasaskan daging segar tempatan, santan, bawang, halia dan ketumbar.



RS Serunding

Pertumbuhan sosioekonomi

Projek pembangunan semula Kampung Laut bukan sahaja bertujuan untuk menjana ekonomi menerusi aktiviti-aktiviti pelancongan malahan dapat membantu penduduk tempatan meneruskan aktiviti ekonomi lain yang terjejas akibat pandemik dan ini akan membantu menjana semula pertumbuhan sosioekonomi di kawasan sekitar.

Istimewanya projek ini kerana ia merupakan pembangunan mampan yang turut meraikan dan memelihara budaya, warisan dan tradisi kampung tempatan. Kampung Laut bakal menjadi muzium hidup di mana masyarakat setempat berpeluang menjana pendapatan melalui aktiviti kebudayaan seperti persembahan wayang kulit dan permainan wau yang akan menyuburkan kembali minat orang muda untuk menghidupkan kembali aktiviti kebudayaan seumpama ini.

Paling penting, pemindahan masjid tertua di Asia Tenggara yang masih digunakan iaitu Masjid Kampung Laut dari Nilam Puri ke tempat asal di Kampung Laut turut menjadi salah satu komponen utama projek ini. Sekali gus dapat mengekalkan nilai sejarah, budaya dan seni bina masjid serta mencipta mercu tanda warisan di Kelantan.

Tapak Warisan UNESCO

Bagi perancangan jangka panjang, Masjid Kampung Laut dan projek Pembangunan Kampung Laut sebagai Kampung Warisan telah dicalonkan sebagai objek dan tapak warisan kebangsaan dan seterusnya bakal diiktiraf sebagai tapak warisan dunia di bawah Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Pada 31 Oktober lalu, Menteri Besar Kelantan; Ustaz Dato' Bentara Kanan haji Ahmad Yakob, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Dato' Sri Nancy Shukri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi, Dato' Sri Mustapa Mohamed menyaksikan berlangsungnya acara simbolik penyerahan kunci oleh Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Baidzawi Che Mat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), Datuk Wira Dr Noor Zari Hamat menandakan secara rasminya penyerahan Laman Warisan Serunding Kampung Laut (Pakej 1) dalam Projek Pembangunan Semula Kampung Laut sebagai Kampung Pelancongan Warisan, kepada MOTAC.



Simbolik penyerahan kunci oleh Pegawai Eksekutif ECERDC kepada Ketua Setiausaha MOTAC



Dato' Seri Nancy Shukri memaklumkan kedua-duanya memenuhi kriteria pencalonan; lokasi tradisi budaya yang unik, dan contoh seni bina luar biasa. Selain ruang niaga, terdapat bengkel para penggiat seni kraf tangan berkonsepkan muzium hidup.

Projek ini berpotensi merancakkan ekonomi rakyat tempatan untuk menjual serta mempamerkan hasil seni dan kraf tangan mereka kerana pada 30 September 2021, 557 usahawan kraf di Kelantan berdaftar dengan Kraftangan Malaysia. 361 daripadanya ialah usahawan dalam bidang tekstil dan 337 usahawan kraf bidang batik. Bakinya, 78 usahawan bidang kraf lain seperti hasil rimba, 90 usahawan hasil logam, 12 usahawan hasil tanah dan 16 usahawan aneka kraf.

Bagai sirih pulang ke gagang

Selama 52 tahun (1968-2020) berada di Nilam Puri, pemindahan semula Masjid Kampung Laut dari Nilam Puri ke tapak asalnya di Kampung Laut bermula 16 September 2020 adalah bagai sirih pulang ke gagang yang bermaksud kembali ke tempat asal (Sapinah Said, 2004: 1142).

Gagang ialah tangkai daun. Apabila daun sirih tanggal daripada gagang tentulah daun dan gagang akan berpisah. Namun, jika sirih itu dicantumkan semula ke gagangnya, tentulah keadaan itu nampak sesuai dan elok dipandang seperti sedia kala. Tangkai daun sirih yang diputuskan daripada pokoknya jika diletakkan semula pada bahagian asal pasti cacat celanya tidak kelihatan lagi.

Maka, alang-alang sirih sudah pulang ke gagang, penulis ingin mencadangkan supaya kawasan sekitarnya digelar Lanai Seni Sayyid Hussein Jamadil Kubra bagi mengenang dan menghargai jasa pembina asal monumen sejarah tersebut yang berketurunan Rasulullah SAW.



Majlis Doa Selamat Sempena Perpindahan Masjid Kampung Laut di Nilam Puri



Laman Warisan

Seperkara lagi, diperbetulkan terus ejaan produk "Serondeng" atau sambal daging, ayam atau ikan yang sinonim dengan lokasi itu, moleklah dieja dengan ejaan sebenar iaitu serondeng kerana berdasarkan carian di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, serondeng bermaksud sejenis makanan (yang tahan lama) daripada siatan daging (udang atau ikan yang dihancurkan) yang dimasak bersama santan dan rempah-ratus sehingga kering.

Kesimpulannya, Projek Warisan Kampung Laut bakal menambah bilangan mercu tanda baharu Kelantan maju kerana dengan siapnya projek "signage" (paparan) era pentadbiran Dato' Ahmad Yakob ini diyakini dapat merancakkan industri pelancongan melalui kenderaan di jalan darat dengan pembinaan jambatan Palekbang-Penambang sepanjang 1 kilometer merentasi sungai Kelantan, atau perkhidmatan teksi air di sungai sebagai pelengkap projek tersebut. 

Rujukan:

1. Mohd Rofa Ismail, Muzakarah Sultan Nazrin Muizuddin Shah - Kertas Kerja Baldatun Tayyibatun Wa Rabb Ghafur: Umat dan Kesultanan Melayu, 24 Januari 2016, Ipoh, Perak.
2. Sapinah Said. 2004. Kamus Peribahasa Melayu. Johor Bahru: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.



SELAMAT DATANG
BILIK

PEKA & ILDAN

AGENSI PENUNJANG KEUTUHAN 3 DEKAD PENTADBIRAN KELANTAN

Kemasyhuran negeri Kelantan dengan gelaran Bumi Serambi Mekah sudah tidak asing kepada umum. Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) kini ditetapkan sebagai Merakyat Membangun Bersama Islam (MMBI) menjadi paksi utama pentadbiran negeri selama 31 tahun, telah menerajui transformasi pelaksanaan kepimpinan ulama secara lebih kondusif dan komprehensif. Implikasi ketara dapat dilihat melalui kemakmuran dan keharmonian yang dikecapi di Negeri Tadahan Wahyu ini.

Sejak mengambil alih pentadbiran Kelantan pada 21 Oktober 1990, kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan ulama telah melaksanakan pembaharuan berasaskan Islam secara berperingkat dipelopori oleh Allahyarham Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru) yang pada ketika itu diamanahkan sebagai Menteri Besar.

Proses islamisasi urus tadbir kerajaan Kelantan era Tok Guru bermula secara berperingkat takah demi takah dalam pentadbiran seperti membaca surah al-Fatihah sebagai pembuka majlis. Kemudian diperluaskan kepada hal ehwal dan urusan kewangan kerajaan dengan memindahkan wang simpanan kerajaan dari institusi perbankan konvensional kepada perbankan Islam.

Artikel ini akan mengupas secara khusus dua agensi kerajaan negeri yang terlibat secara langsung sebagai agensi yang menjadi jambatan keharmonian kaum di Kelantan iaitu Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) dan Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), selaku peneraju pemantapan pendidikan Rabbani di Kelantan; yang menjadi antara agensi penunjang keutuhan tiga dekad pentadbiran kerajaan Kelantan.

PEKA - Tunjang keharmonian kaum

Sejajar dengan keharmonian yang diimpikan, pelbagai inisiatif untuk mengukuhkan perpaduan antara kaum telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Antaranya ialah penubuhan Pusat Integrasi Antara Kaum (PEKA) pada 31 Mac 2017 yang berperanan merangka, merancang dan melaksanakan agenda pembangunan dan kebajikan pelbagai kaum di Kelantan.

Proses penyatupaduan kaum semakin giat diusahakan dengan mewujudkan PEKA di 14 kawasan parlimen di negeri ini. Sekali gus mampu menjamin suasana bebas beragama dan mengamalkan budaya masing-masing di samping membantu dalam wadah penyebaran dasar MMBI secara lebih menyeluruh.

Pada 21 Mei 2021, PEKA benar-benar berfungsi sebagai hubungan dua hala yang melibatkan masyarakat bukan Islam dan kerajaan negeri Kelantan atas dasar kemanusiaan sejagat apabila berjaya mengumpul dana sebanyak RM31,000 sumbangan daripada orang bukan Islam Kelantan kepada rakyat Palestin.



Melangkah masuk ke pejabat Menteri Besar. Keratan akhbar mengenai hari pertama Tok Guru masuk ke pejabat Menteri Besar



Penyerahan dana yang dikumpul oleh PEKA untuk disumbangkan kepada rakyat Palestin

Masyarakat Tionghua di sini digelar Cina Peranakan Kelantan telah berjaya diterjemahkan melalui peranan PEKA sebagai masyarakat yang unik di Malaysia. PEKA aktif menonjolkan aktiviti masyarakat di sini yang mengamalkan cara hidup seperti orang Melayu di Kelantan. Mereka memakai kain batik, suka makan ulam dan budu, fasih bertutur dialek Kelantan (kecek Kelate), pandai menulis jawi dan selesa dipanggil dengan nama Melayu.

Perkara ini diakui oleh Pengerusi PEKA yang juga Pegawai Penerangan Zon di Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN), Lim Guan Seng yang dipanggil Hashim oleh para sahabatnya sejak dari bangku sekolah lagi.

"Kaum Cina di Kelantan lebih fasih dan selesa berbual sesama mereka menggunakan dialek Kelantan. Mereka juga mengamalkan budaya hidup yang sama sebagaimana masyarakat Melayu di Kelantan seperti makan menggunakan tangan, pakai kain pelikat dan makan budu. Bahkan sebilangan mereka dipanggil mengikut nama Melayu seperti Hassan dan Hussin", jelasnya.

Formula perpaduan

Lebih menarik, Timbalan Pengerusi PEKA yang juga Pegawai Khas Menteri Besar Kelantan (Perhubungan Antara Kaum), Lau Chin Chua mengakui kejayaan formula yang diasaskan Tok Guru perlu dicontohi kerana berjaya membentuk masyarakat berbilang kaum yang harmoni.



"Asas perpaduan yang ditanam oleh Tok Guru masih lagi diikuti sehingga kini dan begitu diyakini oleh masyarakat bukan Islam di negeri ini. Walaupun jumlah bukan Islam hanya kira-kira lima peratus berbanding majoriti Melayu 95 peratus, tetapi hak dan kepentingan bukan Islam di Kelantan turut diberi keutamaan", kata mantan guru yang lebih mesra dipanggil Cikgu Lau.

Tidak terkecuali, PEKA juga menyelaras pemahaman kaum minoriti tentang kehebatan Kelantan sebagai model yang wajar dicontohi. Misalnya, dalam menangani masalah pemandu mabuk di luar Kelantan, justifikasi kepada kawalan penjualan minuman keras melalui pendekatan berhema oleh kerajaan Kelantan terbukti mendatangkan impak positif kepada rakyat bukan Islam kerana jarang kedengaran kes melibatkan kemalangan maut berpunca daripada pemandu mabuk di negeri ini.

Sejak 31 tahun, Kelantan membuat peraturan yang ketat berkaitan arak melalui pengawalan penjualannya dengan mengeluarkan lesen-lesen pada had tertentu, premis yang ada lesen sahaja boleh menjual arak dan tidak dibenarkan secara bebas. Hanya premis atau restoran tertentu dibenarkan dan diluluskan penjualan arak.



Lau Chin Chua ketika bergambar bersama Menteri Besar

"Berusahalah untuk mencapai yang lebih baik lagi pada masa akan datang untuk meneruskan keharmonian demi kebaikan generasi masa hadapan", katanya ketika ditemu ramah menerusi slot Fokus anjuran UPKN pada 22 September 2021.

Cikgu Lau juga berpesan kepada semua lapisan kaum di Kelantan supaya sentiasa bersyukur dan bangga dengan apa yang dimiliki sekarang. Beliau yang digelar Rasyid oleh orang kampung, amat berterima kasih kepada pimpinan kerajaan negeri Kelantan kerana sentiasa cakna menjaga hak dan kepentingan kaum di Kelantan tanpa mengira perbezaan agama dan budaya. Beliau juga berpesan kepada pelajar Cina di Malaysia bahawa belajar tulisan khat Jawi tidak menjadikan mereka Muslim.

Ringkasnya, walaupun Kelantan mempunyai kepelbagaian kaum seperti Melayu, Cina, India, Siam dan Orang Asli, rakyatnya mampu hidup secara harmoni dan saling menghormati kesan penubuhan PEKA yang amat signifikan.

Asimilasi budaya

Selain itu, asimilasi masyarakat berketurunan Siam yang berasal dari Thailand dengan masyarakat Melayu Kelantan telah mencipta daya tarikan unik kepada para pelancong untuk melancong ke negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Contohnya, terdapat pelancong berkunjung ke Kelantan semata-mata untuk melihat Patung Buddha Duduk di Wat Machimmaram dan Patung Buddha Tidur di Wat Photivihan di daerah Tumpat, Kelantan yang telah dinobatkan sebagai antara binaan patung Buddha terbesar di Asia Tenggara. Inilah buktinya meskipun minoriti, masyarakat Siam yang kaya dengan tradisi tersendiri ini mampu hidup secara harmonis dengan masyarakat tempatan tanpa sebarang prejudis.

ILDAN – Peneraju Pendidikan Rabbani

Dalam tempoh 32 (1990-2022) tahun usia pentadbiran, sektor pendidikan di Kelantan diuji dengan banyak pengaruh pendidikan alaf baharu dari negara Barat. Sesungguhnya, implementasi konsep UMI (Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan) dalam pentadbiran negeri telah membawa kepada kelahiran Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan (DPRK) yang dibina dan dilaksanakan oleh Institut Latihan Perguruan Kelantan (ILPK).

Impaknya, profesionalisme guru-guru Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan institusi pendidikan lain di Kelantan serta kakitangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) berjaya ditingkatkan.

ILPK diasaskan pada 30 September 2013 merupakan institusi di bawah Exco Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi berperanan sebagai penggerak kepada pemantapan perjalanan prestasi pendidikan di Kelantan. Setelah memainkan peranan yang signifikan kepada pendidikan negeri, akhirnya ILPK telah dinaik taraf kepada ILKAN yang berjaya melahirkan modal insan Pembina Tamadun Ummah yang merangkumi pengurus, pentadbir dan pemimpin melalui beberapa program latihan dan kursus yang diberikan kepada golongan pendidik.



Tambahan pula, DPRK dilancarkan pada 25 Februari 2018 oleh kerajaan negeri Kelantan berjaya merealisasikan pendidikan bercirikan modal insan yang hasanah sebagai kesinambungan kepada cabaran revolusi industri 4.0 (IR 4.0) pada masa kini.

Pelantikan Dr. Azizi Umar sebagai pengarah berkuat kuasa 15 Ogos lalu semakin memantapkan usaha kerajaan dalam memperkasa pendidikan yang menghidupkan fungsi akal, rohani dan agama dalam kerangka pemikiran tasawur Islam untuk melahirkan cendekiawan Islam yang mampu memimpin negara pada suatu masa nanti.



Dr. Azizi Umar
Pengarah ILPK & ILKAN

Dr. Azizi meneruskan kecemerlangan ILKAN dan menjayakan DPRK, sekali gus merealisasikan harapan kerajaan negeri dan seluruh rakyat Kelantan. Antaranya, memantapkan lagi kejayaan terbesar ILPK iaitu DPRK yang mempunyai beberapa matlamat yang ingin dicapai termasuk:

1. Mewujudkan acuan ilmu berdasarkan wahyu sebagai teras pengetahuan.
2. Penyemaian dan pembinaan elemen ketuhanan dalam proses pendidikan.
3. Latihan berterusan untuk peningkatan profesionalisme pendidik.
4. Perkongsian pintar secara sistematik antara institusi pendidikan.
5. Mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif secara teori dan amali.

Jadi, usaha berterusan yang bermatlamatkan keredaan Allah SWT dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan melalui ILKAN ialah pelaksanaan sistem pendidikan yang holistik dan seimbang semata-mata bertujuan untuk membentuk "kemenjadian" insan mulia yang berkemahiran tinggi dan realistik serta menyumbang kepada pembangunan dan pengislahan masyarakat, negara dan ummah.

Hasilnya, generasi Rabbani diharap mampu dilahirkan bagi mendukung dan melaksanakan syariat Islam dalam semua bidang yang diceburi sebagaimana inti ucpatama Exco Pendidikan Kelantan, Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan dalam Dialog Pakar Pendidikan Islam Nusantara anjuran bersama ILKAN dan Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM) pada 15 September lalu.

Menurut Dr. Azizi, program sulung bulanan ILKAN di bawah pengurusannya itu bekerjasama dengan PIMM mengadakan program secara maya. Dalam ucapan perasmian, Mohamed Fadzli turut mengumumkan kesediaan negeri menyediakan platform kepada sekumpulan pakar pendidikan Islam, penyelidik, guru, pengamal pendidikan dan aktivis dalam bidang pendidikan dan pengajian Islam untuk berkongsi ilmu.

"Sekretariatnya diketuai oleh Prof. Dato' Dr. Ab Halim Tamuri dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai Pengerusi Pengasas. Ia bakal memberikan sinar kepada budaya pemindahan ilmu, geran galakan permulaan penyelidikan dan perundingan yang berimpak tinggi sesuai dengan cita-cita negeri untuk menjadikan Kelantan hab pendidikan Islam pada masa akan datang", katanya.

Sesi dialog berlangsung tiga siri sebelum ini menampilkan pakar dari Indonesia, Singapura, Thailand, Brunei, Kemboja, Vietnam dan Filipina. Sesi dialog tersebut diulas oleh seorang pengulas bertaraf profesor sebelum menanggungkan program pada setiap sesi yang disertai oleh pelbagai wakil agensi yang berminat dengan Pendidikan Islam Nusantara.

DIALOG PAKAR
PENDIDIKAN ISLAM NUSANTARA SIRI 2
دIALOGُ فَآكِرٌ قُنْدِيدِيْقِنِ إِسْلَامِ نُونَسَنَارَا

8 SAFAR 1443 HUIRI
15 SEPTEMBER 2021 (RABU)
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
(WAKTU MALAYSIA/SINGAPURA)

ZOOM MEETING bit.ly/dialogpakarsiri2

UCAP PERDANA
YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli bin Dato' Hj. Hassan
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan

PENGUSULAN
Dr. Azizi Umar
Pengerusi Institut Latihan Darul Naim (ILDAN), Kelantan dan Exco Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM)

PENYERAJA
Dr. Haji Athar bin Hj. Ahmed (MALAYSIA)
Pengerusi, Bahagian Profesionalisme Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia

PENYERAJA
Dr. Ganai Abdul Nasir Zakaria (INDONESIA)
Penyeras Kanan, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab, Sultan Hassanudin Bolkan Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam

PENYERAJA
Dr. Masud Ahmed (KEMBOJA)
Penyeras, Pusat Pengajian Tinggi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PENYERAJA
Dr. Muhammad Yusuf Marwan Abdullah (FILIPINA)
Penyeras Kanan, Jabatan Calakwah & Ushuluddin, Fakulti Pendidikan Pengajian Islam, AKUS

PENGUSULAN
Prof. Dato' Dr. Ab Halim Tamuri
Profesor, Fakulti Pendidikan, UKM dan Presiden, Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM)

ANJURAN BERSAMA
INSTITUT LATIHAN DARUL NAIM (ILDAN)
PERSATUAN INTELEKTUAL MUSLIM MALAYSIA (PIMM)

DIALOG PAKAR
PENDIDIKAN ISLAM NUSANTARA SIRI 4
دIALOGُ فَآكِرٌ قُنْدِيدِيْقِنِ إِسْلَامِ نُونَسَنَارَا

11 RABI'UL AKHIR 1443 HIJRI | 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI (WAKTU MALAYSIA / SINGAPURA)
ZOOM MEETING (bit.ly/dialogpakarsiri4)

Ucapan Pembukaan
YB Ustaz Azhar Salleh
Timbalan Pengerusi, Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi Negeri Kelantan

Pembentangan 1
Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam Singapura
Dr. (c) Nola Fibrayani Bte Salman (SINGAPURA)
Jamiyah Education Center (JEC) & Institut Ramlah Dang Abdul Kadir (IRDAK), Singapura

Pembentangan 2
Institusi Pendidikan Guru Ugama di Negara Brunei Darussalam
Dr. Kharhan Jait (BRUNEI)
Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)

Pembentangan 3
Modernisasi Pendidikan Islam dan Masalah Regenerasi Ulama: Pengalaman Al-Jam'iyatul Washliyah
Prof. Dr. Hasan Asari, MA, (INDONESIA)
Professor, Graduate School, Universitas Islam Negeri, Sumatera Utara, Indonesia

Pembentangan 4
Peranan KIAS sebagai Kolej Universiti dalam Memperkasakan Pendidikan Rabbani
Dr. Mohd Ramizu Abdullah (MALAYSIA)
Kolej Universiti Antarabangsa Sultan Ismail Perta (KIAS), Kelantan

Pengulas Dialog Pakar
Prof. Dr. Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengerusi Sesi Dialog Pakar
Prof. Madya Dr. Kamaruzaman Abdul Ghani
Exco, Persatuan Intelektual Muslim Malaysia (PIMM)

Pelancaran Buku Panduan DPRK

Rumusan

Secara prinsipnya, strategi pembangunan menyeluruh di negeri Kelantan telah dilaksanakan oleh dua agensinya iaitu PEKA dan ILKAN secara istiqamah untuk menambah baik dan menyusun program-program khusus berdasarkan peranan dan tanggungjawab masing-masing sejajar dengan dasar MBI yang dibina dan dirancang sejak tahun 1990.

Sungguhpun turut berdepan dengan kesan pandemik COVID-19 yang menggugat politik, ekonomi dan sosial seperti negeri-negeri lain di Malaysia, pemeraksanaan untuk menerapkan nilai perpaduan antara kaum oleh PEKA dan pemeraksanaan sistem Pendidikan Rabbani oleh ILKAN terus giat dilakukan. Diharapkan agar inisiatif yang produktif ini mampu merealisasikan hasrat untuk melahirkan model "ideal state" atau "madinah al-fadhilah" di Kelantan pada suatu masa nanti. **1**



PLATFORM DIGITAL SALURAN BELIA KELANTAN BICARAKAN ISU PEMBANGUNAN KELANTAN

Mukaddimah

Sejarah peradaban Islam yang bermula pada zaman Rasulullah SAW mencatatkan kisah kehebatan orang muda (fityah) seperti Saidina Ali Abi Talib, yang direzekikan Allah SWT menjadi kanak-kanak pertama beriman kepada-Nya ketika berusia sekitar 8 atau 10 tahun (Ibn Kathir, al-Bidayah wa Nihayah).

Pada usia 18 tahun, Usamah bin Ziad pula meneraju bala tentera dalam serangan ke atas kerajaan Rom dan Muhammad al-Fateh membuka Kota Istanbul di Turki ketika berumur 21 tahun. Ini mencerminkan bahawa kecergasan dan kecerdasan anak muda mampu menggerakkan nadi bangsa dalam pembangunan jati diri untuk mendukung al-falah kepada sebuah negara yang aman sejahtera.

Mutakhir ini, kepesatan usaha pemulihan dan perkembangan pembangunan ekonomi, sosial dan politik di Malaysia adalah sejajar dengan pembudayaan norma baharu pasca pandemik yang mengharap jaminan kelangsungan dan kesejahteraan hidup rakyat.

Hal tersebut berteraskan sains dan teknologi maklumat yang perlu kepada pemodenan intelektualiti semua lapisan masyarakat kini terutama sekali golongan anak muda, belia atau generasi Z memandangkan impak peranannya begitu signifikan kepada negara.

Ternyata, mereka sangat selesa menggunakan media sosial sebagai platform untuk berinteraksi dalam semua hal. Justeru, kecerdasan yang dimiliki adalah lebih pantas mencapai tahap matang dunia tanpa sempadan di hujung jari berbanding dengan generasi X.

Anak-anak muda pada era Internet Kebendaan atau Internet of Things (IoT) dan Revolusi Perindustrian 4.0 (4IR) menghayati dan meneladani tokoh-tokoh hebat seusia mereka agar modenisasi yang dikecapi mampu digunakan secara lebih bijaksana sejajar dengan sambutan Hari Belia Negara peringkat negeri Kelantan 2021 bertemakan "Dekad Ini Dekad Anda". Program anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) itu berlangsung secara hibrid (fizikal dan virtual) pada 11 Disember 2021 di Hotel Perdana dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Kelantan (JBS) dan Majlis Belia Negeri Kelantan (MBK).

Menurut Pengarah JBS, Laila Nazura Nawi, statistik tahun 2019 merekodkan 796,800 belia Kelantan berusia antara 15 hingga 40 tahun dan 413 pertubuhan belia berdaftar di bawah Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY). Bermula tahun 2022, kiraan umur bagi belia diubah kepada individu berusia antara 15 tahun hingga 30 tahun sahaja berbeza dengan sebelum ini antara 15 hingga 40 tahun.

Ibrah Ashabul Kahfi kepada Anak Muda Pasca Pandemik di Kelantan

Rujukan yang boleh dijiwai ialah daripada kisah Ashabul Kahfi sebagaimana termaktub di dalam inti pati surah al-Kahfi. Secara istilah, Ashabul Kahfi (penghuni gua) menceritakan bagaimana sekumpulan anak muda telah mengalami "kuarantin" di dalam sebuah gua selama 309 tahun kerana ditidurkan oleh Allah SWT. Apabila mereka terjaga, dunia sudah berubah.

Ibrah kepada situasi ini merujuk senario yang sama secara metafora. Selepas lama terperangkap di rumah kerana kekangan pandemik COVID-19 Malaysia terutamanya Kelantan telah memasuki Fasa Keempat dalam Pelan Pemulihan Negara bermula 03 Januari 2022.

Bagaikan baru terjaga dari "tidur" yang lama, belia Kelantan bangun memulakan hidup dengan norma baharu yang lebih canggih dan berteknologi tinggi. Pada masa yang sama, projek pembangunan pasca pandemik di Kelantan seperti kelolaan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), memerlukan sumbangan idea dan tenaga golongan belia untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan penduduk di negeri ini. Oleh sebab itu, kecerdasan untuk teknologi IR 4.0 yang menggabungkan persekitaran fizikal dan digital adalah satu kemesedian dalam proses evolusi sosial masyarakat kini.

Dalam terjemahan ayat ke-13 surah al-Kahfi, "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) perihal mereka dengan benar; sesungguhnya mereka itu orang-orang muda yang beriman kepada Tuhan mereka, dan kami tambahi mereka dengan hidayah petunjuk", seharusnya membuka minda anak-anak muda untuk berfikir secara lebih kritis.

Berdakwah di media sosial

Apabila berbicara dalam media sosial, hujahnya harus berisi ilmu, pengalaman dan disokong dengan bukti dan contoh yang nyata lagi sahih kerana mereka menulis status atau komen untuk mendapat keredaan Allah SWT dan mencapai darjat keimanan yang tinggi di sisi Allah SWT.

Mereka tidak akan secara semberono melontarkan kecaman atau provokasi yang jelik ke atas sesuatu isu hanya untuk mendapatkan lebih tanda suka atau pengikut dalam kalangan warga maya yang membaca. Secara kritis, anak-anak muda Kelantan yang sering menggunakan platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter seharusnya lebih bijaksana menjadikan medan itu sebagai kertas untuk menyalurkan kandungan penulisan yang menjurus kepada peningkatan martabat peradaban rakyat.

Penggunaan aplikasi TikTok juga popular dalam kalangan belia Kelantan. Buktinya, hampir 40 penyertaan dalam pertandingan TikTok Citra Cinta Rasul sempena sambutan Membangun Bersama Islam (MBI) yang menyenaraikan 15 pemenang yang kreatif menyampaikan dakwah secara ringkas tetapi jelas.

DELANJAWAN 2021

PERSIDANGAN KALI KETIGA PENGGAL YANG KE-3 DEWAN NEGERI KELANTAN KE-14 TAHUN 2020
19, 22 & 23 RABIULAWAL 1442 | 05, 08 & 09 NOVEMBER 2020

Usaha Kerajaan Negeri Bagi Memastikan Rakyat Kelantan Yang Tinggal Di **KAMPUNG BAHAGIA/MAMBONG** MENDAPAT LIPUTAN TELEKOMUNIKASI

Melalui **Program Perkhidmatan Pemberian Sejagat (PPS), MENARA BAHARU AKAN DIBINA** terletak di RPT BAHAGIA yang berhampiran dengan Kampung Bahagia Kuala Krai bagi memperluaskan liputan **JALUR LEBAR MUDAH ALIH DENGAN TEKNOLOGI 4G**

YB DATO' DR. MOHAMED FADZLI BIN DATO' HJ. HASSAN
Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Perguruan Tinggi, Sains dan Inovasi

INTERNET BERKELAJUAN TINGGI DI KELANTAN

- ▶ **20** Pusat Khidmat DUN telah dipasang dengan Unifi berkelajuan tinggi
- ▶ **6** Pusat Khidmat DUN lagi sedang dalam proses pemasangan.
- ▶ Pusat Khidmat DUN selebihnya dijangka akan selesai pemasangan secara **berperingkat** sehingga akhir Jun 2021

JAKWIN

CITRA CINTA RASULULLAH
SEMPELA SAMBUTAN 31 TAHUN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

LIVE

Facebook: Dewan Mualim PAS Negeri Kelantan

31 TAHUN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - 24 Rabiulawal 1443H / 31 OKTOBER 2021

Hal ini selari dengan maksud ayat ke-14 dan ke-15 dalam surah al-Kahfi yang menyarankan kaedah dakwah dikemukakan dengan hujah dan fakta yang sahih, serta tidak menggunakan kekerasan dalam penyampaian risalah.

Memandangkan anak-anak muda mempunyai semangat yang luar biasa dan sentiasa agresif dalam banyak perkara yang dibuat, maka dinasihatkan agar mereka tidak menurut emosi semata-mata. Penyelesaian sesuatu isu akan dapat dicapai sekiranya pandangan dan hujah pihak lain turut didengari dan diraikan sebagai satu input kepada sesi perbincangan yang disertai. Implikasinya, senario melabel musuh secara langsung dan pertelingkahan mampu dielakkan daripada berlaku.

Allah SWT menjelaskan lagi dalam kisah Ashabul Kahfi ini bahawa anak-anak muda yang tidur itu telah diteguhkan hati dan pendirian mereka untuk bangkit dan menyatakan keimanan kepada Allah SWT walaupun perkara itu amat bertentangan dengan kepercayaan kaum mereka.



Jelas di sini, seruan Allah SWT agar belia menggunakan minda kreatif untuk mempertahankan akidah dan keimanan, tanpa mengenal erti putus asa. Terdapat pelbagai kaedah untuk menyumbang kepada pembangunan di negeri Kelantan.

Tidak dinafikan bahawa selepas lebih satu tahun dikuarantin kerana pandemik COVID-19, ramai individu yang terkesan secara negatif akibat kekangan ekonomi dan sosial. Menyedari hakikat tersebut, anak-anak muda yang sudah bersedia untuk hidup dalam norma baharu perlu menggunakan daya kreativiti yang tinggi bagi kelangsungan hidup dan mengakhiri krisis yang melanda.

Hibrid saluran semuka dan maya

Pada tahap ini, mereka sepatutnya sudah bersedia untuk bertindak secara proaktif dalam menggabungkan dunia fizikal dan digital. Contoh ikutan anak muda Kelantan yang berfikir di luar kotak ialah Mohd Azuan Harun, pengusaha ladang ternakan kambing "kayangan" yang jarang diusahakan di Malaysia iaitu baka Red Boer Amerika, termasuk baka Kalahari Red serta Boer Panda dan 10 ekor lembu jenis Limousine dan Charolais.

Perkongsian pengalaman dan keazaman beliau dalam menghadapi pasca pandemik dikongsi melalui laman sosialnya. Beliau berjaya membuka ladang ternakan Kalahari Red Ayamas Pallas di Kampung Lebai Akil, Pasir Mas, Kelantan. Minda kreatif yang dimilikinya telah mendorong cita-cita untuk menjadi pembekal


kambing dan lembu (yang tidak terikat dengan kelaziman penternak kampung) yang boleh menembusi pasaran antarabangsa.

Manakala, keberaniannya menghadapi risiko dengan mengeluarkan modal daripada wang simpanannya sendiri sebanyak RM100,000 untuk membeli empat ekor kambing spesis itu kerana kambing tersebut boleh dijual seawal usia empat bulan pada nilai RM10,000 hingga RM15,000 seekor wajar dicontohi.

Penutup

Pujian sewajarnya diberikan kepada kerajaan negeri atas penganjuran Majlis Dialog Anak Kelantan secara maya pada 30 Julai 2011 yang menyerlahkan kematangan minda anak muda Kelantan untuk menyumbang secara produktif kepada proses pemuliharaan pembangunan masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi di Kelantan akan lebih giat dan maju diusahakan dengan penglibatan golongan yang diistilahkan sebagai fityah (anak muda) dalam surah al-Kahfi tersebut.

Kesimpulannya, ibrah daripada kisah Ashabul Kahfi dijadikan iktibar oleh belia Kelantan pasca pandemik untuk terus berhujah secara berhemah tentang kelestarian kehidupan mereka dalam mendepani cabaran IR 4.0.





DAPATKAN PRODUK KAK ZAIDAH



MANISAN KAK ZAIDAH



READY TO EAT



SAMBAL PETAI BILIS

HUBUNGI 017-685 1943



<https://www.facebook.com/dapuraweofficial>
<http://shopee.com.my/dapurawemart>



PES KARI NASI KANDAR



KUAH ROJAK & TAUHU BAKAR



KICAP MEE



**تمرات
Thamariat
Kurma Bertangkai**



RM7.50 / KAMPIT

**Sedia Menerima
TEMPAHAN**



Sajian • Zakat • Fidyah • Infak

Penggunaan sekatan gantang Baghdad merujuk kepada gantang yang digunakan secara meluas di zaman Rasulullah SAW seteras dengan hadith Baghdad SAW:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرَضَ زَكَاةَ الْفِطْرِ مِنَ زَمَانِ عَلِيٍّ الثَّاسِ صَاعًا مِنْ تَمْرٍ أَوْ صَاعًا مِنْ شَعِيرٍ عَلَى كُلِّ حُرٍّ أَوْ عَبْدٍ ذَكَرَ أَوْ أُنْثَى مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Maksudnya : " Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah iaitu satu gantang tomar atau satu gantang sya'ir pada bulan Ramadan ke atas setiap orang islam, sama ada yang bebas atau hamba lelaki atau perempuan "

RIWAYAT BUKHARI (1043) & MUSLIM (984)



PROMOSI RAMADAN



Dear Sir,
KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD (KPKB)
1000, Bangunan KPKB, Jalan Dapay, 1500 Kota Bharu Kelantan, Malaysia.
Faks: +69-7485787 Email: kpkb@kpkb.gov.my
(LBB 03771)

LUNAK SEBARANG PERTANYAAN

09-747 4353

+60199614716



PEMIMPIN

Oleh: Nik Fauziah Nik Hussin, Nik Baharum Nik Abdullah

DR. IZANI & HILMI

TERAJU KEMANTAPAN STRATEGI PEMBANGUNAN ISLAM JANAAN MPKB-BRI DAN PBT



Bagi yang telah lama tidak mengunjungi Kota Bharu, pasti akan terpegun melihat pembangunan pesat dengan kewujudan beberapa bangunan pencakar langit baharu yang tersergam megah, jejambat berhampiran pusat bandar dan papan tanda iklan elektronik.

Pembangunan infrastruktur begitu rancak dan banyak mercu tanda menarik yang menggambarkan identiti Kota Bharu sebagai bandar raya Islam seperti bangunan berkubah, papan tanda berkalimah zikir serta papan iklan bertulisan jawi menjadi identiti utama yang ditonjolkan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di jajahan seluruh Kelantan.

Tulisan ini akan mengupas idea dan strategi dua teraju pembangunan tersebut di bawah gandingan dua tokoh iaitu Dr. Izani Husin selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan dan timbalannya, Hilmi Abdullah yang ternyata menjadi regu mantap memainkan peranan penting di belakang tabir.

Ikon dan pengiktirafan

Bermula dengan projek menaik taraf Pasar Besar Siti Khadijah, keceriaan warna bangunan pasar tersebut

bukan sahaja menjadi tarikan kepada warga tempatan malah turut menarik minat warga asing. Banyak saluran media sosial memberi reaksi mengenai bangunan tersebut yang disifatkan sebagai sangat menarik dan unik. Bahkan sebahagian besar daripada mereka terkejut apabila mendapat tahu bangunan tersebut adalah sebuah pasar!

Apatah lagi, Pasar Besar Siti Khadijah kini telah mendapat pengiktirafan sebagai Pasar Awam Terbersih pada 12 November lalu, sempena Sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2021. Pasti pengiktirafan dan pembangunan yang dapat dilihat hari ini adalah hasil perancangan serta kewibawaan individu yang berketerampilan sebagai peneraju yang memacu ke arah pembangunan tersebut.

Kempen berfasa

Isu kebersihan bukanlah suatu isu baharu, malah ketika teraju kepimpinan Kelantan yang diketuai oleh Allahyarham Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Tok Guru), beliau memandang berat tentang isu tersebut. Kerajaan negeri di bawah kepimpinan Tok Guru telah melancarkan kempen kebersihan pada tahun 2011. Namun setelah dua tahun kempen

tersebut dilancarkan, tahap kesedaran orang ramai dalam menjaga kebersihan masih rendah.

Sebaik tamat Pilihan Raya Umum 2018, kerajaan negeri dengan inisiatif sekumpulan golongan profesional perubatan dan kesihatan telah melancarkan Gerakan Kempen Kelantanku Bersih. Kempen ini adalah usaha bersepadu daripada kerajaan negeri dan kumpulan NGO bagi mewujudkan negeri yang bersih. Kempen yang dicetuskan oleh Pertubuhan Amal Perubatan Ibn Sina Malaysia (PAPISMA) ini bernaung di bawah kerajaan negeri dan digerakkan di bawah portfolio Dr. Izani dan timbalannya.

Kempen ini turut mendapat sokongan daripada PBT serta seluruh rakyat negeri Kelantan tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik. Kempen Kelantanku Bersih ini dibahagikan kepada tiga fasa (Pendidikan, Penguatkuasaan dan Pemerkasaan) yang mempunyai objektif dan strategi tersendiri bagi memastikan gerak kerja yang lebih tersusun dapat dilaksanakan.

Usaha serius

Usaha yang serius untuk menjadikan Kelantan sebagai negeri yang bersih ini dimulakan secara rasmi menerusi Majlis Pelancaran Kelantanku Bersih dan Gotong-royong Perdana serta Kempen Jupu Sapoh Kutip Jange Tohok Kokse oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Bentara Kanan Ahmad Yakob pada 25 April 2019 di dataran Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu. Dalam majlis tersebut Menteri Besar Kelantan tanpa kekok turut turun padang menyapu sampah di sekitar dataran berkenaan.

Program gotong-royong juga giat dijalankan melibatkan PBT serta orang awam di pasar awam, taman rekreasi dan kawasan pantai perkelahan. Bagi menjayakan agenda Kelantanku Bersih, Kelantan Indah dan Ceria,



tempat-tempat menarik di seluruh kawasan operasi PBT khususnya di Kuala Krai telah dibangunkan semula. Kawasan-kawasan menarik seperti Zoo Kuala Krai, Lata Berangin, Gua Ikan, Gunung Stong, Lata Kertas dan Lata Y yang berupaya menjadi produk tarikan ekopelancongan negeri Kelantan telah diberikan nafas baharu.

Penglibatan pihak GLC

Selain program gotong-royong yang berterusan, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) melalui anak syarikatnya Kelantan Utilities Mubaraakan Holdings Sdn. Bhd (KUM), telah menganjurkan Program Kitar Semula pada 31 Julai 2019. Program yang diperluaskan kepada ahli masyarakat, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta anak-anak syarikat PMBK ini bertujuan mendidik semua pihak agar lebih prihatin dalam menjaga kebersihan persekitaran dan melakukan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian.

Program yang dirasmikan oleh Menteri Besar ini bukan sahaja bukti komitmen kerajaan negeri dalam usaha menjadikan Kelantan negeri bersih, malah ia juga bertujuan menjana pendapatan sampingan masyarakat sama ada ditukar kepada duit, dijadikan biodiesel, sabun, lilin, *playdough* dan pelbagai produk yang bermanfaat.

Perancangan teliti

Dr. Izani memaklumkan keseriusan kerajaan negeri untuk melahirkan negeri Kelantan yang bersih dapat dilihat melalui pelaksanaan program yang telah dirancang teliti sejak tahun 2018 dan kini diperkasakan lagi bagi memastikan pelaksanaan serta keberkesanan secara menyeluruh kepada rakyat negeri Kelantan.

Justeru, tidak hairanlah bandar Jeli telah diiktiraf sebagai antara 10 buah bandar paling bahagia di Malaysia bagi tahun 2019. Menurut PLANMalaysia, penilaian Kajian Indeks Kebahagiaan ini adalah berasaskan beberapa komponen utama iaitu:

1 Tahap kehidupan dan kesihatan.	2 Kebahagiaan bersama keluarga dan saudara-mara.	3 Keseronokan bekerja.
4 Pengurusan kewangan.	5 Hubungan dengan jiran.	6 Aktiviti bersama komuniti.
7 Keselamatan kawasan kediaman.	8 Kemudahan awam dan infrastruktur asas yang disediakan.	9 Perkhidmatan PBT dan pemimpin tempatan.
10 Kualiti alam sekitar.		

Bagi memastikan aspek kebersihan menjadi satu tabiat dalam kalangan rakyat negeri Kelantan khususnya di kawasan tumpuan awam, Kempen Jupio Sampah Kutip telah dilancarkan dan ianya disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin pada 13 Februari 2020 di Pasar Besar Siti Khadijah.

“Kerajaan negeri juga saban tahun meningkatkan peruntukan untuk kebersihan. Pada tahun 2020, kerajaan Kelantan telah menyerahkan 13 buah lori kompaktor dan empat buah lori kepada 12 PBT di seluruh negeri. Jumlah keseluruhan melibatkan kos RM5 juta”, katanya.

Sementara itu, bandar Kuala Krai pula telah dinobatkan sebagai bandar paling bersih di Kelantan bagi kategori PBT sempena sambutan Hari Kelantanku Bersih 2020. Menteri Besar berkata di majlis tersebut, usaha kerajaan negeri tidak akan mencapai matlamat tanpa komitmen pelbagai pihak dan kesedaran rakyat yang menjadi faktor utama dalam menjayakan agenda Kelantanku Bersih. menjadi faktor utama dalam menjayakan agenda Kelantanku Bersih.

Komitmen kerajaan negeri terhadap isu kebersihan tidak terhenti setakat menjadikan Kelantan sebagai negeri yang bersih, bahkan kerajaan negeri berusaha mengharmonikan tiga elemen teras iaitu pertumbuhan ekonomi, pembangunan sosial dan perlindungan alam sekitar.



Projek GERAK

Kerajaan negeri melalui KUM dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) turut menggalakkan PBT untuk menyertai Projek Geran Pemangkin Bandar Rendah Karbon (GERAK) yang telah diumumkan oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato' Sri Tuan Ibrahim Tuan Man sempena Anugerah Bandar Rendah Karbon 2020.

12 buah PBT negeri Kelantan telah menghantar permohonan untuk menyertai Cabaran Low Carbon Cities 2030 (LCC 2030) yang menyaksikan kesemua PBT tersebut telah berjaya menyertainya.

Kejayaan tersebut telah melayakkan PBT menerima peruntukan Geran Gerak berjumlah RM2.8 juta

daripada kerajaan Persekutuan bagi menjalankan projek berimpak tinggi dalam mengurangkan pelepasan karbon melalui projek kitar semula, penternakan black soldier fly menggunakan sisa organik, lampu solar LED, lampu LED, tempat menunggu bas dilengkapi tenaga solar, buggy elektrik untuk orang awam serta menanam pokok hijau di sekitar bandar utama setiap daerah.

Bagi memastikan program ini memenuhi objektifnya, GreenTech Malaysia akan bekerjasama dengan PBT untuk mewujudkan Zon Rendah Karbon di setiap ibu negeri dan kawasan bandar utama di seluruh negara.

Aspek spiritual

Di samping aspek kebersihan luaran, kerajaan negeri tetap mementingkan aspek spiritual rakyat. Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI dan PBT telah menyusun pelbagai program kerohanian bagi kakitangan dan masyarakat.

Sebelum pandemik COVID-19, pelbagai program kerohanian telah rancak berlangsung. Antaranya, pengajian berkitab, kuliah Muslimat dan Qaryah Ramadan. Akibat pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan, banyak aktiviti secara bersemuka terpaksa dibatalkan, namun program kerohanian tetap diteruskan secara dalam talian.

Satu usaha yang tidak kurang pentingnya sewaktu wabak COVID-19 melanda ialah kempen kesedaran bahaya COVID-19, kepentingan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 serta program pemberian bakul makanan kepada fakir miskin dan kakitangan yang dikuarantin akibat COVID-19.

Di bawah pentadbiran kerajaan negeri yang menitikberatkan tarbiah Islam, pelbagai kempen kesedaran tentang amalan Islam telah dilaksanakan. Kempen menutup aurat dan menjaga kebersihan dalam kalangan pelajar sekolah dilangsungkan sebagai satu cara pendidikan peringkat awal agar generasi muda memahami tuntutan ajaran Islam.

Selain sekolah, kempen menutup aurat juga dijalankan di premis tumpuan awam, pasar raya dan pusat riadah. Pemasangan papan tanda peringatan menutup aurat di gelanggang sukan dilihat sebagai suatu bentuk peringatan mesra kepada semua pengunjung.

Di samping itu, terdapat juga edaran risalah mengenai hukum menghisap rokok dan rokok elektronik. Usaha ini dilihat sebagai perkara yang baik kerana ramai yang tidak menyedari bahaya asap rokok sekunder, malah satu pembaziran dan mendatangkan kemudaratan. Justeru, peringatan yang diberikan melalui edaran risalah sebegini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat.

Pendek kata, idea bernas dan strategi Dr. Izani dan Hilmi selaku peneraju portfolio bersesuaian berjaya membangunkan aspek Kota Bharu dan jajahan lain di seluruh Kelantan. 



Pakat Jaga Pata Kito



KISAH TIGA DESA BERSEJARAH

Bagaikan cerita yang merakam jati diri anak tempatan, dirungkaikan dan disusun indah, kemudian tersimpan rapi dalam lipatan sejarah. Demikianlah keindahan bunga dan alam digambarkan melalui tiga lokasi di Kelantan yang berkembang pesat, melakar sejarah baharu dengan pembangunan seimbang dari aspek fizikal dan spiritual. Lokasi yang dimaksudkan ialah Tanjung Mas, Chempaka dan Semerak.



TANJUNG MAS

Tanjung Mas merupakan sebuah pekan di Kota Bharu yang mempunyai penduduk padat dan menyumbang antara bilangan pengundi paling ramai di Kelantan. Disebabkan kedudukannya yang strategik, ia menjadi tumpuan penempatan termasuk kawasan perumahan mewah. Sebahagian penduduk bekerja sebagai kakitangan kerajaan, sektor swasta, berniaga dan bekerja sendiri.

Menurut cerita, nama Tanjung Mas diambil sempena pokok bunga tanjung yang besar dan sentiasa berbunga lebat dan berwarna seakan-akan emas yang tumbuh di tengah-tengah kampung itu.

Antara mercu tanda yang terdapat di sini ialah Kompleks Masjid Raudattus Sakinah. Pembinaan semula Pasar Berek 12 menjadi sebahagian nadi ekonomi penduduk setempat manakala pusat rekreasi Taman Perbandaran Tengku Anis membolehkan warga setempat melakukan aktiviti riadah bersama keluarga. Terdapat juga pusat pengajian agama termasuk pusat pengajian tahfiz dan pondok moden.



Kompleks Masjid Raudattus Sakinah.



Taman Perbandaran Tengku Anis.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Mas, Rohani Ibrahim, untuk memastikan keselesaan rakyat dan membantu mereka yang memerlukan rumah, Kerajaan Kelantan membina perumahan rakyat di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang

terurus dan terancang.

Di samping itu, perumahan kos rendah, ruang perniagaan dan pusat pembangunan wanita turut dibina. Manakala Kompleks Masjid Rethauddin di Wakaf Mek Zainab pula dijadikan pusat aktiviti hentian setempat bagi menjalankan aktiviti serta program kemasyarakatan.

Peka dengan situasi semasa, kempen kesedaran dan cara menghadapi cabaran dari aspek mental dan emosi diutamakan, selain sebaran melalui media sosial seperti Facebook, Instagram serta TikTok, termasuk kempen melalui media cetak seperti poster dan papan tanda.

Penekanan diberikan untuk menjana dan memajukan ekonomi khususnya di luar bandar di samping menguasai ekonomi digital, secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar kemiskinan. Selain mempelbagaikan sumber ekonomi negeri dan mengurangkan kebergantungan kepada sektor tertentu.

SEMERAK

Ia merupakan sebuah daerah dalam jajahan Pasir Puteh, bersempadan dengan Besut, Terengganu, bersebelahan Laut China Selatan. Pekan utamanya ialah Cherang Ruku menjadi laluan utama antara Pasir Puteh dan Bachok, ke Kuala Besut dan kawasan pantai di utara Terengganu.

Suatu ketika, Semerak pernah memiliki sejarah hebat. Kuala Semerak pernah menjadi laluan perdagangan antarabangsa bagi pedagang Vietnam, Thailand dan China. Misalnya, pedagang China membawa garam ke daerah ini, kemudian mereka membawa pulang kelapa kering ke China. Sementara pedagang Thailand membawa tembakau dengan kain menggunakan tongkang.

Terdapat kemudahan infrastruktur lengkap seperti kompleks imigresen, kastam, balai polis dan sebagainya. Sehingga kini masih terdapat kesan peninggalan sejarah antaranya kubu Jepun dan kubur Raja Dagang. Bagi mengekalkan warisan sejarah, usaha membaik pulih warisan sejarah giat dijalankan dan bakal menjadi tarikan baharu pelancong ke daerah ini.

Menurut cerita, nama asal Semerak diberi kerana tempat itu dipenuhi rak atau semak-samun. Versi lain menceritakan, gelarannya diambil sempena nama Tengku Idris ibni Sultan Ahmad iaitu nenda kepada Raja Perempuan Zainab II yang dikenali sebagai Tengku Petra Semerak.

Topografi kawasan ini ialah sawah padi, getah, laut dan berbukit. Pantai Bisikan Bayu dan Tok Bali antara daya tarikan pelancong yang popular di daerah ini selain Bukit Peraksi yang terkenal sebagai tempat melihat anak bulan dan lagenda Puteri Saadong serta Jambatan Tok Bali.



Jambatan Tok Bali.

Menurut ADUN Semerak, Wan Hassan Wan Ibrahim, sebahagian besar penduduk bekerja sebagai petani, nelayan dan pengusaha industri makanan berasaskan ikan serta hasil laut. Bagi kemudahan nelayan, kerajaan menyediakan pelabuhan perikanan dan pusat pendaratan bot nelayan tempatan dan asing.

Jelasnya, "selain pelabuhan darat yang sedang beroperasi dan dalam pembinaan, Terusan Tok Bali antara penyumbang kepada pembangunan ekonomi setempat. Pelbagai kemudahan seperti pangkalan maritim, polis marin dan limbungan kapal disediakan."

Beliau turut membantu usahawan tani memajukan perusahaan dengan memberikan pelbagai bantuan termasuk bantuan kewangan mahupun peralatan bagi meningkatkan pengeluaran hasil pertanian. Kini, beliau dalam usaha memulihkan tanah terbiar seluas 2,000 ekar untuk dimanfaatkan, diusahakan dan dinaik taraf dari aspek saliran dan sumber air.

CHEMPAKA

Kawasan ini terletak dalam jajahan Kota Bharu. Nama Chempaka diambil sempena bunga cempaka yang tumbuh di sekitar kawasan tersebut suatu ketika dahulu, kemudian berkembang menjadi sebuah pekan yang pesat membangun.

Kebanyakan penduduk bekerja sebagai penjawat awam dan swasta, peniaga serta petani. Di daerah ini terletak Pantai Kuala Pak Amat antara saksi sejarah yang merekodkan lokasi pertama pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu.

DUN Chempaka bakal mendapat ikon baharu apabila projek menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024. Ia bakal mengendalikan ketibaan pesawat antarabangsa selain dapat menampung empat juta pelancong setahun di samping meningkatkan imej Kelantan pada peringkat global. Projek ini juga bakal menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Menyedari situasi rakyat yang terdedah kepada masa-



Tugu laman pendaratan Jepun pada tahun 1941.

lah banjir terutama pada musim tengkujuh, ADUN Chempaka, Ustaz Ahmad Fathan Mahmood berusaha mengatasi masalah tersebut dengan menyediakan longkang baharu untuk melancarkan laluan air dan mengurangkan risiko yang lebih teruk.

Selain itu, beliau turut meningkatkan kemudahan infrastruktur sukan termasuk membina gelanggang sepak takraw. Melalui cara ini rakyat boleh menyertai aktiviti riadah untuk mengamalkan cara hidup sihat. Sebagai tanda sokongan, beliau turut menyertai acara "gateh (kayuh) basikal" yang diadakan baru-baru ini.

Malah beliau tidak kekok bersama masyarakat setempat menjalankan kerja gotong-royong, sanitasi masjid dan menikmati kopi bersama rakyat sempena cuti Deepavali, selain menghulurkan bantuan kepada rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Dalam kekangan masa dan kesibukan tugas, beliau tetap prihatin tentang masalah rakyat dengan meluangkan masa menziarahi mereka yang uzur dan meninggal dunia serta menghulurkan sumbangan kepada keluarga mangsa. Sumbangan turut diberikan kepada anak yatim dan pelajar anak-anak B40 yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi.

Kesimpulannya, ketiga-tiga desa bernama bunga mendapat gelaran melalui pelbagai sumber bersejarah. Pembangunannya kini berkembang pesat mengikut kemodenan semasa dalam acuan budaya Kelantan yang tersendiri. Kemajuan fizikal dan spiritualnya selari dengan dasar Membangun Bersama Islam yang mengharapkan keredaan Allah dengan mengekalkan sejarah sebagai guru yang mengajar kematangan kerana dari situlah bermula langkah awal generasi mendatang dapat mengetahui cara melestari kejayaan dalam keberkatan. 



Kerabu Sare

MENU KLASIK YANG EKSOTIK

Kerabu sarang atau sebutan dialek Kelantan ialah "saghe" (sare) ialah hidangan klasik yang eksotik diperbuat daripada empat ramuan utama iaitu rumpai laut segar yang dikeringkan, kelapa sangai (digoreng tanpa minyak), ikan rebus dan tumis.

Rumpai laut terdiri daripada spesies gracilaria atau dikenali sebagai algae merah, spirulina dari kumpulan alga hijau dan algae perang yang berkhasiat tinggi dengan mineral dan vitamin A, C, E, K, Omega 3, folat, zink, natrium, kalsium dan magnesium. Khasiat inilah menjadi inti kisah sejarah penciptaan juadah istimewa tetamu diraja yang sarat falsafah.

Sumber lisan

Bersumberkan cerita lisan zaman berzaman, resipi kerabu sare ialah ciptaan Puteri Urduja kepada tetamu istimewanya, seorang alim dan mahir hukum-hakam yang dikenali dengan panggilan Shamsuddin Batutoh (slinga Kelantanis) dari tanah Arab. Beliau gemar belayar ke serata benua sejak berusia 21 tahun hingga sampai ke Kuala Krai.

Kata nenda, pada mulanya, Shamsudin Batutoh enggan menemui Puteri Urduja yang sedang meraikan majlisnya yang meriah dan hebat kerana beliau ragu dengan keimanan Puteri Urduja. Sedangkan baginda sudah mendapat firasat tentang kemusykilan tamunya itu.

Lalu baginda pun awal-awal lagi meminta laksmananya mencari tumbuhan yang banyak tumbuh di laut dan kawasan pantai berbatu di sekitar negara Tawalisi sebagai menu khas untuk kadi tersebut.

"Kebijaksanaan baginda terserlah apabila sengaja memilih rumpai laut yang mampu melindungi saraf otak daripada nyanyuk, tidak makruh bagi pengamal mazhab Maliki dan tidak perlu disembelih", ujar nenda seraya mengetos setengah kilogram rumpai berwarna hijau gelap tadi yang sudah pun bertukar jernih.

Pesan nenda, sebagai mengingati peristiwa penyediaan resipi ciptaan diraja inilah rumpai tersebut mestilah dicuci sehingga betul-betul bersih berulang kali menggunakan limau nipis atau tepung gandum untuk menghilangkan bau hanyir. Kemudian, direndam semalaman. Semua amalan turun-temurun ini diwarisi oleh anak cucu sebagai ketandaan menghormati amalan puteri Kelantan purba yang bijaksana lagi sangat beradab gerangnya.

"Selepas sejat airnya, barulah boleh jemur rumpai tersebut di bawah cahaya matahari sekitar satu hingga dua jam bagi menjadikan rumpai itu rangup dan tidak berair", jelasnya.

Si dara memerhatikan tekstur rumpai laut ini sangat lembut dan asli yang tidak perlu lagi dimasak kerana bahan mentah asli itu nanti hanya perlu digaul sebati dengan dua bahan lagi (tumis dan sambal kelapa) yang sudah dimasak.

Sambil menghadam perihal falsafah tiga komponen resipi kerabu sare lambang ukhuwah islamiah yang terpatery oleh akidah, syariah dan sahsiah antara ulama dan umara yakni kadi yang warak dari Maghribi dengan pemerintah yang bijak dari kerajaan Tawalisi, bonda mengajak anak daranya menyediakan tumis.

Ketika nenda masih ralit bercerita, si dara pun meramas isi sebiji kelapa yang dikukurnya tadi untuk diambil santannya yang pekat. Sementara bonda pula mengupas lima ulas bawang merah dan tiga ulas bawang putih. Lalu dibasuh pula lapan biji cili kering, tiga batang serai dan seinci halia serta dua keping asam untuk dikisar sehingga lumat.

Setelah lumat, bonda menceduk bahan-bahan yang dikisar tadi ke dalam periuk untuk dimasak di atas api yang perlahan. Kemudian, bonda memasukkan santan yang dikacau sekali-sekala sehingga pecah minyak diikuti gula dan garam secukup rasa.

Ketika bonda mengeneipkan tumis dan bersedia untuk menyediakan sambal kelapa, nenda menyambung ceritanya tentang nakhoda meminta kadi tersebut turut hadir bersama-sama namun beliau enggan. Baginya, puteri bongsu Sultan Abdullah, pemerintah kerajaan Tawalisi itu bukan seakidah dengannya dan dia tidak boleh memakan makanan hidangan mereka.

Apabila semua tetamu memenuhi balai jamuan, puteri yang berfirasat tinggi lagi bijaksana itu mendapat ilham ada seorang lagi yang tidak hadir. Lalu, baginda bertanya kepada nakhoda selaku ketua rombongan, "Adakah sesiapa lagi antara kamu yang tidak hadir?" Nakhoda pun menjawab, "Ya, hanya tinggal seorang lelaki iaitu kadi. Beliau tidak memakan makanan penduduk di sini."

Sebaik sahaja mendengar jawapan nakhoda, Puteri Urduja tersenyum penuh makna dan bertitah, "panggilah kadi itu ke mari! Usah kkuatir tentang makanan, sudah beta persiapkan satu juadah istimewa untuknya tanpa perlu diragui kesuciannya."

Para pengawal puteri pun datang bersama-sama dengan rakan nakhoda kepada kadi yang bermazhab Maliki dan berkata, "penuhilah jemputan tuan puteri."

Sejarah ditulis

Hal ini selari dengan tulisan Sa'ad Shukri (1971) yang menyatakan dalam abad ke-17, Ibnu Batuta seorang pengembara Arab telah singgah di satu tempat yang bernama "Kilukrai" (Kuala Krai di Ulu Kelantan sekarang) dan bertemu dengan seorang raja perempuan yang bernama Urduja. Baginda rupawan yang gagah perkasa dan beragama Islam.

Bahtera pengembara itu berlabuh di pelabuhan Kilukrai dalam pelayaran pulang ke Kota Mekah antara tahun 1345 - 1347 setelah mengunjungi China dan singgah di kawasan Timur Laut Semenanjung dan ditakdirkan



Penyediaan bahan-bahan utama & kuah kerabu sare



Kerabu Sare siap dimasak

Allah bertemu dengan seorang Raja Perempuan yang berkebolehan bertutur dalam bahasa Turki bergelar Puteri Urduja.

Pada hari kedua ketibaan kadi tersebut di Pelabuhan Kilukrai, puteri yang baik hati itu mencemar duli mempersilakan nakhoda selaku pemilik kapal, kerani (jurutulis) dan pembesar-pembesar untuk menghadiri jamuan yang disediakan mengikut adat istiadat Kerajaan Tawalisi menerima tetamu kehormat dari luar negara.

Turut diundang ialah panglima tentera berjalan kaki (tandil) dan panglima kumpulan pemanah bergelar Sabah Salar.

Kemuncak cerita

Nah! di sinilah kemuncak cerita nenda umpama enaknya bahan-bahan untuk pembuatan sambal kelapa yang menambah kelazatan kerabu sare. Nenda mengeluarkan neka (dulang kecil berbunga) berisi kelapa parut lalu disangainya isi sebiji kepala tersebut sampai garing keperangan. Warna putih isi kelapa mempamerkan fitrah kelahiran manusia yang suci bersih. Manakala rona perang umpama tona tanah itu lambang kesamarataan taraf manusia di sisi Allah SWT kecuali atas peningkatan iman yang disimbolikan dengan keharuman yang daripada aroma kelapa sangai itu.

Sambil leka mendengar pengkisahan nenda, bonda pun menceduk kelapa sangai ke dalam lesung dan mulai menumbuknya bersama lima ekor isi ikan selayang yang sudah siap dipanggang bersama enam ulas bawang merah, 15 biji lada hitam, tiga batang serai serta manisan dan garam secukup rasa.

Tibalah masa cucu ditunjuk cara menghidangkan kerabu sare yang eksotik dan penuh simbolik dengan memasukkan sare yang bagaikan suhun kenyal ke dalam pinggan. Lalu, bonda pun menuang sesenduk tumis dan menabur sambal kelapa. Nenda meminta cucunya menggaulkan sare tadi bersama tumis, sambal kelapa dan sedikit air perahan limau nipis. Alternatifnya, saran bonda, boleh juga digantikan dengan cuka atau mangga muda bagi mengimbangi rasa masam untuk melazatkan lagi hidangan.

Maka terkesimalah tamu istimewa diraja dari Maghribi itu melihat juadah yang sangat unik, berkhasiat dan lazat ciptaan Puteri Urduja yang islamik. Kemudian, Puteri Urduja memberikan sare kering yang boleh bertahan selama 15 bulan sebagai bekalan pelayaran sahabat baharunya. Semakin bertambah kagum kadi itu apabila mendapat tahu serat di dalam rumpai laut juga dapat melambatkan proses pengosongan perut dan akan membantunya berasa kenyang lebih lama.

Sejarah baharu dicipta

Selepas berabad lamanya rahsia rumpai laut atau sarang/sare kini disingkap semula khasiatnya apabila Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bertindak proaktif memternak hidupan laut tersebut. Mikro alga yang memiliki khasiat 600 kali ganda berbanding vitamin C itu diternak secara komersial di kawasan seluas 70 hektar di Jeli sejak tahun 2020.

Projek itu membabitkan pensyarah, Profesor Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman dan penuntut Fakulti Bio Kejuruteraan dan Teknologi (FBKT). Pasukannya menempatkan satu inkubator yang akan dipantau perkembangannya dari semasa ke semasa dengan kaedah mudah melalui penyediaan akuarium daripada kanvas atau kolam di belakang rumah untuk memulakan aktiviti ternakan dan tidak memerlukan modal besar. Selain dimakan, mikro alga boleh menghasilkan produk kosmetik, antaranya pencuci wajah untuk wanita dan lelaki, pemutih wajah dan nilai tambah dalam produk campuran herba.

Rujukan:

Sa'ad Shukri Haji Muda, Detik-detik Sejarah Kelantan, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1971.





DESTINASI

Oleh: Dr. Wan Adi Wan Yusoff dan Zanazanzaly

LATA KEDING

PESONA LALANG'S RESORT & SPA MEMUKAU PELANCONG

Lata Keding, Bukit Kudung, di Kampung Gemang dalam jajahan Jeli menyimpan seribu khazanah flora dan fauna yang turut menyembunyikan pelbagai rahsia sejarah yang belum sepenuhnya diketahui orang ramai.

Menurut cerita lisan masyarakat tempatan, Bukit Kudung itu sendiri memiliki kubu yang menjadi tempat persembunyian komunis suatu ketika dahulu. Di sebalik keindahan Bukit Kudung setinggi 448 meter itu juga terdapat batu sempadan dikenali sebagai Batu 73 bersempadan dengan Thailand pada jarak hanya 2.3 kilometer.

Sewajarnya penghargaan diberikan kepada pencetus idea pembangunan pusat rekreasi Lata Keding yang dipelopori oleh usahawan berjaya, Kamaruddin Awang bersama isterinya, Laila Adham atas tindakan proaktif mengilhamkan pembinaan Lalang's Resort & Spa pada awal tahun 2017.

PERANCANGAN AWAL

Kamaruddin yang berasal dari Kota Bharu memberitahu, beliau mengambil inisiatif meneroka kawasan tersebut selepas membeli tanah kebun seluas enam ekar di kawasan itu untuk membina rumah. Namun disebabkan kawasannya sangat menarik, beliau memilih untuk membangunkan pusat rekreasi agar semua orang dapat berkongsi panorama indah di Kelantan yang bagaikan berada di New Zealand!

"Selepas melihat kawasan ini, dengan air terjun yang jernih dan kawasan yang cantik, saya fikir apa salahnya bangunkan untuk tujuan pelancongan," katanya yang kini urusan pengoperasian sepenuhnya dibantu oleh 28 kakitangan yang diketuai oleh Che Fazli Che Mohammed (Cikgu Lee) sebagai Pengurus Operasi.



Pelbagai jenis unit kediaman untuk disewa.



Kemudahan rekreasi sambil menaiki ATV disediakan.



KINCIR ANGIN SETINGGI 30 KHAKI INI MENJADI MERCU TANDA LATA KEDING.

Seterusnya, Kamaruddin memaklumkan impiannya hanya untuk membina sebuah restoran yang unik. Setelah siap dibina, pembukaan restoran itu mendapat sambutan daripada masyarakat setempat. Lalu, hasratnya diperbesarkan menjadi pusat rekreasi pula. Restoran ini telah dirasmikan oleh Speaker Dewan Negeri Kelantan, Dato' Abdullah Ya'kub yang turut disertai oleh wakil penghulu kampung Gemang, Nor Zaha Daud.

"Berebekalkan sedikit keuntungan daripada pengoperasian restoran, perancangan diteruskan dengan membina satu persatu bangunan penginapan. Sehingga kini terdapat 13 buah bilik penginapan dengan pelbagai harga yang berpatutan untuk semua pengunjung", ujarnya.

Pembukaan tempat peranginan tersebut secara tidak langsung turut mempopularkan Lata Keding dan Bukit Kudung sebagai destinasi pelancongan di daerah yang diiktiraf oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai antara Bandar Paling Bahagia 2019 itu.

TAWARAN PAKEJ ISTIMEWA

Pakej Balak antara yang paling murah dengan kapasiti muatan dua orang. Paling istimewa ialah Pakej VVIP Nipah dengan tawaran perkhidmatan dekorasi bertemakan hari istimewa tertentu contohnya bulan madu perkahwinan atau mengikut permintaan pelanggan. Terbaharu ialah Pakej "Back to Nature" menawarkan perkhidmatan sewaan khemah Arabia.

Bagi penggemar aktiviti lasak boleh mencipta pengalaman menunggang ATV di samping memarah atau mendaki Bukit Kudung selama 2 jam 30 minit dengan kadar bayaran yang berpatutan.

Selain itu, pengunjung juga boleh melakukan aktiviti merentas hutan (jungle tracking) selama 15 minit sahaja untuk sampai ke air terjun mini dan seterusnya meneruskan ekspedisi mendaki Bukit Kudung. Aktiviti ini sangat sesuai bagi pengunjung yang gemarkan aktiviti lasak dan mencabar kerana laluan mendaki mempunyai banyak rintangan.

PENGALAMAN BERMAKNA

Ahli Parlimen Jeli, Dato' Sri Mustapa Mohamed yang pada masa itu menyandang jawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, turut mengagumi keindahan Lata Keding. Mustapa mengambil peluang mendaki Bukit Kudung sekitar Oktober 2019 dan mengesahkan tempat tersebut amat sesuai dijadikan kawasan rekreasi terbaharu untuk menarik pelancong datang ke Kelantan terutamanya Jeli.

"Laluan mendaki yang agak mencabar selain keindahan alam semula jadi yang tidak terusik menjadikan tempat ini unik dan sesuai untuk warga kota menghilangkan

tekanan bekerja. Pengalaman pertama mendaki Bukit Kudung memang menyeronokkan dan saya sendiri berterima kasih kepada Kamaruddin kerana mengusahakan kawasan ini dan berharap ia akan menjadi satu lokasi yang mesti dilawati bagi pelancong dari dalam dan luar negara sedikit masa lagi," komen Mustapa seperti laporan Astro Awani pada 6 Oktober 2019.

Sementara itu, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) negeri Kelantan, Mohd Aidil Afizie Daud turut berkata, usaha Kamaruddin itu wajar dipuji kerana mewujudkan satu pusat rekreasi yang menarik. "Saya ada berbincang dengan pemilik tempat ini dan berikan beberapa panduan kepada beliau, Insha-Allah pusat rekreasi ini akan menjadi lebih menarik satu masa nanti," katanya. (<https://www.astroawani.com/gaya-hidup/lata-keding-menjimpan-seribu-khazanah-flora-dan-fauna-2188160>)

SUASANA DAMAI

Perjalanan dari bandar Kota Bharu ke Lata Keding mengambil masa hampir dua jam dengan jarak sekitar 90 kilometer. Sebaik sahaja melalui laluan masuk yang bertentangan dengan Universiti Malaysia Kelantan (kampus Jeli), pengunjung akan dapati laluannya agak sempit yang mampu memuatkan satu kenderaan sahaja. Tambahan pula, suasana kiri dan kanan yang tiada penempatan menjadikan jalan masuk agak sunyi. Namun bagi mereka yang mahukan suasana yang mendamaikan jiwa, inilah tempatnya.

Sepanjang laluan masuk ke Lata Keding, sebatang anak sungai di sebelah kanan mengiringi pemanduan menjadikan suasana segar dan mendamaikan. Sebaik sahaja tiba di Lalang's Resort & Spa, penulis terpegun dengan satu mercu tanda iaitu kincir angin setinggi 30 kaki menyambut kedatangan para pengunjung.

Syabas kepada pengusaha Lalang's Resort & Spa atas inisiatif yang mencetuskan pembangunan kawasan yang dulunya tidak dikenali umum. Kini, destinasi tersebut menjadi antara destinasi percutian popular dan sohor kini kerana panoramanya yang menarik dan amat sesuai bagi aktiviti percutian seisi keluarga.



Keindahan Bukit Kudung boleh dinikmati di sini.



Bersih dan selesa disamping menikmati alam semulajadi.

Sekiranya pengunjung ingin lari dari kesibukan bandar dan tekanan kerja buat seketika, lokasi Lata Keding adalah tempat yang paling sesuai untuk dijadikan lokasi percutian. Di sini juga terdapat kolam mata air berbentuk "love" yang menyambut kedatangan para pengunjung. Khazanah sumber alam dengan air terjunnya yang sejuk dan jernih serta kawasan hutan semula jadi yang memukau panca indera, pengunjung pasti terpesona dan jatuh cinta untuk berulang kali mengunjunginya.

PRASARANA TAMBAHAN

Terdapat banyak kemudahan yang telah dibangunkan oleh pengusaha Lalang's Resort & Spa seperti penginapan, tapak perkhemahan, pondok-pondok untuk menjalankan aktiviti dan bengkel, dewan terbuka, kemudahan tandas yang bersih, laluan merentas hutan, memamah, ATV dan restoran Laila Majnu yang beroperasi dari pukul 9.00 pagi hingga 12.00 tengah malam dengan menu yang menyelerakan. Pengalaman yang paling berharga bagi penulis sepanjang bermalam di sini ialah aktiviti mandi-manda di sepanjang sungai Lata Keding dan menikmati Sotong Telur Masin yang sangat enak.

Lokasi ini sangat kaya dengan hidupan flora dan fauna dan amat berpotensi menjadi kawasan rekreasi yang popular terutamanya bagi pencinta alam semula jadi kerana memiliki hutan yang masih terjaga dan kemudahan tempat peranginannya telah lengkap bagi memenuhi keperluan pengunjung.

Keistimewaan dari segi material yang digunakan ialah material GRM (kayu komposit). Keseluruhan bumbung di kawasan tempat peranginan pula menggunakan sumber daripada atap daun lalang dan daun nipah bagi menerbitkan citra alam sumber semula jadi secara alamiah.

Pendek kata, pembangunan Lata Keding membuka mata penduduk tempatan dan masyarakat luar bahawa di sebalik hutan rimba, Jeli juga mempunyai khazanah alam yang berharga. Sesungguhnya, lokasi ini mampu menarik minat pelancong luar jika dipromosikan dengan terancang oleh kerajaan Kelantan dan Persekutuan. Selain itu, lata ini juga mampu menjana ekonomi penduduk setempat apabila dibuka secara menyeluruh kelak dengan penambahbaikan prasarana yang serba lengkap. ■

ستيشن ميک اوي


STESSEN MEK AWEY

Stesen Makanan Anak Muda

U-Bes
Usah Saja Bolu dan Sakan
Mempunyai Konsep Unik



Stesen Mek Awey Kelaboran
3 Januari 2022



Stesen Mek Awey Tunjong telah
dirasmikan pada 12 Oktober 2021 oleh
Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob
Menteri Besar Kelantan



Stesen Mek Awey Pulai Chondong
15 Disember 2021

Stesen Mek Awey adalah stesen makanan vendor yang telah ada di pasaran, diwujudkan bagi **membantu golongan belia dan beliawanis** menceburi dunia perniagaan, sekaligus **mewujudkan peluang perniagaan** kepada golongan anak muda setempat.

#stesenmekawey
#kioskmeawey




Scan Me





TOKOH

Oleh: Ezani Haji Daud



KARTUNIS

Rassem

BERTARAF ANTARABANGSA

Rosidi Semail (Rossem)



Meneroka dunia seni lukisan (kartun atau komik) untuk menyampaikan cerita sangat mencabar akal kerana mesejnya menguji keupayaan berfikir seseorang untuk mencipta karya dalam bentuk humor. Melukis dan dalam waktu yang sama menampilkan visual berbentuk kartun yang boleh menghiburkan pembaca serta membawa pembaca berfikir ke arah satu topik yang lebih luas dan mendalam adalah satu cabaran hebat.


Kartunis Rossem atau nama sebenar Rosidi Semail atau lebih mesra dengan panggilan Pak Rossem berjaya membuktikan bahawa tidak ada yang mustahil dalam mencapai kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa. Buktinya, pertandingan dan pameran kartun antarabangsa International Cartoon Competition & Exhibition Malaysia 2020 oleh Balai Kartun Rossem (BKR) dengan kerjasama Perbadanan Muzium Negeri Kelantan berlangsung pada 1 Ogos sehingga 30 September 2020 bertempat di Balai Seni Lukis Kelantan, Kota Bharu berjaya dianjurkan.

Menyingkap tabir hidup Pak Rossem yang dilahirkan di Peringat, Kota Bharu, Kelantan pada 3 Ogos 1948, beliau memiliki diploma dalam bidang grafik dan pernah bertugas di bahagian penerbitan agensi kerajaan. Beliau mula melukis kartun sekitar tahun 1968 dan aktif pada tahun 1974 dengan menyertai Penerbitan Toko Buku Asia yang beroperasi di Kota Bharu ketika itu.

Kebetulan, Kelantan berperanan sebagai pusat perkembangan komik di Malaysia dengan 70 peratus komik beredar di pasaran datangnya dari Kelantan yang melahirkan anak muda berbakat dalam bidang lukisan kartun dan komik yang bergerak aktif. Antaranya Yamin Daud, Hussein Saad (Allahyarham), Maarof Awang, Khuzei, D. Yusof (Allahyarham), Kamil Ghazali (Allahyarham) dan Rossem.


MULA BERTAPAK

Bermula tahun 1976, lukisan kartunnya mula menghiasi majalah Bujal terbitan Rizalman, diikuti majalah Gila-Gila pada tahun 1978 selaku penyumbang terawal. Pada tahun yang sama, kartun Rossem disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia melalui watak Konstabel Jabit; watak seorang anggota polis yang sangat popular sehingga bertahan selama 15 tahun. Manakala di akhbar Utusan Melayu (Jawi) pula ia memaparkan kisah Pak Din Pencen. Selain itu, Utusan Zaman turut menyiarkan Kartun Editor pada setiap minggu diikuti telatah Si Akop menerusi Utusan Pelajar serta akhbar Berita Minggu menampilkan kartun Rossem (secara bersiri).



Kartunis Rossem terus mengorak langkah dalam kerjayanya sebagai pelukis kartun dengan bertugas sebagai Kartunis Editorial di akhbar The Sun bermula tahun 1993 hingga 2001. Tugas beliau ialah menyediakan dua kartun untuk disiarkan dalam akhbar berbahasa Inggeris selama sembilan tahun. Beliau menamatkan perkhidmatan dengan akhbar The Sun dan pulang ke kampung sebagai kartunis bebas. Aktiviti melukis kartun diteruskan dengan menyumbang karya ke akhbar Harakah selama hampir sepuluh tahun dan dalam masa yang sama masih menyumbang karya kepada akhbar Mingguan Malaysia melalui watak Mat Prihatin selama lima tahun.

GALERI KARTUN PERTAMA DI MALAYSIA



Bagi mengekalkan kesinambungan berkarya, Rossem telah mewujudkan sebuah galeri Balai Kartun Rossem (BKR) pada tahun 2014 di Jalan Peringat, Kota Bharu yang menempatkan pelbagai pameran kartun dan komik baharu mahupun lama termasuklah komik-komik sebelum merdeka dan yang dihasilkan pada tahun 1960-an.

Ramai pelajar universiti datang membuat kajian bagi melengkapkan pembelajaran dan tesis masing-masing berkaitan kartun dan komik Melayu, tidak terkecuali



Perasmian Balai Kartun Rossem.

mereka yang melengkapkan pengajian PhD. BKR dipilih sebagai Lab Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta rakan strategik Perbadanan Muzium Negeri Kelantan (PMNK).

Pada 21 April 2014, BKR telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Mohd Amar Abdullah melalui Exco Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan, Dato' Mejar (B) Md Anizam Ab Rahman. Atas bantuan dan sokongan daripada pihak kerajaan negeri, BKR dapat terus bernafas hingga ke hari ini serta menjadi salah satu lokasi tumpuan utama para peminat kartun dan komik dari dalam dan luar negara.

Imej negeri Kelantan menyerlah melalui BKR selaku galeri kartun pertama di Malaysia. Datuk Mohd Nor Khalid atau lebih dikenali sebagai Lat turut mengakui tentang keunggulan BKR dalam kalangan pelukis kartun dan komik di negara ini semasa hadir di majlis perasmian. BKR dibuka kepada orang ramai secara percuma setiap hari kecuali Jumaat sebagai khidmat kepada peminat kartun dan komik.

PAMERAN DAN PERTANDINGAN

Menyingkap penglibatan Rossem sepanjang berkarya dalam dunia lukisan kartun dan komik merangkumi dalam negeri dan pada peringkat dunia, pameran kartun antarabangsa anjuran Pusat Kebudayaan Jepun pada tahun 2000 adalah penyertaan peringkat antarabangsa pertama oleh Rossem. Disusuli di Bangkok, Jakarta, Kuala Lumpur, Singapura, Manila dan Tokyo.

Selain menyertai pameran dan pertandingan, Rossem melalui BKR telah berjaya menganjurkan empat pertandingan dan pameran kartun antarabangsa bermula tahun 2017. Antaranya ialah Pameran Karikatur Peringkat Asia dengan tema "Wajah di Sekitar Kita" dengan disertai negara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Filipina. Pameran tersebut berlangsung pada 1 Mac hingga 1 Jun 2017 di Balai Seni Lukis Kelantan (BSLK) dengan penyertaan 80 karya diperagakan untuk tontonan umum.

Manakala pameran kartun antarabangsa kali kedua



Pertandingan & Pameran Kartun Antarabangsa Malaysia 2020.

anjuran BKR ialah pada 20 Januari hingga 19 Mac 2019 bertemakan "Keamanan Sejagat" dengan penyertaan seramai 160 kartunis dari 35 buah negara yang mengambil bahagian. Perasmian pameran telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Ekonomi (pada Ketika itu) Dr. Radzi Jidin dengan dihadiri oleh Datuk Lat serta ramai kartunis dari Kuala Lumpur.

Pameran sebegini telah dijadikan sebagai acara tahunan dan dianjurkan buat kali ketiga oleh BKR melalui Pertandingan dan Pameran Kartun Antarabangsa 2020 dengan tema "Selamatkan warisan kita" dengan kerjasama kerajaan negeri Kelantan dan PMNK. Sambutan peserta dari negara luar amat memberangsangkan berbanding sebelumnya. Sejumlah 400 karya telah diterima daripada 188 kartunis dari 44 buah negara seluruh dunia. Penyertaan paling ramai ialah dari negara China iaitu 38 kartunis, manakala yang lain terdiri dari Indonesia dengan 33 kartunis, diikuti Iran 19 kartunis, Turki 17 kartunis dan Ukraine 15 kartunis.

Keputusan tempat pertama pertandingan dimenangi oleh Jitet Kustana dari Indonesia, manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Liang Weichi dari China dan Makhmudjon Eshongulov dari Uzbekistan.

Meskipun negara dan seluruh dunia masih dilanda pandemik COVID-19 pada tahun 2021, namun acara pameran tahunan dapat diteruskan dengan pematuan Posedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. BKR berjaya mengadakan kerjasama dengan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Kuala Lumpur untuk menganjurkan pertandingan bertemakan Ke Arah Jalan Raya Yang Selamat. Sejumlah 346 peserta dari 51 buah negara telah mengambil bahagian dengan kejayaan mengumpul 800 karya untuk dinilai dan diangkat sebagai pemenang oleh para juri.

Kartunis Seyran Caferi dari Azerbaijan telah dipilih sebagai pemenang pertama diikuti Saman Ahmadi dari Iran di tempat kedua dan Izabela Kowalska Wiczorek dari Poland menduduki tempat ketiga. Empat orang kartunis dipilih sebagai juri pertandingan terdiri daripada Yusof Ghani (Malaysia-MIROS), Fawzy Morsy

dari Mesir, Massoud Shajai Tabatabai dari Iran, Prof. Madya Ahmad Tarmizi Azizan dan Rossem dari Malaysia.

BKR yang diterajui Rossem berjaya diangkat sebagai penganjur pertandingan kartun antarabangsa pertama di Malaysia. Sekali gus, Rossem diberi penghormatan oleh persatuan kartunis antarabangsa dan negara-negara tertentu menjadi sebagai salah seorang juri setiap kali diadakan pertandingan pada peringkat dunia.



Antara pertandingan peringkat antarabangsa dan Rossem menjadi salah seorang ahli juri ialah The First International Contest Writers Cartoon 2020 di Syria, The Memory Caricature Project Cartoon Contest 2021 di Egypt, International Cartoon Exhibition & Contest – Save Our Herittage, Malaysia 2020, Malaysia Comic Contest 2020 di DBPKL, Palestine Is Not Alone - Cartoon, Caricature and

Poster International Contest 2021 di Iran, International Cartoon Competition & Exhibition On Road Safety Malaysia 2021, 2nd International Virtual Digital Art Exhibition ASEDAS 2021 di Malaysia, Palestine International Art Competition 2021 di Malaysia dan 4th Edition Of The International Festival Of Cartoon In Africa 2021 di Morocco. Buku-buku katalog juga dicetak untuk setiap pameran sebagai bahan koleksi dan dokumentasi persatuan.

ANUGERAH DAN PENERBITAN DIGITAL



Beberapa anugerah pernah dimenangnya seperti Kartunis Pengguna Terbaik (1995), Kartunis Terbaik Malaysia (2001) dan Tokoh Kartunis Malaysia (2017). Salah satu usaha Rossem untuk rakan kartunis pada peringkat antarabangsa ialah dengan menerbitkan majalah bulanan format Pdf berjudul Rossem Cartoon House dengan memuatkan karya rakan kartunis luar negara yang dimuatkan dalam laman sesawang rakan-rakan luar negara untuk bacaan umum. Sumbangan yang tidak kurang hebat ialah karya Rossem telah dipilih dan dimuatkan dalam majalah serta akhbar Turki di samping televisyen Mesir dengan tema tertentu.

Sewaktu diminta mengulas tentang pameran kartun antarabangsa yang berjaya dianjurkan oleh BKR, Haji Md Anizam Abdul Rahman melahirkan rasa syukur dan bangga dengan kewujudan BKR kerana ianya boleh dianggap sebagai pemangkin kepada pelukis-pelukis kartun di negeri dan negara ini. "Impaknya amat besar kepada para peminat seni budaya termasuk lukisan kartun yang berada di Kelantan kerana satu-satunya balai kartun yang ada di Malaysia ini terdapat di negeri Kelantan. Kita merasa bertuah kerana sentiasa mengadakan seminar dan pameran kartunis-kartunis sehingga negara-negara seperti Indonesia, Jepun serta negara di Asia turut menyertai pameran di BKR. Peminat-peminat kartun serta pelukis-pelukis kartun terkenal di seluruh tanah air dan di nusantara ini mengenali Rossem."

Tambahnya lagi, lukisan kartun merupakan satu bidang yang boleh dibuat animasi kartun dan ianya sangat bermanfaat serta berfaedah kepada masyarakat khususnya kepada penduduk Kelantan. Pada masa yang sama dapat mewujudkan produk pelancongan sebagai salah satu tempat lawatan ke BKR ini. Sehubungan dengan itu, pelbagai pameran juga telah diadakan di Balai Seni Lukis serta BKR. Impaknya sangat positif kepada industri pelancongan negeri Kelantan.

KESIMPULAN

Kelantan berbangga dengan kartunisnya iaitu Rossem yang mengangkat martabat kartun sebagai medium pergerakan utama untuk membangkitkan sesuatu isu. Justeru itu, karya kartun harus dihormati dengan mengadakan pertandingan atau pameran kartun setiap minggu di seluruh dunia. Ada sebahagian besar negara luar yang menjadikannya sebagai acara tahunan melalui festival kartun antarabangsa dengan memasukkannya ke dalam kalender tahunan serta dibiayai kerajaan.

Pesan Rossem kepada rakan kartunis dan generasi hari ini mahupun akan datang supaya terus mengikuti karya kartun tempatan dan antarabangsa kerana kita harus belajar dan mencontohi bagaimana para kartunis mengolah serta mengeluarkan pendapat tentang isu-isu sejagat seperti alam sekitar, peperangan, kelaparan, keselamatan jalan raya, pendidikan dan sebagainya berdasarkan sudut pandang masing-masing.

Hakikatnya, apa yang berlaku di negara lain juga berlaku di negara kita dalam konteks yang berbeza namun tetap perkongsian pemikiran sejagat. Masyarakat harus bersatu menentang kejelekan dan kerakusan nafsu demi mencapai sebuah kedamaian abadi. 🇲🇾



KELANTAN LUBUK MINERAL BERHARGA



Sejarah mencatatkan aktiviti perlombongan di Kelantan telah pun berlaku sebelum tahun 1900. Graham, Walter Armstrong dalam bukunya, Kelantan; a state of the Malay Peninsula (1908), menyatakan bahawa Kelantan terkenal sebagai sebuah negeri yang kaya dengan hasil bumi. Malah, dikatakan suatu ketika hasil buminya terutamanya bijih timah dan emas setara nilai penghasilannya dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

Selain emas dan bijih timah, terdapat juga galena (sejenis mineral yang mempunyai kandungan plumbum yang tinggi), besi pirit (ferum sulfide) dan juga sulfur dari kolam air panas yang begitu banyak dan mempunyai nilai perubatan yang tinggi.

Menurut kajian bertajuk Inventori Sumber Warisan Geologi dan Landskap Negeri Kelantan oleh Tanot Unjah et al (2001), bumi Kelantan kaya dengan kepelbagaian mineral perindustrian seperti pasir, pasir silika, tanah liat dan bahan agregat. Selain itu, longgokan mineral seperti besi, barit, mangan dan emas juga memenuhi perut bumi Kelantan.

Hal ini turut diakui oleh Pengurus Besar Kelstone Sdn. Bhd., P. Geol Phakhrudin Abdullah@Kadir. Menurutnya, Kelantan mempunyai potensi mineral yang banyak untuk diteroka; baik yang berbentuk logam seperti emas, perak, mangan, zink plumbum dan yang baru dijumpai logam nadir bumi bukan radioaktif, ataupun

mineral bukan logam seperti feldspar, marmar, barit, batu kapur dan batu silika.

Berdasarkan laporan tahunan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) bagi tahun 2017, pihak JMG telah melaksanakan penilaian sumber mineral berlogam di beberapa lokasi terpilih. Hasil penilaian yang dilakukan mendapati bahawa di kawasan Teleming, Gua Musang (26 km persegi) mempunyai komoditi emas.

Menurut laporan tersebut, "potensi pemineralan berada di permatang filit teralterasi oleh pensilikaan yang berarah utara-selatan. Kawasan beranomali ini terletak di zon sentuhan batuan filit - riolitik tuf yang telah mengalami sesar dan dipotong oleh korok kuarza bersaiz 30m lebar dan 2km panjang."

Bagi mineral perindustrian pula, kawasan Sungai Berok, Gua Musang mempunyai batuan silika massif yang meliputi keluasan 18 km persegi dengan anggaran rizab melebihi 100 juta meter padu (270 juta tan metrik). Hasil penilaian mendapati kandungan silikon dioksida adalah antara 94.3 hingga 97.6 peratus.

Kepelbagaian potensi perlombongan yang luas di Kelantan serta sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat perlombongan yang telah bertapak di Kelantan, boleh memberikan gambaran positif kepada pelabur baharu untuk melabur dalam sektor perlombongan di Kelantan.



Perlombongan Emas di Sokor Tanah Merah

Sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, emas bukanlah mineral yang baharu di bumi Kelantan. Industri perlombongan emas telah bermula lebih 100 tahun yang lalu. Menurut Pengurus Operasi PMBK Az-Zahab Sdn. Bhd., Azhar Saud, kedudukan Kelantan dalam Jalur Tengah atau Central Gold Belt yang terbentang dari Selatan Thailand menganjur ke Raub hingga ke Gunung Ledang di Johor, menjadikannya tumpuan pelombong seawal tahun 1906 lagi.

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menubuhkan Kelstone Sdn. Bhd. (KSB) pada tahun 1996 untuk membangunkan industri berasaskan mineral di Kelantan khususnya emas dan beberapa mineral yang mempunyai nilai ekonomik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKINK, Ab. Aziz Yunus, pihak Perbadanan memberikan penekanan kepada perlombongan emas. Bagi melaksanakan hasrat tersebut, dua buah syarikat telah diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti perlombongan iaitu CNMN Mining Group Sdn. Bhd. (CNMC), manakala sebuah lagi syarikat masih pada peringkat permulaan fasa operasi. Lokasi utama yang menjadi tumpuan ialah di Sokor, Tanah Merah.

Sementara itu, terdapat tiga lagi kawasan yang masih pada peringkat pembangunan dan cari gali. Ia bertujuan untuk menilai sama ada kawasan tersebut bernilai ekonomik untuk dibangunkan sebagai lombong emas atau sebaliknya.

Eksplorasi CNMC di Mukim Sokor bermula semenjak tahun 2006 di kawasan seluas 1950 ekar yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri. Hasil usaha sama dengan KSB, pengeluaran jongsong emas mula dilakukan pada tahun 2010.

Kaedah pengeluaran emas ketika itu adalah secara "hard rock" iaitu dengan menggali batuan keras untuk mendapatkan emas. Pengeluaran emas yang disifatkan

pada peringkat percubaan itu belum lagi mencapai kapasiti penuh. Bagaimanapun, menurut CNMC bermula 2010 sehingga Disember 2017, penghasilan jongsong emas syarikat tersebut telah meningkat sehingga 3 tan metrik.

Menurut Haji Ab Aziz lagi, pengeluaran emas di Sokor kini menggunakan teknologi dari China. Terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu: kaedah kolam larut resap dan kaedah karbon di dalam larutan resapan (Carbon in Leach). Tambahnya, kedua-dua kaedah tersebut mematuhi prosedur pematuhan alam sekitar yang ketat.

Perlombongan emas telah menyaksikan jumlah royalti dan penghormatan (tribute) yang dibayar oleh syarikat-syarikat perlombongan dalam angka yang agak signifikan. Malah, CNMC melaporkan mengeluarkan CSR lebih daripada RM1 juta setahun.

Berikutan wabak COVID-19 yang melanda negara, CNMC dalam Laporan Tahunan 2020 memberitahu penghasilan emas bagi tahun kewangan 2020 mencatatkan penurunan hasil emas tulen iaitu 13,046.30 auns berbanding tahun sebelumnya yang mencatat angka 28136.79 auns. Selain wabak COVID-19, penurunan tersebut juga disebabkan lesen eksplorasi dan perlombongan bagi tahun 2020 meliputi keluasan 7.2 km sahaja berbanding 38.4 km pada tahun 2019.

Perlombongan emas di Sokor telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih kurang 250 pekerja tempatan atau 85 peratus dan diharapkan angka tersebut akan terus meningkat di masa hadapan.

Feldspar di Gua Musang

Feldspar ialah kumpulan mineral pembentuk batuan tektosilikat yang paling utama membentuk 60 peratus daripada kerak bumi. Feldspar menghablur daripada magma sebagai telorag dalam batuan igneus terobosan dan rejahan. Penerobosan ini boleh berlaku dalam batuan yang telah mengalami metamorfisma. Mineral feldspar selalunya berwarna putih atau cerah.





Feldspar digunakan sebagai agen pelakuran dalam pembuatan seramik, peralatan sanitari, peralatan meja, pengilat, pembuatan kaca dan sebagai bahan pengisi dalam pembuatan cat, plaster dan penebat.

Menurut portal rasmi JMG, Kelantan mempunyai rizab bahan mineral perindustrian feldspar yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak 6.7 bilion tan metrik dan bernilai RM101 juta (tahun 2015).

Berdasarkan Laporan Ekonomi Negeri Kelantan bagi tahun 2016/2017, jumlah pengeluaran feldspar bagi tahun 2017 adalah sebanyak 241,793.83 tan metrik dan daripada jumlah pengeluaran tersebut, kerajaan negeri memperoleh bayaran royalti berjumlah RM725,380.

Lokasi permineralan feldspar di Gua Musang ialah Bukit Gong, Sungai Semor, Tanah Putih, Kampung Sungai Tupai, Pulai, Ulu Sungai Merapo, Ulu Sungai Keneras, Kuala Tuang, Utara Padang Malir dan Padang Malim. Walau bagaimanapun, pengeluaran sekarang adalah dari Tanah Putih sahaja.

Pada peringkat awal, perlombongan feldspar dijalankan secara usaha sama oleh pihak KSB dengan syarikat swasta di Mukim Pulai di kawasan seluas 15.496 hektar. Perlombongan feldspar secara komersial telah dijalankan di Tanah Putih pada tahun 2009 dengan pengeluaran sebanyak 107,211.90 tan metrik sehingga tahun 2011 dan nilai pengeluaran sehingga Mei 2012 adalah sebanyak RM8 juta.

Batu marmar di Bukit Batu Bong, Mukim Ulu Nenghiri

Ternyata bumi Gua Musang banyak menyimpan khazanah berharga dan bernilai komersial seperti di Bukit Batu Bong di Mukim Ulu Nenghiri, Gua Musang yang mengandungi batu marmar terbaik di Malaysia. Usaha pembangunan awal kuari marmar di lokasi tersebut bermula pada bulan Mei tahun 2010 oleh CEP Resources Entity Sdn. Bhd. dengan usahasama KSB. Kerja-kerja pengkuarian dimulakan pada bulan Januari 2011 di kawasan seluas 65 ekar setelah mendapat kelulusan Pejabat Tanah dan Galian Kelantan.

Blok-blok mentah marmar yang dihasilkan berukuran 1.5 meter lebar, 3 meter panjang dan 1.5 meter tinggi, menjangkau berat sehingga 18 tan metrik setiap blok. Bagi marmar yang bersaiz 1 kaki persegi dan siap digilap boleh mencapai harga RM20 sekeping, manakala jualan blok mentah secara pukal bagi gred yang bermutu premium melebihi RM5000 sebongkah.

Menggunakan teknologi dari negara China, pada peringkat awal operasi, seramai 30 tenaga pekerja mahir dibawa masuk dari negara tersebut dengan dibantu 13 pekerja tempatan yang mahir mengendalikannya jentera untuk menggerudi batu marmar di puncak bukit.

Sehingga kini, pengkuarian batu marmar ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan, malah pelbagai produk hiliran juga dapat

dihasilkan dan seterusnya menjana pendapatan negeri. Antaranya, penghasilan kalsium karbonat yang boleh digunakan dalam industri farmasi dan solekan, pembuatan cat, ubat gigi serta produk lain. Blok-blok mentah marmar yang telah dipotong ini dieksport ke China dan juga memenuhi permintaan dalam negara.

Barit di Kuala Krai

Barit ialah mineral barium sulfat; selalunya berwarna putih atau jernih yang boleh didapati di Sungai Pedas, Lalah, Kuala Krai seluas 100 ekar. Barit selalunya didapati dalam telerang zink-plumbum di dalam batu kapur, mata air panas dan bersama-sama bijih hematit. Barit berketumpatan bandingan yang tinggi iaitu 4.5.

Ia berfungsi sebagai agen pemberat untuk menggerudi cecair dalam penerokaan minyak dan gas. Biarpun lazimnya berwarna putih atau jernih, ia boleh bertukar warna menjadi hitam, biru, coklat atau kelabu bergantung kepada jasad bijih dalam penggerudian petroleum. Bagaimanapun, buat masa ini pihak KSB tidak berhajat mengeluarkannya kerana tidak ekonomik.

Kesimpulan

Berdasarkan potensi mineral yang banyak dan ada yang masih pada peringkat cari gali seperti perlombongan mangan, Phakhrudin berpendapat, keperluan seperti pelabuhan adalah sesuatu yang mendesak di Kelantan sekarang ini. Pembinaan jeti di Tok Bali adalah sesuatu yang akan merancakkan lagi pertumbuhan sektor perlombongan di negeri ini.

Bagi pihak PKINK pula, tindakan yang perlu dilakukan sekarang ialah memperkemaskan operasi perlombongan syarikat perlombongan sedia ada, manakala untuk

perancangan jangka panjang, kerajaan negeri berhasrat ingin mewujudkan satu Bazar Emas di Kelantan.

Selain itu, PKINK juga berusaha untuk membangunkan industri hiliran termasuk batu dimensi sebagai produk hiliran berasaskan marmar dan granit. Bagi menarik pelaburan pula, inisiatif berterusan diambil bersama pihak berkuasa negeri seperti Unit Perancang Ekonomi Negeri, selain bekerjasama dengan agensi-agensi Pusat yang berkaitan pelaburan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia atau Malaysia External Trade Development Corporation (MA-TRADE), Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region) atau ECER dan sebagainya.

Semua usaha yang dilaksanakan ini bertujuan meningkatkan pendapatan kerajaan negeri dan akhirnya manfaat tersebut akan dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Kelantan. 

Rujukan:

1. Graham W. A, Kelantan: A State of The Malay Peninsula, Glasgow: J. Macle hose and Sons, 1907 Hlm 101-106
2. Warta Geologi (Newsletter of the Geological Society of Malaysia), Vol. 27, No. 3, May-June 2001 Hlm 281-283.
3. Laporan Tahunan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia 2017. Hlm 38, 44
4. Laporan Tahunan 2020 CNMC Hlm 12
5. Laporan Ekonomi Negeri Kelantan 2016/2017 Hlm 38
6. Berita PKINK bil 2 April-Jun 2012
7. IKTISAD bil 1 2014
8. Menyingkap kepelbagaian Geologi Malaysia; Batuan, Mineral dan Fosil (JMG) Hlm 108, 110



Perlombongan Barit



KELANTAN SANA SINI

Oleh: Ade Irma Suryani, Che Leh



VARIASI MI CELUP TELUR GEDIK



PEMBUKA SELERA SEISI KELUARGA

Mi celup antara menu yang mesti dicuba apabila berkunjung ke Kelantan. Menu tersebut dikatakan berasal dari Thailand namun kini tidak asing lagi bagi penggemar mi berkuah sup. Ia dihidangkan dengan pelbagai variasi lauk; daging, ayam, organ dalaman lembu, kaki ayam, "keropeh" (aneka organ ayam kecuali isi pejal), sotong, udang, tulang lembu dan pelbagai lagi mengikut kreativiti pemilik restoran.

Tambahan telur gedik (orang Kelantan membacanya bersabdu pada huruf "g" dengan sebutan ggedik) atau telur separuh masak yang bergoyang-goyang bagai melengkapkan kombinasi lauk dan membangkitkan kelainan rasa, kala dinikmati bersama mi kuning, mi segera, mihun atau kuetiau sewaktu masih panas.

Edisi kali ini menampilkan mi celup telur gedik di empat lokasi yang sering mencuri tumpuan pelanggan dengan sambutan yang luar biasa.



Mi Celup Abe Lie, Tanah Merah

Kedai yang beroperasi enam hari seminggu (hanya ditutup pada hari Jumaat) ini, terletak di Kampung Banggol Kemunting, Tanah Merah. Kedai makanan yang diusahakan pasangan suami, isteri iaitu Razali Zakaria atau dikenali sebagai Abe Lie, 52, bersama Zaiton Mamat, 53, sejak lebih dua dekad masih bertahan sehingga kini.

Bercerita tentang penglibatannya dalam perniagaan mi celup ini, beliau berkata; "isteri saya belajar membuat mi celup daripada seorang tukang masak dari Thailand yang tidak lokek berkongsi resipi sebelum memulakan bisnes. Kami gunakan resipi asal. Sup dengan ramuan istimewa direneh tanpa sebarang ubah suai. Rasanya tetap sama. Alhamdulillah sambutan yang diterima amat menggalakkan sehingga kami tidak menang tangan", katanya.

Beliau menjelaskan, ketika itu harga semangkuk hanya seringggit. Lauknya, daging dan sayur. Mi celup istimewa berharga RM1.50 dengan mangkuk lebih besar, berlauk sotong, daging dan sayur.

Ujarnya, sesuai dengan perkembangan semasa, lauk dipelbagaikan tetapi resipi sup masih sama. Harga semangkuk ialah RM5 berlaukkan daging dan bebola ikan. Mangkuk besar berharga RM6.00 berlauk sotong, daging dan telur gedik atau telur separuh masak.

"Hanya tambahan seringggit, pelanggan boleh menambah lauk pilihan mereka. Bagi yang mahukan lebih kepuasan, boleh memilih lauk lebih dengan bayaran RM8.00. Paling mendapat sambutan ialah mi segera telur ggedik", ujar pemilik kedai yang beroperasi seawal 10.30 pagi hingga 7.00 petang dan sentiasa dipenuhi pelanggan sehingga mampu menjual sekitar 600 mangkuk sehari.



Biarpun menghadapi persaingan, namun sedikit pun tidak menjejaskan perniagaannya kerana mempunyai peminat sendiri. Setiap hari beliau memerlukan 16 kilogram daging dan lapan kilogram sotong. Razali bersyukur kerana dua daripada tiga orang anaknya menunjukkan minat untuk meneruskan legasi keluarga.



Aus Mi Celup, Tunjong

Menu istimewa air tangan anak muda, Mohd Shaufiq Firdaus Abdul Razak (dikenali sebagai Aus), iaitu mi celup telur goyang atau telur gedik mengundang selera pelanggan sejak enam tahun lalu.

Kedai yang terletak di tepi jalan utama Batu 4, Jalan Kuala Krai, Tunjong ini baru sahaja beroperasi pada Ogos 2021, bermula pukul 12.30 tengah hari hingga 9.30 malam, dibuka dari Sabtu hingga Khamis.

Sebelum ini, kedai Aus bertapak di Kampung Paya Bemban dibuka dari pukul 12.30 tengah hari hingga 6.30 petang. Bagaimanapun premis itu terpaksa ditutup buat sementara waktu, kerana kesukaran mendapatkan pekerja dan beroperasi kembali pada Januari 2022.

Pelanggan boleh memilih pelbagai variasi mi, seperti mi kuning, mihun, kuetiau, mi segera Siam dan tempatan. Manakala lauk-pauk pula terdapat sajian berasaskan ayam, daging, perut, bebola daging, telur dan ikan bilis. Turut ditawarkan pakej istimewa yang pastinya lebih menyelerakan dengan harga berpatutan iaitu Pakej A (mi celup berlauk ayam, daging dan telur gedik) dan Pakej B (mi celup berlauk ayam, daging, telur gedik dan perut lembu).

Menurut Firdaus, untuk menghasilkan telur gedik, perlu ada cara tersendiri bagi memastikan ianya menjadi. Kaedahnya dilakukan dengan dua cara iaitu yang pertama, telur putih direbus di dalam senduk berendam di dalam kuah mi rebus tiga per empat masak manakala kuning telur yang di dalamnya sesuku masak yang apabila dipecahkan akan meleleh. Manakala cara kedua ialah dengan memasukkan ke dalam plastik yang dilumur sedikit minyak agar tidak melekat dan direbus selama seminit sahaja.

Sewaktu memulakan perniagaan ini, beliau mengambil masa selama tiga hingga empat hari untuk belajar dan berlatih bagi memastikan hasil seperti yang dikehendaki. Sementara sup dimasak menggunakan ramuan khas yang direneh sehingga enam jam sebelum dihidangkan kepada pelanggan. Setiap hari, lima periuk besar sup habis dijual di kedai yang mampu menampung 150 pelanggan pada satu-satu masa.

Firdaus dibantu oleh 40 pekerja bagi memastikan kelancaran operasi dan pelanggan mendapat layanan terbaik terutama pada waktu puncak iaitu tengah hari serta waktu pulang kerja (sekitar pukul 5.00 petang ke atas).

"Pelanggan biasanya akan memesan mi celup telur gedik bersama air buah-buahan smoothie yang dikisar lembut dan dinikmati bersama aiskrim serta ditabur dengan hirisan buah. Rasanya memang lazat dan segar", ujarnya.

Selain pelanggan tetap, kedai ini juga dikunjungi pelanggan dari luar Kelantan terutamanya anak Kelantan di perantauan yang pulang ke kampung halaman sewaktu cuti persekolahan atau cuti umum bagi menikmati keunikan rasa mi celup telur gedik yang istimewa ini.

"Saya merancang untuk memperluaskan perniagaan ini ke setiap daerah di Kelantan dan Lembah Klang," jelasnya yang mengikuti pelbagai kursus keusahawanan, pengurusan perniagaan dan pemasaran sebagai persediaan pada masa hadapan.



Kak Na Mi Celup Telur Gedik, Pasir Mas

Kedai ini mula beroperasi sekitar tahun 2016, di Kampung Kelar, Pasir Mas kemudian berpindah ke lokasi baharu yang lebih strategik di Kampung Kenjong. Suatu ketika nama Kak Na Mi Celup Telur Gedik pernah viral.

Menurut Mat Yusoff Mat Zin, sewaktu mula berniaga, isterinya, Mazlina Mohammad, membuat mi celup di bangsal di hadapan rumah menggunakan resipi warisan ibunya yang diubah suai dan dihidangkan bersama telur gedik.

Percubaan itu berjaya dan mendapat sambutan hangat sehingga tular dan menarik perhatian pihak pengamal media. Pelanggan datang dari jauh dan dekat untuk merasai sendiri keunikan mi celup telur gedik seperti yang diperkatakan.

"Sambutan luar biasa yang diterima membuatkan kami tidak menang tangan. Barangkali inilah yang dikatakan rezeki berkat kerana niat kepulangan kami ke kampung untuk menjaga mak dan mentua yang uzur. Demi menumpukan perhatian kepada orang tua, saya menumpukan syarikat penghantaran milik kami yang beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA)", jelasnya lagi.

Pelanggan boleh memilih mi celup sup perut, ayam dan daging, atau mi celup istimewa berlaukkan perut, ayam, telur gedik dan kaki ayam dengan harga berpatutan dan sesuai dinikmati bersama mi kuning, mi segera, mihun dan kuetiau. Menu double special pula disajikan dengan campuran perut, urat keting, perut bulat, ayam, daging dan telur gedik, berharga RM10.00.

"Mi celup lebih sedap dimakan di kedai berbanding bungkus. Kebanyakan pelanggan suka campur lebih daripada sejenis mi seperti mi kuning dengan mihun, mi kuning dan kuetiau atau semua jenis mi bergantung

kepada selera masing-masing. Kami juga menyediakan pelbagai jenis minuman dan jus buah-buahan segar seperti buah naga, mangga kisar, jagung cinau, air tiga benua iaitu campuran mangga, laici dan aiskrim”, akui Mat Yusoff yang turut terkesan akibat pandemik selain mendapatkan pekerja, bahan mentah seperti perut dan tulang lembu tempatan amat sukar diperolehi.

“Kedai kami dibuka setiap hari dari pukul 12.00 tengah hari hingga 7.00 malam dan bercuti pada hari Rabu. Sambutan yang diterima sangat menggalakkan kecuali hari Jumaat,” jelasnya.

Bagi memenuhi permintaan pelanggan, mereka juga menggunakan perkhidmatan e-hailing untuk menghantar pesanan di sekitar Pasir Mas.



Warung Raysha, Kok Lanas, Kota Bharu

Warung Raysha dikenali sebagai Warung Mi Celup Telur Gedik Lauk Setimbun dalam kalangan pelanggan kerana lauknya yang banyak. Kedai mi celup ini diusahakan pasangan suami isteri iaitu Nurul Amira Saryati Sufian dan Mohd Rizal Mohamed Zin terletak di Kampung Hutan Pasir, Kok Lanas, Kota Bharu.

Menurut Nurul Amira, beliau dan suami suka makan mi celup yang banyak lauk. Namun, kebanyakan restoran yang dikunjungi tidak menyediakan pilihan lauk seperti diingini.

Disebabkan itu, mereka mengambil inisiatif membuka sendiri warung yang mampu memberi kepuasan kepada pelanggan dengan pelbagai pilihan lauk seperti ayam, daging dan perut termasuk telur gedik dengan harga berpatutan.

Di warung ini terdapat 13 jenis pilihan lauk. Antaranya, perut tebal, isi ketam, bebola daging, perut bulat (usus), ikan bilis, udang, sotong, telur sotong, isi ayam, “keropeh” ayam, telur gedik dan telur puyuh.

Tambahnya, “saya belajar memasak mi celup daripada emak. Kemudian resipi itu saya olah dan tambah baik dari semasa ke semasa sesuai dengan selera pelanggan. Selain mi celup, kami menyediakan mi udang, maggi sotong, nasi sup, nasi air, kerabu maggi dan pelbagai masakan panas.”

Bagi memastikan pelanggan mendapat layanan terbaik, beliau dibantu oleh 13 orang pekerja. Dalam masa yang sama, kualiti masakan yang dihidangkan turut diberi keutamaan dengan memastikan bahan-bahan segar sahaja digunakan. Tugas di dapur dilakukan sendiri oleh Nurul Amira bersama ibu dan ayah kerana masing-masing mempunyai kemahiran tersendiri.

Setiap pagi, sebelum memulakan perniagaan, beliau akan ke pasar untuk membeli barang-barang basah dan segar. Menjelang pukul 11.00 pagi, pelanggan sudah boleh mendapatkan menu pilihan sama ada sup atau masakan panas.

Warung ini mampu menampung 100 orang pelanggan dalam satu masa. Selain masakan yang lazat dan harga berpatutan, suasana yang selesa dan parkir yang luas turut menarik pelanggan.

Beliau bersyukur kerana pelanggan sentiasa memberikan sokongan. Mereka bukan sahaja dari daerah berdekatan di Kelantan, bahkan dari seluruh pulusuk negara. Biarpun lokasinya bukan di tepi jalan utama, Warung Raysha tetap menjadi pilihan pelanggan untuk merasai sendiri keenakan mi celup lauk setimbun yang menyelerakan.

“Ketika menghadapi situasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kami menyediakan khidmat penghantaran dari rumah ke rumah dengan tambahan menu baharu iaitu roti john lauk setimbun yang mendapat sambutan di luar jangkaan sehingga ke hari ini,” katanya yang merancang untuk memfrancaiskan perniagaan tersebut di luar Kelantan. 





DR. UMMI ABDULLAH BERLIAN KELANTAN BERKILAUAN DI BENUA JAUH

Anak Kelantan yang menamatkan PhD di Universiti Oxford, salah satu universiti terbaik di dunia secara "on-time" ini memenangi anugerah "Ita Askondas Best Student Presenter", pertandingan antara pelajar peringkat Ijazah doktor falsafah (PhD) yang mendapat liputan meluas di media antarabangsa. Beliau juga berjaya menulis kertas penyelidikan terbitan "The EMBO Jurnal" yang penarafan indeksnya ialah 11.6 iaitu sangat berprestij bagi golongan saintis.

Kemuncaknya, kilauan kesarjanaan Dr. Ummi bak berlian yang memancar dari Kelantan ke Amerika apabila beliau diterima bekerja sebagai pakar di United Kingdom (UK) dan diberikan status visa pekerja berkemahiran (skill worker visa) yang sangat sukar untuk diperolehi jika bukan benar-benar berkelayakan. Qiadah bertuah kerana berpeluang mewawancara ikon inspirasi, Dr. Ummi Abdullah, saintis di Universiti Oxford.




Qiadah: Sudah berapa lama Dr. Ummi berada di UK?

Dr. Ummi: Sudah 10 tahun. Saya bertolak dari Kelantan ke UK pada September 2011 untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat PhD dalam bidang Onkologi di Universiti Oxford berkaitan kanser.

Qiadah: Boleh Dr. Ummi ceritakan pengalaman bekerja di beberapa tempat di UK?

Dr. Ummi: Alhamdulillah, setelah tamat PhD pada tahun 2015 saya terus mula bekerja sebagai saintis di Universiti Cambridge dan terlibat dalam pasukan penyelidik sel kanser yang diketuai oleh Dr. Balasubramaniam, saintis terkemuka dunia dalam



bidang ini. Kemudian saya berpindah kerja ke Universiti Oxford sebagai saintis juga sehingga kini.

Qiadah: Apakah latar belakang keluarga dan asuhan yang membawa kejayaan Dr. Ummi?

Dr. Ummi: Saya berasal dari Kampung Padang Bongor, Jalan Pengkalan Chepa. Bersekolah rendah di Sekolah Rendah Kebangsaan Islah, Jalan Long Yunus. Pada tahun 1997 hingga 1999, saya, emak dan lima adik-beradik ke UK kerana mengikut ayah melanjutkan pendidikan peringkat doktor falsafah di Universiti Birmingham. Semasa di UK, saya mendapat seorang lagi adik lelaki.

Pertengahan tahun 1999, saya dan kakak pulang ke Malaysia untuk menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) manakala kakak pula mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Alhamdulillah, walaupun tinggal bersama datuk dan nenek kerana ayah dan emak masih di UK, kami lulus cemerlang. Kemudian saya ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Pendang dan kakak ke Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa (UIAM).

Semasa di MRSM, saya berniat untuk melanjutkan pelajaran di luar negara dan syukur Allah memberi rezeki saya menjadi pelajar terbaik SPM bagi MRSM Pendang lalu menerima pinjaman boleh ubah oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk membuat ijazah pertama di Universiti State New York (USNY), Amerika dalam bidang bioteknologi.



Dr. Ummi bersama keluarga semasa majlis graduasi.




Dr. Ummi bersama suami.

Sebagai Presiden Persatuan Pelajar Malaysia di kampus USNY, saya berpeluang melaksanakan banyak aktiviti untuk mempromosi Malaysia kepada masyarakat antarabangsa dengan dana, sokongan dan bimbingan daripada Jabatan Penuntut Malaysia (Malaysian Student's Department). Alhamdulillah, kecemerlangan dalam ijazah pertama melayakkan saya dikecualikan membayar keseluruhan pembiayaan pelajaran MARA berjumlah sekitar RM1 juta.

Setelah tamat ijazah pertama, saya pulang ke Malaysia dan bekerja sebagai Pembantu Penyelidik di Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian. Penyelidikan berorientasikan makmal kesihatan mencetuskan minat saya untuk menjadi saintis terkemuka dan bertaraf dunia semakin mendalam dengan bimbingan beberapa profesor di USM.

Disebabkan kecemerlangan pada peringkat ijazah pertama juga, saya dikecualikan daripada mengambil ijazah sarjana. Sebaliknya, terus berpeluang menyambung pendidikan ke peringkat ijazah doktor falsafah (PhD). Saya memilih ke Universiti Oxford kerana Oxford merupakan antara lima universiti terbaik dunia. Keputusan saya tepat apabila panel penarafan universiti pada tahun 2021 menobatkan Oxford sebagai universiti nombor satu di dunia.

Ungkapan "menjadi orang biasa-biasa adalah suatu kesalahan besar jika kita berkemampuan" menjadi motivasi dan slogan keluarga sampai ke hari ini. Ayah



PhD Penyelidikan Biokimia.

pemegang PhD dari Universiti Birmingham, UK dengan biasiswa Kementerian Pendidikan. Manakala ibu pula beroleh PhD dari Universiti Victoria di Wellington, New Zealand tanpa biasiswa. Semangat gigih ayah dan ibu serta mencintai ilmu membuatkan kami sekeluarga mahu menjadi insan terbaik dalam bidang diceburi.

Qiadah: Bagaimana dan mengapa Dr. Ummi memilih Universiti Oxford?

Dr. Ummi: Ayah dan ibu selalu sebut “pergilah belajar di universiti tersohor dunia jika mahu menjadi orang hebat suatu hari nanti”.

Penjenamaan lepasan Oxford membuktikan anak Kelantan diiktiraf dunia. Oleh itu, belajar di universiti terbaik di dalam atau luar negara menjadikan kita “diiktiraf” kerana tempat belajar adalah aura pengiring pada awal permulaan kerjaya yang kita ceburi terutamanya ketika sesi temu duga.

Di Oxford juga, profesor terkemuka dunia membuat penyelidikan dalam pelbagai bidang dan menulis buku berkaitan ilmu masa lalu, semasa dan hadapan.

Qiadah: Apakah panduan untuk anak Kelantan melanjutkan pelajaran ke Oxford?

Dr. Ummi: Pertama, kita mestilah berani untuk memohon ke Universiti Oxford sebab terbukti semangat keberanian itulah yang membawa saya ke mari dan berjaya bekerja di sini.

Kedua, pastikan kita memenuhi syarat kemasukan ke Oxford pada peringkat ijazah pertama, sarjana atau PhD. Oleh itu, persiapan awal amat mustahak terutama semasa menduduki SPM dan belajar di universiti.

Seterusnya, kita perlu melibatkan diri dalam kokurikulum kerana aspek ini sangat diambil kira bagi sesetengah universiti terbaik dunia khasnya kokurikulum yang memerlukan kita terlibat dalam komuniti dan menyumbang bakti kepada masyarakat mengikut keupayaan kita. Contohnya, menjadi motivator kepada pelajar Orang Asli atau menjadi pembimbing rakan sebaya kepada murid-murid pendidikan khas.

Panduan terakhir, penulisan “hasrat diri berkaitan persoalan mengapa kita memilih universiti dan bidang pengajian yang akan kita ikuti mesti bertaraf dunia”. Sudah pastilah, bagi pelajar tidak berkemampuan dari segi kewangan, seseorang itu perlu mendapat tajaan atau biasiswa yang menunjukkan kita mampu mengikut pengajian dengan selesa. Kefasihan dalam bahasa Inggeris juga satu keutamaan.

Oleh itu, apabila berniat untuk ke Oxford perlulah kita belajar, berlatih dan berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan harapan bahasa Inggeris kita berada pada tahap boleh diterima oleh universiti apabila kita menduduki ujian kelayakan bahasa Inggeris. International English Language Testing System (IELTS) dan Test of English as a Foreign Language (TOEFL) ialah dua ujian bahasa Inggeris yang keputusannya diiktiraf oleh semua universiti yang menggunakan pengantar bahasa Inggeris.



Dr. Ummi turut terlibat dalam penyelidikan sel kanser diketuai Dr. Balasubramaniam.

Qiadah: Apakah kelebihan Oxford berbanding universiti ternama dunia yang lain?

Dr. Ummi: Secara umumnya, status satu-satu universiti diukur dan dipantau oleh badan yang diiktiraf dengan melihat kriteria tertentu. Kemasyhuran sesebuah universiti selalunya dalam bidang-bidang tertentu sahaja. Namun jika berjaya menjadi pelajar universiti berkenaan, kita juga mendapat pengiktirafan sebagaimana gahnya universiti tersebut.

Oxford adalah universiti tertua dan tersohor sebagai sebuah universiti di negara penutur bahasa Inggeris. Oxford popular dalam bidang linguistik, kesusasteraan, sains tulen dan perubatan. Bersesuaian dengan bidang pengajian saya menyebabkan Oxford menjadi pilihan pertama walaupun saya juga mendapat tawaran daripada universiti terbaik yang lain. Apabila mendapat tawaran daripada Oxford, saya menerima hadiah biasiswa Yang Di-Pertuan Agong iaitu biasiswa paling berprestij di Malaysia.

Qiadah: Apakah cabaran yang perlu dihadapi Ketika bekerja di luar negara terutamanya di negara bukan Islam?

Dr. Ummi: Cabaran pertama adalah membina budaya cemerlang seperti apa yang diamalkan dalam budaya mereka (orang Inggeris) dan meletakkan diri kita setanding dengan mereka. Empat perkara saya pelajari daripada ayah berkaitan kecemerlangan diri; tepati masa, bekerja bersungguh-sungguh secara profesional, bijak mengisi masa dan bersedia bersaing dengan pemohon lain dari seluruh pelusuk dunia yang ingin bekerja di Universiti Oxford.

Bagi masyarakat Inggeris, tidak menepati masa adalah sesuatu yang aib. Budaya kerja mereka juga bersungguh-sungguh bak kata orang Kelantan "kerja sampai berpeluh ke keting" mengikut ketetapan prosedur operasi standard (SOP) untuk mencapai kualiti.

Qiadah: Mengamalkan budaya Islam dalam masyarakat Inggeris bukankah satu kelainan? Bagaimana Dr. Ummi menghadapinya?

Dr. Ummi: Sebagai seorang Islam dalam komuniti Inggeris, janganlah kita lakukan sesuatu bertentangan dengan ajaran Islam seperti minum arak, berzina, bersekedudukan dan mengabaikan solat.

Amalan budaya kerja cemerlang sangat penting. Elakkan lambat ke tempat kerja dengan alasan menunaikan solat terlebih dahulu sedangkan kita ada masa yang membenarkan kita menunaikan solat seperti waktu rehat, memohon izin untuk solat dan usah mengambil masa yang lama yang membolehkan mereka pandang serong kepada kita. Bahkan, mereka memberi penghormatan dan saya berharap akan ada rakan sekerja yang memeluk Islam suatu hari nanti.

Qiadah: Sebagai sarjana Muslimah di negara barat, apakah pesanan Dr. ummi terhadap pentadbir dan rakyat Kelantan dalam konteks mengekalkan kemakmuran dan keberkatan di Kelantan?

Dr. Ummi: Saya cukup percaya para pelaksana sistem pentadbiran dan pengurusan negeri Kelantan telah melakukan yang terbaik demi kesejahteraan rakyat selama 30 tahun. Saya kerap berjumpa anak Kelantan di serata dunia, maknanya anak Kelantan mampu terbang tinggi. Kerajaan negeri perlu lebih lagi membuka peluang interaksi dua hala antara pemimpin dan sarjana, insya-Allah lebih ramai anak Kelantan menjadi lebih hebat dan dapat berbakti kepada negeri.

Qiadah: Apakah identiti yang Dr. ummi kekalkan sebagai lambang jati diri anak Kelantan di bumi asing?

Dr. Ummi: Identiti kita perlu ditunjukkan adalah jati diri Islam. Kemudian orang akan melihat dari mana asal kita. Saya dari Kelantan, Malaysia - negara Islam. Sebab itulah, saya suka berbaju batik yang jarang ada pada bangsa lain ketika sambutan Hari Raya Puasa, Hari Raya Haji dan Hari Kebangsaan.

Satu lagi, saya kerap membawa makanan ke tempat kerja dan makan bersama-sama staf lain. Nasi kerabu, laksa dan nasi dagang yang diubah suai dengan selera masyarakat di sana menjadi pilihan utama. Saya juga mengundang rakan-rakan dan pelajar Malaysia ke rumah pada Hari Raya dengan menyediakan makan ala Malaysia dan Kelantan. Secara tak langsung, saya mempromosi Malaysia dan Kelantan. Apabila beberapa rakan sekerja saya datang ke Malaysia, saya umpama duta negara dan duta Islam mewakili Kelantan!

Qiadah: Apakah suasana di Kelantan yang selalu Dr. Ummi kenangkan dan rindui ketika berada di negara orang?

Dr. Ummi: Saya sering teringatkan budaya, politik, makanan, pakaian, bahasa dan kesantunan masyarakat Kelantan. Budaya orang Kelantan agak unik berbanding negeri lain. Keakraban cara kita berkawan dan suka mempelawa orang berkunjung ke rumah. Saya sering menerima tetamu dan ayah ialah model terbaik dalam mengajar anak-anak melayan tetamu dengan istimewa.

Qiadah: Apa impian Dr Ummi dalam masa 5-10 tahun ke hadapan?

Dr. Ummi: Sebagaimana impian semasa belajar, saya ingin mendalami ilmu dan menjadi pakar dalam bidang saya dan bergemerlapan bagaikan "berlian" terunggul yang berkilau ilmu dan baktinya di seluruh pelusuk dunia. Alhamdulillah, saya berusaha ke arah itu dengan sentiasa mencari peluang bekerja dan melibatkan diri dalam penyelidikan terkini. 



MISI BANTUAN PASCA BANJIR di Temerloh, Pahang

Sebagai salah satu tanggungjawab sosial korporat kumpulan PMBK dalam menyantuni mangsa-mangsa banjir, satu Misi Bantuan Pasca Banjir ke Pahang (MASCAN'21) telah diadakan pada 30 Disember 2021 hingga 02 Januari 2022 di Pahang. Misi ini merupakan aktiviti kebajikan berbentuk inisiatif bantuan keperluan asas kepada mangsa banjir dan perkhidmatan pembersihan kawasan banjir di sekitar Bukit Lanchang dan Mentakab yang mana kawasan ini paling terjejas sehingga menenggelamkan 80 peratus perumahan.

Misi ini turut disertai oleh Persatuan Anak Kelantan di Perantauan Malaysia (PERAKAN), Jabatan Amal Malaysia, Pertubuhan Amal Perubatan Ibnu Sina Malaysia (PAPISMA), Kelab Darulnaim, Pertubuhan R, dan Persatuan Farmasi Komuniti Negeri Kelantan yang berpengalaman dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Kerjasama dengan beberapa Badan Bukan Kerajaan (NGO) ini adalah bagi memastikan segala bantuan di lapangan dapat berjalan dengan jayanya dan mencapai objektif utama misi tersebut. Selain itu juga, melalui program sebegini dapat meningkatkan semangat kerjasama dalam kalangan warga kerja kumpulan PMBK dengan masyarakat luar.

Majlis pelepasan konvoi yang melibatkan lori, kereta pacuan empat roda dan van telah disempurnakan oleh Dato' Panglima Perang Dato' Mohd Nassuruddin Daud selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta, di Bandar Baru Tunjong. Beliau mengingatkan para sukarelawan agar menjaga tingkah laku supaya khidmat yang disumbangkan tidak menimbulkan fitnah serta sentiasa berhati-hati semasa perjalanan pergi dan pulang. 



MASCAN 21



AKTIVITI PMBK

Oleh: Nur Aimi Zulkifli



KUM MEMBAWA AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN NEGERI KELANTAN

Kerajaan negeri Kelantan telah mula mendapat pendedahan awal berkenaan teknologi hijau setelah menyertai International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) sejak tahun 2014 di mana Kerajaan Negeri mula membina rangkaian yang lebih meluas dengan pelbagai pihak seperti jabatan Persekutuan dan pemain utama industri teknologi hijau.

Ekspo Hijau Kelantan pula bermula dari tahun 2015 sehingga 2018 telah mempamerkan cadangan projek teknologi hijau seperti projek hidrokuasa kecil, projek solar terapung di Tasik Danau Tok Uban, basikal elektrik, beca elektrik, bas elektrik, kereta elektrik, plastik biodegradasi, baja kompos organik dan lain-lain lagi. Bahan pameran ini juga turut dipamerkan dalam IGEM sehingga menarik minat para pelabur untuk datang melihat potensi untuk membangunkan produk dan projek teknologi hijau di negeri Kelantan.

Susulan daripada pendedahan secara langsung berkenaan teknologi hijau ini, kerajaan negeri telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Ekspo Hijau yang dikelola oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN), Kelantan Utilities Mubaarakan


Holdings Sdn. Bhd. (KUM) dan Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) yang akhirnya menghasilkan Pelan Induk Pembangunan Mampun (PIPM) pada tahun 2019. Bengkel Ekspo Hijau Kelantan ini turut disertai oleh pemain industri teknologi hijau dari dalam dan luar negeri Kelantan.

PIPM juga telah membuka ruang kepada kerajaan negeri Kelantan untuk berhubung dengan agensi Persekutuan yang bertanggungjawab dalam melaksanakan pembangunan teknologi hijau iaitu MGTC. Pihak MGTC juga telah banyak mengadakan kerjasama dengan KUM dalam Program Rumah Ibadat Hijau dan juga PBT dalam Low Carbon City 2030 Challenge.

Townhall PIPM bertujuan untuk menguar-uarkan kepada orang ramai berkenaan PIPM ini telah diadakan pada 16 Mac 2022 yang mana ia telah dihadiri oleh wakil Ahli Dewan Undangan Negeri ADUN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Tanah dan Jajahan serta agensi-agensi kerajaan negeri Kelantan. Majlis ini telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar.



Pembentangan secara maya oleh Penasihat Pembangunan Mampan Negeri Kelantan.



Pembentangan oleh wakil MGTC: Norhasliza Mohd Mokhtar.



Pembentangan oleh wakil MIGHT: Dr. Raslan Ahmad.



Pembentangan resolusi program oleh wakil KUM: Haji Mahadi Mokhtar.

Pada program tersebut, Tuan Mohd Saripudin menyeru agar semua PBT bersikap lebih proaktif dalam membangunkan projek dan program yang memberi impak besar kepada pengurangan karbon di bandar-bandar utama negeri Kelantan. Terdapat lima elemen yang perlu ditekankan iaitu air, tenaga, sisa, mobiliti dan penghijauan.

Hasil daripada kesemua inisiatif bagi mempromosikan teknologi hijau dan pembangunan mampan di negeri Kelantan, kesemua PBT Negeri Kelantan telah berjaya menerima peruntukan Geran Gerak yang telah disalurkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), Untuk melaksanakan projek yang memberikan impak terhadap pengurangan karbon di bandar-bandar utama dalam negeri ini.

Satu Pelan Tindakan Pintar dan Bandar Rendah Karbon atau Smart & Low Carbon City Action Plan bagi negeri Kelantan akan disediakan sebagai panduan PBT untuk melaksanakan program di bawah LCC2030 Challenge. Selain daripada itu, kerajaan negeri telah memperuntukkan sejumlah peruntukkan pada tahun ini untuk melaksanakan baseline dan certification audit dalam usaha untuk mendapatkan sijil Diamond hasil daripada program LCC2030 Challenge ini.

Kerajaan negeri juga telah melantik KUM sebagai platform yang menghubungkan jabatan dan agensi kerajaan negeri Kelantan dengan para pemain utama untuk membawa agenda pembangunan mampan serta membangunkan teknologi hijau di Kelantan.



Majlis Perasmian disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Saripuddin Tuan Ismail.



AKTIVITI PMBK

Oleh: Shariah Derahman

Mohd Norfirdaus Johari
Pembantu Tadbir Perancangan Strategik



Nazri Mohamed
Pembantu Operasi Pejabat KPEK



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020



Siti Noor Alwani Hamid
Pengurus Undang-undang



Mohd Nizam Fitri Mohamed
Pegawai Kanan Hartanah



Siti Norazami Mohamed Anuar
Pegawai Komunikasi Korporat



Mohamed Mazri Mohamed
Penolong Pengurus Audit Dalaman

Pihak Perbadanan mengucapkan sekalung tahniah dan penghargaan di atas kecemerlangan yang telah ditunjukkan pada tahun 2020. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun-tahun mendatang untuk menjadi inspirasi kepada warga kerja yang lain. Tahniah dan syabas! 🎉



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI BANGLO MEWAH MESRA SYARIAH DI PASIR GENDA, TANAH MERAH

Projek Perumahan Wadi Iman Eksklusif Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) di Pasir Genda, Tanah Merah telah siap sepenuhnya pada tahun 2021. Sebanyak 12 buah banglo mewah setingkat berkeluasan 1,752 kaki persegi (keluasan tanah 5,605 kaki persegi) telah dibangunkan dengan empat bilik tidur dan empat bilik air yang cukup selesa didiami seisi keluarga.

Majlis Penyerahan Kunci telah diadakan secara ringkas di kawasan perumahan tersebut pada 6 Januari 2022 kepada lapan orang pembeli yang disempurnakan oleh Pengurus Kanan Hartanah Kumpulan PMBK. Para pembeli amat berpuas hati dengan kualiti rumah dan konsep reka bentuk yang terkini.

Selain daripada reka bentuk rumah yang menarik dan moden yang menggunakan bahan binaan berasaskan bata merah, beberapa kemudahan lain turut disediakan termasuk jalan tar, saluran longkang yang sistematik, pajakan bebas rizab Melayu, kawasan kejiranan yang selamat dan bebas banjir. Projek ini juga terletak di lokasi yang strategik iaitu berhampiran dengan bandar Tanah Merah, sekolah dan pejabat-pejabat kerajaan.

Malah, konsep mesra syariah juga dijadikan syarat utama dalam membangunkan sesebuah projek perumahan PMBK bagi memastikan keluarga sakinah dan mawaddah dapat dibentuk berlandaskan ajaran Islam. 





HARI BERTEMU PELANGGAN BIO TAJMEEL DENGAN KERJASAMA FUNNEL EVO

Bio Tajmeel Cosmeceutical Sdn. Bhd. (BTCSB) merupakan anak syarikat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dimiliki oleh 100% bumiputera telah mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan Bio Tajmeel dengan kerjasama pasukan Jejak Usahawan Funnel Evo pada 9 Januari 2022. Funnel Evo merupakan sebuah jenama di bawah SIFOO International Sdn. Bhd. bermula tahun 2016 oleh Mohd Fahdi Mohd Ghazali yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dalam talian dan aktif dalam pemasaran menggunakan Internet sejak tahun 2008.

BTCSB merupakan salah satu daripada 100,000 usahawan yang telah menjalinkan kerjasama dengan Funnel Evo dalam memperkasakan pemasaran produk dan perkhidmatan syarikat secara digital seiring dengan trend masa kini.

Kerjasama Program Hari Bertemu Pelanggan ini terjalin apabila bangunan PMBK menjadi lokasi pertama Funnel Evo bagi Misi Jejak Usahawan mereka pada tahun ini. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan termasuk konsultasi percuma bina produk jenama sendiri, tawaran eksklusif kepada pengasas-pengasas produk, cabutan bertuah dengan hadiah yang menarik dan lain-lain lagi.



"Kami memberi ujian makmal (ujian mikrob) secara percuma dan tambahkan lima peratus produk daripada jumlah tempahan kepada pengasas yang hadir. BTCSB juga membuka peluang kepada usahawan yang berminat untuk menjadi Nutrifera Fighter dengan yuran pendaftaran ejen serendah RM375 berbanding harga asal RM432.60, iaitu penjimatan sehingga lebih RM50. Bukan itu sahaja, usahawan yang mendaftar sebagai Nutrifera Fighter akan membawa pulang tujuh Set Produk Rambut Nutrifera, T-Shirt Nutrifera Fighter dan Mug Nutrifera. Bagi pelanggan produk Nutrifera yang membuat pembelian lebih daripada RM50 juga turut menerima satu produk Nutrifera percuma secara rawak", ujar Pengurus BTCSB iaitu Zairos Fadiela Zainal Abidin.

Beberapa orang pengasas produk dan ejen Nutrifera sempat ditemu bual bagi memberikan respon dan maklum balas mengenai perkhidmatan bina jenama sendiri dan produk yang dikeluarkan oleh BTCSB. Secara tidak langsung, kerjasama dengan Funnel Evo ini telah berjaya mengumpulkan usahawan yang berkualiti tinggi untuk membangun bersama BTCSB selain dapat bertukar pendapat. 





TEROWONG MASA

Sumber dan foto ehsan daripada
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

TEROWONG MASA

TEPI SUNGAI 1905

Permandangan Sungai Kelantan pada tahun
1905, gambar diambil daripada Kampung Pasir
Pekan, Tumpat.





TEPI SUNGAI 2021



Permandangan Sungai Kelantan diambil daripada Kampung Pasir Pekan, Tumpat. Gambar diambil pada tahun 2021.



DIALEK KELANTAN

Oleh: Shariah Derahman dan disemak oleh Abdullah Mohd Yassin (Munsiy Dewan)

DIALEK KELANTAN KATA PENGUAT

Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti frasa atau kata adjektif dan berfungsi menguatkan maksud yang terkandung dalam frasa atau frasa adjektif. Terdapat tiga jenis kata penguat iaitu kata penguat hadapan, kata penguat belakang dan kata penguat bebas. Dialek Kelantan biasanya menggunakan kata penguat belakang yang membawa maksud sangat atau amat. Di bawah, disenaraikan beberapa perkataan dialek Kelantan yang termasuk dalam kata penguat.



PAHIT LLEPEY: PAHIT SANGAT

Merujuk rasa makanan atau minuman yang sangat pahit. Sebutannya 'pa-hik lle-pey'.



MANIS LLETING: MANIS SANGAT

Merujuk rasa makanan atau minuman yang sangat manis. Sebutannya 'ma-nis lle-ting'.



MASEY PPUGHIK: MASAM SANGAT

Merujuk rasa makanan atau minuman yang sangat masam. Sebutannya 'ma-sey ppu-ghik'.



MASING PPEGHAK: MASIN SANGAT

Merujuk rasa makanan atau minuman yang sangat masin. Sebutannya 'ma-sing ppe-ghak'.



TAWAR HEBEY: TAWAR SANGAT

Merujuk rasa makanan atau minuman yang sangat tawar. Sebutannya 'ta-war hey-bey'.



PEDAH NYENGA: PEDAS SANGAT

Merujuk rasa makanan yang sangat pedas. Sebutannya 'pe-dah nye-nga'.



CEGHOH CERACO/BBOLEY: SANGAT CERAH

Merujuk suasana atau cuaca yang terang benderang. Sebutannya 'ce-ghoh ce-gha-cho atau bbo-ley'.



BUSUK BBANGA: SANGAT BUSUK

Menunjukkan bau yang sangat busuk bagi orang, seperti peluh dan bau mulut. Sebutannya 'bu-suk bba-nga'.



GELAK GELEMAK: SANGAT GELAP

Merujuk suasana atau cuaca yang sangat gelap. Sebutannya 'ge-lak ge-le-mak'.



BUSUK KOHONG: SANGAT BUSUK

Merujuk bau busuk sampah atau sisa makanan. Sebutannya 'bu-suk ko-hong'.



KUCA HAYA: SANGAT BERCELARU

Merujuk situasi atau keadaan yang tidak tentu arah atau kacau bilau. Sebutannya 'ku-cha ha-ya'.



COMEY LLOTEY: SANGAT CANTIK/COMEL

Merujuk rupa yang sangat cantik. Sebutannya 'co-mey llo-tey'.



KUGHUH KEKEK: SANGAT KURUS

Merujuk saiz badan (manusia atau haiwan) yang sangat kurus. Sebutannya 'ku-ghuh ke-kek'.



HUDOH BBANGA: SANGAT HODOH

Merujuk rupa yang sangat hodoh. Sebutannya 'hu-doh bba-nga'.



PANJEY JJEYLOR: SANGAT PANJANG

Merujuk ukuran yang sangat panjang. Sebutannya 'pan-jey jjey-lor'.



GEMUK MMEYTONG/DDEBOK: SANGAT GEMUK

Merujuk saiz badan (manusia atau haiwan) yang sangat gemuk. Sebutannya 'ge-muk mmey-tong atau dde-bok'.



PENDEK KKETOK: SANGAT PENDEK

Merujuk ukuran yang sangat pendek. Sebutannya 'pen-dek kke-tok'.



BODO KETOK: SANGAT BODOH

Merujuk orang atau perbuatan yang sangat bodoh. Sebutannya 'bo-do ke-tok'.



وَرَبِّدَانِيْنَ بِمَا جَوْرَانَا قَضَا دِيْكَرِيْ كَلَنْتِيْنَ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN



PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah



📍 Tingkat 4-11, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan.

🌐 www.pkink.gov.my 📺 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

✉ pkink@pkink.gov.my 📞 Tel : 09-7414141 📠 Faks : 09-7414140

WADI IMAN

PASIR GENDA, TANAH MERAH

Banglo Mewah Mesra Syariah

HARGA BERMULA DARI

RM428,500

Tawaran Kami

**HADIAH
1 UNIT AIRCOND**



Spesifikasi Kediaman

- Struktur
Rangka konkrit bertetulang
- Bumbung
Jubin konkrit/kerangka keluli ringan
- Dinding
Bata merah
- Luas rumah
1,752 kp
- Luas tanah
5,605 kp

■ Percuma yuran guaman
(Tanpa disbursement)

■ Deposit serendah RM500 sahaja

Kelebihan Kami

- Rumah siap dengan CCC
- Hak milik kekal
- 4 bilik tidur
- 4 bilik air



PELAN LOKASI
WADI IMAN PMBK II
PASIR GENDA

KOORDINAT LOKASI
5.831522148058898, 102.1221069689494



Hubungi segera:

011-2546 9440 Yusri
013-981 0054 Syazwan



بازر توؤ گورو
BAZAR TOK GURU

JOM NIAGA MEGA

USAHAWAN
KELATE
Jom Daftar

✓ SEWA LOT RM90
✓ SEWA BELI RM350

HUBUNGI SEGERA

019-932 2295
011-2546 9440

Bazar Tok Guru

bazarviralkelate

BAUCAR

15% LOT BIASA

10% LOT PENJURU

DISKAUN BAGI 50 PEMBELI

#BAZARVIRALKELATE

www.pmbk.gov.my

Bazar Tok Guru

bazarviralkelate

NAMA:
ALAMAT:

NO. IC:

Baucar ini sah untuk pembelian di lot tingkat 2 & 3 Bazar Tok Guru



رظوان حافيزو
RIDZWAN HAFIZU
DEVELOPMENT HOLDINGS SDN BHD



RH RESIDENCE

Our company provide the following service :

- *Land & Property Development
- *Agriculture & Livestock
- *Boutique Hotel
- *Gold & Bar



RIDZWAN HAFIZU
DEVELOPMENT
HOLDINGS SDN BHD

PT 1499 TINGKAT 2&3 BANDAR BARU TUNJONG,
JALAN KUALA KRAI, 16060 KOTA BHARU KELANTAN.

+609-740 5581

+013-940 2969

rhniaga3@gmail.com

"Menyempurnakan Kehidupan Anda"